

**MALAYSIA**

**DEWAN NEGARA**

**Isnin, 3hb. Jun, 1996**

**Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang**

**D O A**

[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*]

---

**JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI  
PERTANYAAN-PERTANYAAN**

**PEMBELIAN TENAGA OLEH TNB - KADAR SEUNIT**

1. **Tuan Tan Swee Hueng** minta Menteri Tenaga, Telekom dan Pos menyatakan berapakah harga belian seunit (kadar) oleh TNB dari IPP. Berapa peratuskah keuntungan mereka dari hasil jualan tersebut.

**Timbalan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos [Dato' Chan Kong Choy]:** Tuan Yang di-Pertua, harga belian seunit tenaga elektrik oleh TNB dari IPP sebenarnya berbeza di antara IPP-IPP. Misalnya untuk YTL harga belian adalah secara take or pay dan adalah pada satu harga sahaja. Untuk IPP-IPP lain pembayaran adalah dalam dua bentuk iaitu bayaran kapasiti dan bayaran tenaga.

Harga ini ada juga berkaitan dengan jangka masa kendalian sesuatu janakuasa itu. Ini bermakna harga untuk loji "base load" adalah berlainan dari loji "peak load". Pada amnya angka Internal Rate of Return (IRR) digunakan sebagai panduan untuk menetapkan harga ini.

Keuntungan sebenar IPP-IPP ini hanya dapat dianalisa sepenuhnya selepas mereka beroperasi secara komersil sepenuhnya untuk memberi gambaran yang munasabah dan tidak mengelirukan kerana akaun-akaun mereka di audit.

**Tuan Tan Swee Hueng:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya minta penjelasan dari Timbalan Menteri, harga pembelian TNB dari pihak IPP itu ditetap sebelum agreement ditandatangani atau selepas agreement ditandatangani. Kalau sebelum agreement ditandatangani, mengapa sekarang di Bakun itu timbul masalah harga? Kalau selepas agreement ditandatangani, apa akan terjadi kalau ada deadlock di Bakun. Dan bagi pihak kementerian jika langkah seperti ini adakah adil kepada pembeli seperti TNB atau pengguna seperti kita?

**Dato' Chan Kong Choy:** Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya harga pembelian tenaga elektrik daripada IPP ini adalah tertakluk kepada syarat-syarat yang dipersetujui oleh kedua-dua pihak dalam perjanjian pembelian tenaga ataupun, power purchase agreement dan saya hendak memaklumkan kepada Dewan yang mulia ini bahawa perjanjian ini perlu dirunding dan dipersetujui oleh kedua-dua pihak iaitu TNB dan IPP sebelum berurusniaga boleh dilakukan dan kedua-dua pihak khususnya TNB dan pihak kementerian akan memastikan bahawa perjanjian ataupun harga pembelian ini adalah adil

kepada pihak TNB dan IPP dan tidak membebankan rakyat dan negara pada keseluruhannya.

Untuk kes Bakun ini, perundingan masih diteruskan tetapi satu prinsip iaitu prinsip adil untuk semua pihak mesti diikuti dan mesti dipegang oleh semua pihak.

**Tuan Ding Seling:** Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri, sehubungan dengan IPP yang menggunakan arang batu. Mengikut maklumat yang kita dapati bahawa 90% daripada arang batu yang digunakan itu adalah dari luar negeri, maka ini menyebabkan ratusan keuntungan yang diperolehi oleh pihak TNB agak kurang, kalau itu benar, lebih daripada 90% adakah kerajaan bercadang untuk utilisasikan resources kita di tempatan dalam Malaysia?

**Dato' Chan Kong Choy:** Tuan Yang di-Pertua, setahu saya belum ada IPP yang menggunakan arang batu untuk mengeluarkan atau menjanakan elektrik setakat ini. Tetapi dalam rancangan pihak TNB atau pihak kerajaan bahawa kita akan mewujudkan satu lagi paip IPP tidak lama lagi iaitu di Yan, Kedah di mana kita akan menggunakan arang batu sebagai bahan api, kapasitinya lebih kurang 1,000 megawat.

Untuk maklumat Ahli Yang Berhormat kesemua arang batu ini akan di import dari Sarawak keseluruhannya.

**BSKL - MEMBANTERAS AKTIVITI SPEKULASI**

2. **Tuan Ng See Tiong** minta Menteri Kewangan menyatakan:-
- (a) sejauh manakah langkah-langkah yang berkesan yang telah diambil oleh pihak kerajaan bagi membanteras aktiviti spekulasi yang keterlaluan di BSKL; dan
  - (b) cara bagaimanakah BSKL menandakan sesuatu kaunter yang wujud kegiatan spekulasi yang luar biasa.

**Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan [Dr. Haji Shafie bin**

**Mohd. Salleh]:** Tuan Yang di-Pertua,

- (a) amalan spekulasi di mana “seseorang pelabur membeli atau menjual saham untuk mendapatkan keuntungan segera hasil daripada pergerakan harga di pasaran saham” adalah merupakan ciri dasar sesuatu pasaran saham. Namun begitu amalan spekulasi yang keterlaluan boleh membayangkan kegiatan pasaran yang kurang sihat. Bagi mengesan, mengawal dan membanteras kegiatan spekulasi yang keterlaluan itu Peraturan Perniagaan Bursa Saham Kuala Lumpur (BSKL) memperuntukkan bahawa had kenaikan dan penurunan harga saham bagi sesuatu kaunter adalah pada tahap 30% bagi setiap sesi dagangan.

BSKL juga boleh menandakan, dengan izin, designate, sesuatu kaunter itu jika terdapat kegiatan spekulasi yang luar biasa. Setakat ini langkah-langkah yang kerajaan ambil di BSKL

adalah agak berkesan dalam membanteras aktiviti spekulasi yang keterlaluan. Akta perindustrian 1983 juga memperuntukkan bahawa aktiviti-aktiviti yang kurang sihat termasuk yang berkaitan dengan kegiatan spekulasi sebagai satu kesalahan yang boleh dikenakan penalti. Suruhanjaya Sekuriti akan sentiasa mengawasi usaha-usaha BSKL bagi memastikan keberkesanannya terhadap peruntukan akta itu.

- (b) di bawah Peraturan Perniagaan BSKL, sesuatu kaunter boleh ditanda apabila BSKL mendapati berlakunya spekulasi yang keterlaluan. Salah satu caranya ialah dengan meneliti pergerakan harga kaunter berkenaan. Sekiranya pergerakan harganya didapati luar biasa, BSKL boleh menandakan kaunter itu setelah berunding dengan Suruhanjaya Sekuriti. Terima kasih.

**Tuan Ng See Tiong:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Mengapakah pelabur-pelabur di BSKL ini terlampau cepat bertindak atau dengan izin, over react terhadap sesuatu berita-berita angin terutama berita-berita angin politik [*Ketawa*] dan adakah.....

**Tuan Yang di-Pertua:** Tuan Ng, satu sudahlah tambahan. Satu tambahan cukuplah.

**Dr. Haji Shafie bin Mohd. Salleh:** Tuan Yang di-Pertua, prinsip-prinsip atau faktor-faktor yang mempengaruhi harga saham ialah:

- (i) Laporan Kewangan;
- (ii) Potensi;
- (iii) Sektor yang diceburi;
- (iv) Pembelian berlebihan sebelum disenaraikan;
- (v) Prestasi pasaran tempatan dan luar negeri;
- (vi) Khabar angin.

Inilah faktor-faktor yang boleh turun naiknya harga saham di kaunter.

Terima kasih.

**Tuan Haji Abu Bakar bin Haji Ismail:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan saya bilakah kerajaan bercadang melaksanakan pasaran saham secara Islam?

**Dr. Haji Shafie bin Mohd. Salleh:** Tuan Yang di-Pertua, dengan adanya perubahan akta yang baru dilakukan bahawa apa yang kita harapkan nanti bahawa kita akan mengadakan satu Majlis Fatwa Islam mengenai kesemua yang berkaitan dengan kewangan.

### **MUTU SUKAN DI PERINGKAT ANTARABANGSA - RANCANGAN JANGKA PENDEK DAN JANGKA PANJANG**

3. **Dato' Haji Zainal bin Md. Deros** minta Menteri Belia dan Sukan menyatakan:-

- (a) rancangan jangka pendek dan jangka panjang untuk meningkatkan mutu sukan di peringkat antarabangsa; dan
- (b) berapakah perbelanjaan yang diperuntukkan untuk mencapai cita-cita meningkatkan mutu sukan seperti badminton, bola sepak, hoki, tenis, sepak takraw dan pingpong.

**Timbalan Menteri Belia dan Sukan [Dato' Loke Yuen Yow]:** Tuan

Yang di-Pertua,

- (a) rancangan jangka pendek yang dilaksanakan oleh Kementerian Belia dan Sukan untuk membantu persatuan-persatuan sukan kebangsaan mempertingkatkan mutu sukan diperingkat antarabangsa ialah melalui program latihan sukan Komanwel 1998 yang melibatkan 15 jenis sukan dan program latihan 3 tahun bagi sukan-sukan lain untuk Sukan Asia 1998 yang melibatkan 15 jenis sukan juga dan program latihan 3 tahun bagi sukan-sukan lain untuk Sukan Asia yang melibatkan 24 jenis sukan. Program-program ini mempunyai sasaran tertentu iaitu Sukan Komanwel 1998 dan Sukan Asia juga diadakan pada tahun 1998.

Tuan Yang di-Pertua, program jangka panjang akan dilaksanakan mulai tahun ini melalui program pembangunan sukan pilihan yang melibatkan 15 jenis sukan dan program ini melibatkan atlet yang berumur 13 hingga 21 tahun.

- (b) Peruntukan yang disediakan bagi melaksanakan program latihan Sukan Komanwel 1998, untuk tempoh dari tahun 1993 hingga 1998 ialah kira-kira RM211 juta. Peruntukan ini meliputi kos membawa masuk seramai 89 orang jurulatih asing, pembinaan tempat latihan, pembelian peralatan, menyertai pertandingan, penginapan dan makan kerana latihan sepenuh masa, jurulatih tempatan sepenuh masa seramai 34 orang serta keperluan-keperluan lain.

Peruntukan yang disediakan untuk program latihan 3 tahun ke Sukan Asia tahun 1998 adalah berjumlah RM7.1 juta.

**Tuan M.G. Pandithan:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Pada satu ketika Malaysia telah menjadi juara dalam semua bidang sukan, terutama badminton, hoki, atlet, bola sepak tetapi sekarang mutu sukan telah jatuh begitu teruk kerana ada permainan politik dalam badan-badan yang terlibat dalam bidang sukan ini. Apakah tindakan kerajaan untuk mengurangkan atau menghapuskan permainan politik dengan pegawai-pegawai dalam badan-badan sukan ini.

**Dato' Loke Yuen Yow:** Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Belia dan Sukan sedar bahawa sesetengah persatuan-persatuan sukan ataupun pertubuhan-pertubuhan sukan itu tidak begitu efektif dalam menjalankan tugas-



tugas mereka dan juga dalam menjalankan latihan-latihan yang lebih berkesan. Ini adalah disebabkan oleh banyak faktor.

Mengenai terlalu banyak politik di dalam persatuan-persatuan sukan yang menjadi satu faktor yang penting mengapa mutu sukan kita ini telah menurun, Kementerian Belia dan Sukan telah memberi amaran kepada persatuan-persatuan sukan supaya pemimpin-pemimpin mereka tidak terlalu terlibat dalam politicking, dengan izin. Satu akta pembangunan sukan akan dibentang di Dewan Rakyat dan Dewan Negara ini tidak lama lagi dan dengan adanya akta itu Menteri Belia dan Sukan akan mempunyai kuasa untuk campur tangan secara langsung ke dalam hal ehwal persatuan-persatuan sukan ini. Hingga sekarang ini Menteri Belia dan Sukan tidak boleh campur tangan kerana tidak mempunyai kuasa langsung. Orang kata dalam Inggeris “no power without responsibility”, tetapi dalam kes ini banyak responsibility tetapi langsung tidak ada kuasa. Ini kita nampak adalah satu keadaan yang tidak sihat hingga adanya akta itu baru kita boleh membasmiikan semua aktiviti politik termasuk latihan-latihan dan sebagainya yang tidak sihat dalam persatuan-persatuan sukan.

**Tuan Haji Abu Bakar bin Haji Ismail:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan saya adakah pada pandangan kerajaan bahawa kemerosotan mutu sukan yang tidak konsisten berpunca daripada pengurusan sukan itu sendiri yang lebih berorientasikan komersil daripada kepentingan sukan itu sendiri.

**Dato' Loke Yuen Yow:** Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya tidak. Ini tidak jadi satu faktor yang melibatkan kemerosotan mutu sukan negara kita ini. Dari segi positif, ini pengurusan sukan semakin menjadi komersil (commercialise) akan memberi pengaruh yang baik supaya atlet-atlet dalam sukan lebih berminat untuk berlatih lebih kuat lagi. Ini tidak menjadi faktor yang negatif.

#### **LESEN/PERMIT TEKSI - SYARIKAT-SYARIKAT YANG BERJAYA**

4. **Dato' Abdul Aziz bin Abdul Rahman** minta Menteri Pembangunan Usahawan menyatakan:

- (a) adakah pihak Kementerian Perusahaan Utama dan kerajaan sedar bahawa rasional memberi lesen teksi kepada syarikat-syarikat besar telah berjaya memperhambakan pemandu teksi yang berpuluh-puluh tahun memandu tetapi permohonan permit mereka tidak dilayan; dan
- (b) sila senaraikan syarikat-syarikat bumiputera dan bukan bumiputera serta jumlah permit teksi yang diberi dan sila nyatakan jumlah pemandu teksi bumiputera dan bukan bumiputera di Kuala Lumpur khususnya dan di seluruh Semenanjung Malaysia yang mempunyai permit sendiri dan yang tidak mempunyai permit.

**Menteri Pembangunan Usahawan [Dato' Mustapa bin Mohamed]:**

Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Kerajaan sedar bahawa perkhidmatan teksi termasuklah di Kuala Lumpur menimbulkan banyak isu dan masalah. Isu-isu dan masalah ini adalah berkaitan dengan perasaan tidak puas hati di kalangan

pemandu-pemandu kerana kebanyakan mereka memandu kereta ataupun menyewa kereta daripada orang lain sama ada orang individu yang diberikan lesen ataupun syarikat-syarikat yang mendapat lesen. Dalam anggaran kami cuma 20% sahaja pemandu di Kuala Lumpur memandu teksi yang dimiliki oleh mereka, bermakna 80% memandu teksi yang disewa sama ada daripada individu yang mendapat permit ataupun daripada syarikat-syarikat yang mendapat permit.

Perasaan kecewa ini ialah kerana mereka bekerja kuat iaitu 11 hingga 12 jam sehari secara puratanya dan mereka merasa tertekan dan dieksploitasikan dan oleh hal yang demikian, ini telah menjejaskan tahap perkhidmatan teksi di Kuala Lumpur.

Menyedari perkara ini, kementerian sejak bulan Jun yang lepas telah membekukan pemberian permit baru teksi bertujuan untuk rasionalise, dengan izin, perkhidmatan teksi di Kuala Lumpur untuk memperbaiki mutu perkhidmatannya. Setelah kita mengenakan pembekuan tersebut, beberapa perbincangan telah kami adakan, bukan sahaja dengan pemandu-pemandu teksi, tetapi juga dengan

pengusaha-pengusaha teksi dalam rangka untuk mencari jalan bagaimana perkhidmatan boleh diperbaiki dan untuk mengurangkan perasaan tidak puas hati di kalangan pemandu.

Tetapi saya ingin menjelaskan di sini bahawa masalah ini amatlah rumit. Oleh yang demikian, dalam setahun yang lalu kita telah mengadakan banyak perbincangan dengan pihak-pihak yang terlibat, termasuklah pemegang-pemegang permit, persatuan-persatuan dan pemandu. Sehingga hari ini, kita belum lagi dapat merangka satu dasar yang boleh dianggap berkesan untuk mengatasi masalah yang dihadapi oleh pemandu-pemandu teksi, khususnya di Kuala Lumpur.

- (b) Saya ingin memaklumkan bahawa dari segi angkanya, bilangan pemegang lesen teksi di seluruh negara mengikut bumiputera dan bukan bumiputera seperti yang dipohon oleh Yang Berhormat Dato' Abdul Aziz, bumiputera, pemegang lesennya ialah 3,717 dan bukan bumiputera, pemegang lesennya ialah 2,852. Ini dari segi bilangan pemegang lesen dan

setengah daripada pemegang lesen ini mempunyai lebih daripada satu permit.

Dari segi bilangan teksi yang beroperasi ataupun yang dilesenkan pula ialah 12,553 di seluruh negara. Kalau kita lihat kepada individu yang diberikan permit teksi di seluruh negara, bilangannya ialah 5,684 dan daripada bilangan tersebut, 3,158 adalah untuk bumiputera dan 2,526 adalah untuk pemandu bukan bumiputera.

**Dato' Abdul Aziz bin Abdul Rahman:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah pihak kerajaan sedar bahawasanya mereka yang memandu teksi kepunyaan syarikat-syarikat besar ini, pertama sekali terpaksa membayar duit muka sebanyak RM5,000 lebih dan yang keduanya, terpaksa bekerja begitu tenat, seperti yang dinyatakan tadi dan eksploitasinya meningkat yang mana merupakan seolah-olah kalau dahulunya wujud sistem padi kunca, sekarang ini wujud "teksi kunca" di mana eksploitasinya yang hebat. Jadi, adakah pihak kerajaan mahu merombak sistem yang ada sekarang ini di mana pemandu teksi yang memandu teksi kepunyaan syarikat-syarikat besar ini tidak perlu membayar duit muka dan hanya mengendalikan teksi dengan berasaskan kepada berapa jam sehari dan terpaksa membayar mengikut hari dan tidak

membayar duit muka kerana kalau bayar duit muka, seperti dia membeli teksi sendiri - RM5000, dia boleh dapat Proton Saga untuk dijadikan teksi.

**Dato' Mustapa bin Mohamed:** Tuan Yang di-Pertua, kerajaan sedar bahawa pemandu teksi, sebelum mereka boleh memandu, dikehendaki membayar wang pertaruhan ataupun deposit antara RM3,000 hingga RM5,000 seorang. Ini adalah antara masalah yang kita kenalpasti dan wang deposit ini dikenakan oleh pihak syarikat ataupun pemilik permit antara lainnya untuk membolehkan mereka membeli teksi sebagai modal untuk membolehkan mereka membeli teksi yang diperlukan dan ini memanglah ada masalah. Oleh itulah saya nyatakan tadi, kita sedang melihat perkara ini secara menyeluruh bagaimana boleh diatasi kerana masalah ini rumit, telah terlalu lama dan bukan senang hendak merombak satu sistem yang telah lama bertapak di negara kita beberapa tahun. Kita telah mengambil masa kira-kira setahun untuk menangani isu ini, berbincang dengan berbagai pihak dan kita akan cuba, seperti mana yang saya katakan awal tadi, bukan hendak menyelesaikan semua masalah yang dihadapi oleh pemandu, tetapi sekurang-kurangnya mengurangkan masalah yang mereka hadapi supaya mereka tidak merasa tertekan, rasa kecewa dan supaya mereka tidak marah kepada kerajaan.

Masalahnya kalau kita bercakap dengan pemandu-pemandu teksi ini, saya sedar bahawa mereka marah kepada kerajaan oleh kerana sistem yang ada hari ini, perasaan kecewa mereka. Kita sedang menangani isu ini.

**Tuan Haji Abdul Majid bin Haji Baba:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah kementerian bercadang untuk memberikan lesen kepada mereka yang tidak berpuas hati dan bilakah masanya permohonan ini akan dibuka semula?

**Dato' Mustapa bin Mohamed:** Tuan Yang di-Pertua, kita berpendapat bahawa bilangan permit yang ada pada masa ini mencukupi. Oleh itulah, itu antara sebabnya kenapa kita membekukan pengeluaran permit teksi baru.

Yang keduanya, sebab kenapa kita membekukan ialah untuk membolehkan kita membuat beberapa penyesuaian dan pembaikan rasionalization dan improvement. Jadi, buat masa ini, kita belum lagi bercadang hendak membuka atau hendak mencairkan pembekuan ini. Kita akan hanya membuat keputusan itu setelah kajian menyeluruh dan pembaikan dibuat mengenai semua isu dan masalah berkaitan dengan perkhidmatan teksi. Jadi, buat masa ini masih lagi dibekukan.

#### **INDUSTRI KAMPUNG - SYARAT BANTUAN PERALATAN**

5. **Tuan Haji Abdul Salam bin Awang** minta Menteri Pembangunan Luar Bandar menyangakan apakah syarat-syarat untuk mendapatkan alat-alat jentera bagi industri kampung (cottage industry) sebagaimana yang disediakan oleh kementerian.

#### **Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Luar Bandar**

**[Tuan Douglas Uggah Embas]:** Tuan Yang di-Pertua, dalam menimbang permohonan untuk menyertai program pembangunan industri luar bandar,

Kementerian Pembangunan Luar Bandar, permohonan-permohonan akan dikaji berdasarkan kriteria-kriteria berikut:-

- (i) aspek projek industri yang diceburi oleh pemohon;
- (ii) aspek keusahawanan pemohon;
- (iii) aspek mesin/alatan yang dipohon;
- (iv) aspek kawasan tempat operasi;
- (v) aspek modal.

Aspek projek industri akan diteliti bagi menentukan bahawa projek atau industri yang diceburi oleh pemohon benar-benar berdaya maju dan berpotensi. Penilaian dibuat bagi menentukan iaitu ianya selaras dengan sektor-sektor yang digalakkan menunjukkan peningkatan dari segi kualiti dan kuantiti selaras dengan kehendak pasaran, mempunyai nilai tambah yang tinggi, beroperasi secara berterusan dengan penggunaan mesin secara optimum.

Di bawah aspek keusahawanan pula, pemohon akan dinilai bagi menentukan mereka yang berjaya itu adalah terdiri daripada pemohon-pemohon yang mempunyai ciri-ciri keusahawanan yang unggul dan benar-benar terlibat dalam operasi syarikat secara sepenuh masa dan sebagai operator. Dengan itu, mereka ini mestilah membuktikan bahawa mereka mempunyai kelayakan yang sesuai serta mempunyai pengetahuan dan pengalaman di dalam industri yang hendak diceburi.

Tuan Yang di-Pertua, aspek mesin/peralatan diambilkira bagi menentukan supaya mesin-mesin yang dipohon benar-benar diperlukan dalam



proses pengeluaran dan bersesuaian dengan kemampuan pengusaha, termasuk dari segi pengetahuan teknikal untuk menggunakan mesin tersebut, kapasiti mesin berbanding dengan permintaan produk dan keupayaan memasarkan produk yang bertambah.

Dari aspek kawasan operasi, keutamaan adalah diberi kepada projek industri di kawasan luar bandar dan bengkel ditempatkan di lokasi yang sesuai.

Dari aspek modal pula, syarikat yang layak ialah syarikat yang mempunyai dana pemegang saham atau shareholder fund, dengan izin, tidak melebihi RM2.5 juta dan juga mempunyai modal pusingan tidak kurang dari 10% dari nilai mesin/peralatan yang dipohon.

### **TELEFON BERGERAK - MUTU KOMUNIKASI**

**6. Puan Faridah binti Abu Hassan** minta Menteri Tenaga, Telekom dan Pos menyatakan adakah pihak kerajaan bercadang membenarkan lebih banyak syarikat-syarikat tempatan mendapatkan lesen pengenalan talian telefon bergerak (mobile phone) di masa hadapan. Adakah benar tanggapan bahawa dengan bertambahnya rangkaian penggunaan talian telefon mudah alih seperti Celcom, Mobikom dan sebagainya itu menjejaskan mutu komunikasi antara pemanggil dan penerima.

**Timbalan Menteri Parlimen Kementerian Tenaga, Telekom dan Pos, [Dato' Chan Kong Choy]:** Tuan Yang di-Pertua, buat masa ini kerajaan tidak bercadang untuk mengeluarkan lagi lesen bagi perkhidmatan telefon bergerak.

Pertambahan rangkaian penggunaan telefon mudah alih tidak menjejaskan mutu komunikasi di antara pemanggil dan penerima. Ini adalah kerana semua rangkaian dan alat telekomunikasi terlebih dahulu perlu mendapat kelulusan teknikal daripada Jabatan Telekom Malaysia sebelum beroperasi dan dipasarkan.

**Tuan Haji Kasim bin Mh. Yusop:** Tuan Yang di-Pertua, ada dakwaan bahawa gelombang-gelombang mikro ini mendatangkan bahaya kepada orang ramai terutama sekali yang digunakan di dalam telefon-telefon bimbit. Saya ingin tahu adakah kajian telah dibuat terutama sekali bagi menara-menara yang dibina bersebelahan dengan rumah-rumah ataupun tempat-tempat kediaman?

**Dato' Chan Kong Choy:** Tuan Yang di-Pertua, menurut beberapa kajian yang telah dibuat di seluruh dunia, tidak ada lagi bukti yang kukuh yang menyatakan microwave ini akan menjejaskan keselamatan pengguna khususnya pengguna telefon bimbit.

Berkenaan dengan menara ataupun telecom tower yang dibina oleh pengusaha-pengusaha telekomunikasi, kesemuanya kena mengikut piawaian (standard) yang telah pun ditetapkan oleh pihak Jabatan Telekom Malaysia dan ini adalah jauh rendah daripada tahap yang akan menjejaskan kesihatan orang ramai.

**Tuan Ng See Tiong:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah pihak kementerian bercadang untuk mengurangkan sewa bulanan bagi telefon mobile?

**Dato' Chan Kong Choy:** Tuan Yang di-Pertua, berkenaan dengan perkara ini, kementerian dan kerajaan amnya telah menggunakan satu konsep yang dikenali sebagai konsep maximum price capping, iaitu mereka tidak boleh caj lebih daripada satu harga yang ditetapkan iaitu RM60.00 sebulan tetapi

mereka boleh ataupun digalakkan untuk menurunkan sewaan bulanan ini. Ini dibiarkan kepada mereka mengikut kehendak pasaran.

### **GURU SANDARAN - KURSUS DALAM CUTI**

7. **Tuan N. Marimuthu** minta Menteri Pendidikan menyatakan rancangan-rancangan yang diatur oleh kerajaan untuk menguruskan lagi Kursus Dalam Cuti (KDC) bagi guru-guru sandaran memandangkan ramai guru sandaran yang berminat tidak dipilih mengikut kursus tersebut baru-baru ini. Nyatakan juga jumlah guru sandaran mengikut kursus tersebut baru-baru ini. Nyatakan juga jumlah guru sandaran mengikut mata pelajaran yang diajar yang sedang berkhidmat sekarang.

**Menteri Pendidikan [Dato' Seri Haji Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak]:** Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kursus Dalam Cuti (KDC) (Khas) telah diadakan pada Februari 1996 lalu merupakan satu program khas bertujuan untuk menampung kekurangan guru-guru terlatih di sekolah rendah bagi mata pelajaran tertentu seperti Bahasa Cina, Bahasa Tamil, Pengajian Agama Islam, Pendidikan Khas, Bahasa Inggeris, Matematik dan Sains.

Kementerian Pendidikan telah mengambil seramai 2,110 orang untuk kursus KDC (Khas) ambilan 1996 di 13 buah maktab di seluruh negara. Dengan adanya latihan KDC (Khas) ini, kualiti pendidikan di sekolah rendah dapat dipertingkatkan dan bilangan GSTT dapat dikurangkan. Adalah dijangkakan bilangan GSTT akan terus berkurangan apabila guru terlatih dari Maktab Perguruan keluaran Jun 1996 seramai 5,187 orang, pada Disember

1996 seramai 8,848 orang dan pada tahun 1997 seramai 14,053 orang akan memulakan tugas di sekolah.

Bilangan Guru Sandaran Tidak Terlatih pada 25hb. Mac 1996 mengikut mata pelajaran adalah seperti berikut:-

1.	Pengajian Melayu	431
2.	Pengajian Inggeris	1,256
3.	Pengajian Cina	1,636
4.	Pengajian Tamil	707
5.	Pengajian Muzik	18
6.	Matematik dan Sains	732
7.	Pengajian Islam	1,427
		=====
	JUMLAH	6,207
		=====

**Dato' Abdul Aziz bin Abdul Rahman:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Bolehkah kerajaan nyatakan berapa ramaikah guru-guru sandaran yang diletakkan di sekolah-sekolah luar bandar, vis-a-vis, dengan izin, sekolah-sekolah dalam bandar kerana kita dapati kemerosotan pencapaian murid-murid sekolah luar bandar adalah antara lain diakibatkan oleh kekurangan guru-guru yang terlatih dan banyaknya guru-guru sandaran yang diletakkan di luar bandar?

**Dato' Seri Haji Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak:** Tuan Yang di-Pertua, kebanyakan guru-guru sandaran memang berkhidmat di luar bandar berbanding di bandar dan kementerian sudah menyedari akan perkara ini.

Sebab itulah dalam jangka yang terdekat dengan ambilan baru yang telah dilakukan oleh kementerian dan apabila mereka mula bertugas tidak berapa lama lagi, saya yakin bahawa masalah guru sandaran ini akan dapat diselesaikan.

**Tuan Ng See Tiong:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah guru-guru yang mengikuti KDC setaraf dengan guru-guru yang mengikuti kursus di maktab perguruan dari semua segi?

**Dato' Seri Haji Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak:** Dari segi latihan iktisad, dijangka memadai.

#### **NELAYAN BOT 70 TAN - JUMLAH DENDA**

8. **Tuan Haji Bakri bin Haji Ali Mahamad** minta Menteri Pertanian menyatakan:-

- (a) adakah tangkapan yang dilakukan oleh Polis Marin terhadap nelayan yang menggunakan bot 70 tan ke atas seperti yang banyak berlaku di Kedah boleh menyelesaikan masalah nelayan pinggir pantai dan adakah menepati garisan zon yang dibuat atau secara rambang sahaja; dan
- (b) setakat ini berapakah jumlah tangkapan dibuat dan berapakah jumlah denda yang diperolehi hasil dari tangkapan ini. Di samping itu berapakah jumlah nelayan yang hilang pekerjaan berpunca dari tindakan ini.

**Setiausaha Parlimen Kementerian Pertanian [Dato' Abu Bakar bin Taib]:** Tuan Yang di-Pertua, bagi soalan,

- (a) Kerajaan sesungguhnya amat prihatin atas masalah yang dihadapi oleh nelayan pinggir pantai di negeri Kedah. Bot-

bot 70 tan ke atas adalah dalam Kategori Zon C2 iaitu bot-bot ini diwajibkan untuk beroperasi di kawasan yang melebihi 30 batu nautika dari pantai.

Bot-bot nelayan pinggir pantai pula ialah dalam Kategori Zon A iaitu bot-bot ini biasanya beroperasi di kawasan yang kurang daripada 5 batu nautika daripada pantai. Berdasarkan kepada pemerhatian yang telah dibuat, bot-bot 70 tan ke atas tidak dibenarkan untuk beroperasi dan mengganggu kawasan yang telah dikhaskan untuk bot-bot nelayan pantai.

Sekiranya mereka melanggar syarat yang telah ditetapkan itu, mereka boleh didakwa di bawah seksyen 8(b) Akta Perikanan 1985. Ini adalah bertujuan untuk melindungi mata pencarian nelayan-nelayan pantai tersebut.

Lokasi kesalahan dilakukan dipastikan dengan menggunakan Global Positioning System (GPS) yang dapat menunjukkan dengan tepat lokasi sebenar kejadian. Justeru itu, tidak timbul persoalan yang menyatakan bahawa tangkapan yang dibuat dilakukan dengan secara rambang sahaja.

- (b) Sehingga April 1996, sebanyak 65 kes buah vesel penangkapan ikan tempatan telah ditahan di perairan Kedah kerana melakukan kesalahan di bawah Akta Perikanan 1985. Kompaun sebanyak RM97,000 dan denda mahkamah RM3,600 telah dikenakan. Dalam tempoh tersebut juga, 1994 sehingga April 1996, hanya 13 tangkapan yang melibatkan bot tempatan 70 tan ke atas telah ditahan kerana melakukan kesalahan di bawah Akta Perikanan 1995.

Tangkapan yang dilakukan terhadap bot-bot tempatan itu sebenarnya tidak menyebabkan golongan nelayan ini kehilangan pekerjaan. Ini adalah kerana sekiranya bot tersebut ditahan, mereka boleh bekerja di atas bot menangkap ikan yang lain.

#### **PEKILANG/PEMAJU MELANGGAR AKTA ALAM SEKITAR - JUMLAH DENDA**

9. **Tuan Haji Kasim bin Mh. Yusop** minta Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar menyatakan berapa ramaikah rakyat Malaysia yang telah didakwa di mahkamah di negara ini kerana melanggar Akta Alam Sekitar, dan apakah jenis kesalahan yang telah mereka lakukan.

**Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar [Dato' Abu Bakar bin Daud]:** Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, daripada tahun 1980 hingga 1995, Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar telah mengambil tindakan mahkamah kepada 1,013 pekilang dan pemaaju yang melanggar Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974.

Bagi tempoh berkenaan, kes yang paling banyak adalah pada tahun 1994 di mana 162 pesalah telah dibawa ke mahkamah. Manakala mengikut negeri pula, negeri Selangor mencatatkan bilangan yang tertinggi iaitu sebanyak 216 kes.

Untuk tahun 1995 sahaja sebanyak 149 kilang atau pemaju telah diambil tindakan mahkamah kerana melakukan berbagai kesalahan di bawah akta yang sama. Daripada jumlah kesalahan tersebut, 84 kes adalah kerana melepaskan affluent ke alur air melebihi standard yang telah ditetapkan, 15 kes masing-masing kerana tidak mematuhi syarat-syarat lesen dan melanggar standard pelepasan ke udara. Bakinya adalah kerana kesalahan pelbagai, seperti tidak mematuhi syarat-syarat EIA, notis arahan dan perintah larangan. Sekian, Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Haji Abdul Majid bin Haji Baba:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Apakah langkah kementerian mengawal pencemaran alam kepada bengkel ataupun workshop yang bertaburan di luar bandar?

**Dato' Abu Bakar bin Daud:** Tuan Yang di-Pertua, ini semua adalah tanggungjawab kerajaan-kerajaan tempatan, apabila lesen-lesen belum dikeluarkan, maka ianya perlu mematuhi syarat-syarat pengeluaran. Jadi, inilah perkara-perkara yang diharapkan supaya kerajaan-kerajaan tempatan apabila dibina kilang-kilang ini, workshop diawasi pembinaan-pembinaan ini supaya tidak berlaku pencemaran.



**Tuan Haji Abdul Salam bin Awang:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Beberapa minggu atau bulan yang sudah terdapat satu pembakaran tanaman kelapa sawit daerah Meluas, di Sungkai. Dilaporkan di dalam akhbar asapnya sehingga menghadang jalan-jalan dan susah kelihatan begitu jauh. Jadi, apakah tindakan kerajaan terhadap pembakaran 'open burning' dengan izin, yang dilakukan oleh planters di negara kita?

**Tuan Yang di-Pertua:** Di Sungkai, Perak?

**Tuan Haji Abdul Salam bin Awang:** Sungkai.

**Dato' Abu Bakar bin Daud:** Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya pihak berkuasa tempatan telah mengambil tindakan ke atas kes ini. Tiada siapa manusia pun boleh kawal tentang pencemaran yang dibuat oleh manusia serupa ini. Itulah diharapkan supaya kerajaan tempatan, pihak-pihak yang bertanggungjawab supaya mengawasi perkara-perkara macam ini.

#### **JALAN RAYA KOTA BELUD/RANAU - CADANGAN KERAJAAN PUSAT**

10. **Puan Kamalia binti Ibrahim [Di bawah S.O.23(2)]** minta Menteri Kerja Raya menyatakan bilakah pengendalian (State Funded Project) jalan raya Kota Belud/Ranau boleh diambil alih oleh Kerajaan Persekutuan menerusi kementeriannya.

**Menteri Kerja Raya [Dato' Seri S. Samy Vellu]:** Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Kerja Raya belum mempunyai cadangan untuk mengambil

alih pengendalian jalan raya Kota Belud/Ranau untuk dijadikan sebagai jalan Persekutuan.

**Tuan Yang di-Pertua:** Jawapan yang lengkap. Tidak ada soalan tambahan langsung, Yang Berhormat.

### **DIPLOMA PERGURUAN - SKIM GAJI**

11. **Tuan Tan Son Lee** minta Menteri Pendidikan menyatakan:-

- (a) setelah sijil perguruan dinaikkan taraf diploma perguruan, bermakna gaji pemegang diploma akan juga dinaikkan, berapakah gaji permulaan mereka ini; dan
- (b) bagaimana pula dengan pemegang sijil perguruan yang sedang dan akan berkhidmat di sekolah-sekolah di mana gaji mereka adalah mengikut skim gaji sijil dan bukan skim gaji diploma.

**Dato' Seri Haji Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak:** Tuan Yang di-Pertua,

- (a) sukacita dimaklumkan bahawa kerajaan telah bersetuju dengan cadangan Kementerian Pendidikan bagi menaikkan taraf sijil perguruan kepada diploma perguruan. Memandangkan cadangan di antara skim tanggagaji ini masih dalam penelitian, Jabatan Perkhidmatan Awam, maka gaji permulaan pemegang diploma perguruan belum dapat diumumkan; dan

- (b) gaji baru bagi guru-guru yang mempunyai kelayakan sijil asas perguruan akan diselaras mengikut skim gaji baru diploma perguruan dan berdasarkan kepada kaedah-kaedah tertentu ia akan diputuskan oleh kerajaan.

**Tuan Haji Abu Bakar bin Haji Ismail:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan saya, adakah kerajaan sedar bahawa profesion pendidikan telah menurun di sisi pandangan masyarakat disebabkan kerana gaji yang tidak setimpal dengan tugas? Lebih-lebih lagi apabila sistem SSB dilaksanakan, ianya menjadi lebih complicated lagi menyebabkan guru rasa tidak puas hati.

**Dato' Seri Haji Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak:** Tuan Yang di-Pertua, langkah yang akan dibuat oleh kerajaan, iaitu menggantikan skim sijil dengan diploma perguruan merupakan langkah ke arah meninggikan lagi martabat profesion perguruan. Dan beberapa langkah lain akan dilakukan dari semasa ke semasa untuk memperbaiki taraf dan mutu perkhidmatan perguruan. Yang menjadi masalah ialah kerana bilangan para guru itu agak besar. Hampir 1/3 daripada Perkhidmatan Awam terdiri daripada para guru, dan sebarang perubahan membawa implikasi kewangan yang besar. Namun demikian, kerajaan menerima hakikat bahawa keadaan perkhidmatan perguruan ini perlu diperbaiki dari semasa ke semasa.

**PENGIKLANAN MAKANAN DI TELIVISYEN - SYARAT**

12. **Tuan M.G. Pandithan** minta Menteri Penerangan menyatakan adakah pengiklanan barang-barang makanan, khasnya makanan kanak-kanak disiarkan dalam radio dan televisyen mempunyai sijil penilaian kesihatan dan apakah aspek yang diteliti sebelum memberi kelulusan untuk pengiklanan barang-barang tersebut.

**Timbalan Menteri Penerangan [Dato' Dr. Suleiman bin Mohamed]:**

Tuan Yang di-Pertua, semua iklan makanan untuk kanak-kanak yang diluluskan siarannya menerusi radio dan televisyen oleh kementerian ini dikehendaki mematuhi kod etika pengiklanan dan tidak bercanggah dengan peraturan yang ditetapkan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia. Bagi memastikan peraturan ini dipatuhi, kementerian ini sentiasa mendapat kerjasama daripada Bahagian Kawalan Mutu Makanan, Kementerian Kesihatan Malaysia, khususnya sewaktu memberi pertimbangan ke atas iklan-iklan makanan yang mengandungi tuntutan-tuntutan yang keterlaluan mengenai khasiat barang-barang makanan dan ketepatan dakwaan mengenai isi kandungan atau zat makanan tersebut.

**Tuan Haji Kasim bin Mh. Yusop:** Tuan Yang di-Pertua, tentang pengiklanan ini, ada rancangan-ancangan terutama sekali popular, kita dapati pengiklanan, bahasa yang digunakan untuk pengiklanan itu melebihi ataupun melampaui masa 10 minit. Bagi kita yang menonton rancangan-ancangan merasa amat bosan sekali untuk menunggu sambungan rancangan itu. Saya hendak tahu apakah syarat-syarat masa yang ditetapkan untuk pengiklanan ini

telah ditetapkan oleh kementerian, dan berapa panjangkah waktu yang diperuntukkan?

**Dato' Dato' Drs. Suleiman bin Mohamed:** Tuan Yang di-Pertua, mana-mana program yang disiarkan melalui televisyen tentulah mendapat sponsorship, dengan izin, yang merupakan revenue kepada program atau kementerian sendiri. Namun demikian, kita tetapkan agar program setengah jam kita memberi iklan sebanyak tidak melebihi daripada 6 minit satu-satu program.

**Tuan Haji Jamaludin bin Haji Ahmad:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan saya. Adakah kerana iklan ini kadang-kadang bila kita tengok TV kita jemu. Baru tengok dua-tiga minit iklan pun keluar. Adakah cadangan kerajaan untuk membuka lagi satu channel untuk iklan sahaja? *[Ketawa]*

**Dato' Drs. Suleiman bin Mohamed:** Tuan Yang di-Pertua, kerajaan belum mempunyai rancangan untuk hal yang demikian.

### **PERTANIAN KOMERSIL - GALAKAN**

13. **Puan Hajah Mastika Junaidah binti Husin** minta Menteri Pertanian menyatakan:-

- (a) adakah kementerian bersetuju sektor pertanian yang melibatkan pengeluaran makanan memerlukan sistem pengurusan yang baik, modal yang besar, sumber tenaga manusia yang intensif; dan
- (b) pertanian komersil digalakkan di kalangan petani-petani. Berapakah bilangan pertanian secara komersil yang

berjaya di bawah bimbingan agensi dalam Kementerian Pertanian.

**Dato' Abu Bakar bin Taib:** Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Pertanian bersetuju dengan cadangan yang telah diberikan bahawa usaha-usaha yang baik dan modal yang agak besar dan masa yang intensif adalah diperlukan untuk menjadikan sektor pertanian bercorak komersil moden dan mampan. Kementerian Pertanian melalui Rancangan Malaysia Ketujuh memberi penekanan kepada pertanian dari segi komersil. Jabatan Pertanian sehingga kini telah berjaya membangun dan membimbing petani di bawah projek untuk menjalankan pertanian komersil seperti buah-buahan, sayur-sayuran, padi, koko dan sebagainya.

Di samping itu, seramai 11,000 wanita petani telah menjadi ahli kumpulan pembangunan wanita petani (KW) telah terlibat dalam projek pemerosesan makanan komersil seperti kerepek ubi, pisang, cili sos, jeruk, kicap serta projek pengetahuan makanan. Seramai 1,944 belia tani juga telah terlibat menjalankan projek pertanian.

**Tuan Haji Abu Bakar bin Haji Ismail:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan saya mengapakah kerajaan agak terlambat sedikit menswastakan bidang pertanian ini sedangkan ia boleh menggunakan agensi-agensi yang sedia ada termasuklah pusat-pusat pengajian tinggi seperti Universiti Pertanian, Mardi, sekolah-sekolah vokasional dan sebagainya?

**Dato' Abu Bakar bin Taib:** Memang kerajaan menggalakkan pihak swasta pertanian, disebabkan semua projek swasta. Hanya kerajaan memberi tumpuan perkhidmatan pengembangan, research dan lain-lain lagi. Kerajaan tak ambil bahagian. Hanya sesuatu aspek tertentu yang melibatkan pendidikan

yang kerajaan buat. Pendidikan juga boleh dikatakan diberi attention. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Adakah itu soalnya?

**Tuan Haji Abu Bakar bin Haji Ismail:** Kalau lebu ray dan bidang-bidang lain kerajaan boleh mempercepatkan swasta dan kita tahu dalam bidang pertanian dan pemakanan, ini sangat penting dan melibatkan rakyat berpendapatan rendah, mengapakah kerajaan tidak serius hendak menswastakan supaya ianya lebih berjaya?

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Tuan Haji Abu Bakar, saya ingat kita bataskan kepada soalan pertama dan saya ingat Tuan Haji Abu Bakar hendak menjelaskan soalan yang sama, tetapi nampaknya, ini macam soalan yang kedua.

**Tuan Haji Abu Bakar bin Haji Ismail:** Kenapa kerajaan tidak segerakan penswastakan?

**Tuan Yang di-Pertua:** Jadi, ini penjelasan untuk soalan asal?

**Tuan Haji Abu Bakar bin Haji Ismail:** Ya.

**Tuan Yang di-Pertua:** Sila.

**Dato' Abu Bakar bin Taib:** Tuan Yang di-Pertua, pertanian semuanya dijalankan oleh pihak swasta. Misalnya, saya sebagai tuan tanah ada 10 ekar tanah, saya swastakan, yang menjalankan usaha tanah itu saya sendiri dan juga pihak estet, itu semua pihak swasta yang jalankan. Saya ingat perkara ini tidak timbul, mungkin Yang Berhormat maksudkan ialah pihak Mardi, Fama dan

LPP mungkin perlu diswastakan. Agensi kerajaan itu bukan untuk memberi perkhidmatan, misalnya Fama melibatkan diri dalam pemasaran, Mardi dari segi research - itulah yang dipersoalkan.

**Tuan Haji Abdul Majid bin Haji Baba:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Apakah langkah-langkah yang akan diambil oleh Kementerian Pertanian untuk menambah pengeluaran beras di negara kita dan adakah akan menambah subsidi kepada penanam padi?

**Dato' Abu Bakar bin Taib:** Tuan Yang di-Pertua, kerajaan tidak bercadang hendak menambahkan subsidi sekarang ini - tidak bercadang. Itu soalan pertama.

Kedua, memang kerajaan sedang menjalankan usaha meningkatkan pengeluaran padi di negara kita. Kita menjalankan penyelidikan, misalnya kita telah menambahkan daripada 3 tan satu hektar kepada 5 tan satu hektar - telah dijalankan dan insya-Allah kita akan cuba memberi penekanan kepada padi baru yang terlibat dan insya-Allah kita akan cuba meningkatkan.

**Tuan Yang di-Pertua:** Tadi ada soalan tentang subsidi. Adakah hendak tambah subsidi dan sebagainya.

**Dato' Abu Bakar bin Taib:** Tidak ada cadangan.

#### **TAMAN PERINDUSTRIAN KOTA KINABALU - PELAKSANAAN PROJEK**

**14. Tuan Isli bin Haji Siput** minta Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri menyatakan apa peranan yang akan dan telah dimainkan oleh



Kementerian dalam membantu usaha Kerajaan Sabah menjayakan projek “Kota Kinabalu Industrial Park” (KKIP).

**Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri [Dato’ Hishamuddin bin Tun Hussein]:** Tuan Yang di-Pertua, projek Taman Perindustrian Kota Kinabalu atau, dengan izin, Kota Kinabalu Industrial Park, sedang dilaksanakan oleh kerajaan negeri Sabah melalui sebuah anak syarikat milik penuh Perbadanan Kemajuan Ekonomi Negeri Sabah iaitu KKIP, Sdn. Bhd. Walaupun Kerajaan Negeri Sabah pada keseluruhannya bertanggungjawab ke atas pelaksanaan projek ini, Kerajaan Persekutuan melalui beberapa kementerian dan jabatan yang berkaitan telah dan akan terus memberi sokongan padu supaya projek ini dilaksanakan dengan jayanya. Sebagai contoh, Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI) telah dan akan terus menggalakkan pelabur-pelabur asing dan tempatan menempatkan pelaburan mereka di Taman Perindustrian Kota Kinabalu.

Pada bulan April, 1996 yang lepas, Yang Berhormat Menteri Pembangunan Industri negeri Sabah sendiri telah menyertai misi perdagangan dan pelaburan Yang Berhormat Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri ke San Jose dan Los Angeles, Amerika Syarikat. Melalui misi tersebut Yang Amat Berhormat Menteri Pembangunan Industri Sabah telah pun berpeluang bertemu dengan pelabur-pelabur di sana.

Tuan Yang di-Pertua, selain daripada tindakan promosi dan galakan pelaburan yang dinyatakan, MITI telah meluluskan 3 projek perkilangan

dengan jumlah pelaburan bernilai RM119.6 juta untuk ditempatkan di Taman Perindustrian Kota Kinabalu. Projek-projek tersebut ialah projek mengeluarkan, dengan izin, Galvanized Steel dan pre-painted steel sheet; bingkai cermin mata (spectacle frames) dan coated single face paperboard. Di samping itu, Malaysia Industrial Estates Sdn. Bhd. (MIEL) akan membina 16 kilang unit kilang di Taman Perindustrian yang sama. Selain daripada projek-projek yang dinyatakan ini, MITI bersedia menimbangkan projek-projek lain untuk ditempatkan di Taman Perindustrian Kota Kinabalu.

**Tuan Frankie Chong Yu Chee:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin tahu daripada Yang Berhormat Setiausaha Parlimen, saya difahamkan bahawa kelewatan ataupun kelembapan Kota Kinabalu Industrial Park (KKIP) ini adalah disebabkan berbagai-bagai tuntutan pampasan daripada penghuni-penghuni ataupun penduduk-penduduk yang duduk di kawasan tersebut.

Jadi, saya ingin tahu sama ada pampasan-pampasan ini telah siap ataupun sudah selesai diuruskan oleh pihak kerajaan.

**Dato' Hishamuddin bin Tun Hussein:** Tuan Yang di-Pertua, seperti yang saya sebutkan tadi, bidang kuasa mengenai perkara yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat adalah di bawah bidang kuasa kerajaan negeri.

## **EKSPORT MALAYSIA KE SINGAPURA**

**15. Tuan Haji Ghazali bin Haji Embong** minta Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri menyatakan adakah Malaysia pasaran eksport terbesar di Singapura.

**Dato' Hishamuddin bin Tun Hussein:** Tuan Yang di-Pertua, menurut statistik Malaysia pada tahun 1995 nilai eksport kita ke Singapura adalah sebanyak RM37,598.7 juta. Nilai ini merupakan 20.3% daripada jumlah keseluruhan eksport Malaysia. Singapura merupakan pasaran eksport kedua terbesar - 20.3% selepas Amerika Syarikat - 20.7% dan diikuti pula oleh Jepun - 12.7%.

Nilai import dari Singapura pula adalah RM24,059.7 juta dan Singapura merupakan pasaran import Malaysia yang ketiga besar iaitu 12.4% selepas Jepun - 27.3% dan Amerika Syarikat -16.3%.

Tuan Yang di-Pertua, daripada jumlah eksport Malaysia ke Singapura sebanyak RM37,598.7 juta, adalah dianggarkan bahawa Singapur mengeksport semula 35% atau RM13,160 juta ke pasaran-pasaran lain. Ini bermakna bahawa RM24,439 juta daripada eksport Malaysia ke Singapura di gunakan sepenuhnya di negara itu. Memandangkan hakikat ini, kerajaan telah berusaha untuk menggalakkan pengeksporan tempatan untuk mengeksport terus ke pasaran luar dengan menggunakan pelabuhan tempatan seperti Pelabuhan Kelang, Pelabuhan Pulau Pinang dan Pelabuhan Pasir Gudang. Antara langkah-langkah yang diambil termasuk:

- (i) menggalakkan syarikat perkapalan untuk memberi perkhidmatan pelayaran terus daripada Pelabuhan Kelang -

Pada masa ini 30 syarikat perkapalan membuat pelayaran terus daripada pelabuhan tersebut;

- (ii) perkhidmatan 24 jam oleh pihak yang terlibat dalam pengendalian pelabuhan, kastam dan agensi-agensi yang berkaitan;
- (iii) memperbaiki taraf perkhidmatan haulage;
- (iv) mengadakan perkhidmatan feeder yang lebih cekap di antara Pelabuhan Pulau Pinang dan Pelabuhan Kelang; dan
- (v) pelaksanaan Electronic Data Interchanged (EDI), dengan izin, bagi mempercepatkan pemerosesan dokumen bagi eksport dan import.

Kerajaan yakin bahawa langkah-langkah tersebut dapat menggalakkan eksport Malaysia secara terus melalui pelabuhan-pelabuhan tempatan.

**Dato' Abdul Aziz bin Abdul Rahman:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah pihak kerajaan mempunyai, dengan izin, market intelligence untuk mengetahui ke mana barang-barang yang di re-eksport oleh Singapura itu perginya. Bukan kerana haulage, kerana ini dan kerana itu, maksud saya, kalau kita mempunyai market intelligence kita tahu pasaran yang ditunjukkan oleh Singapura dan kita pula mempunyai langkah persendirian untuk mengambil pasaran itu sehinggakan kita sendiri dapat mengeksportnya secara langsung.

**Dato' Hishamuddin bin Tun Hussein:** Tuan Yang di-Pertua, memang tidak boleh dinafikan bahawa pendekatan yang dicadangkan oleh Yang Berhormat Dato' tadi, sokongan dan kakitangan yang sedia ada mungkin terhad dari pihak kementerian. Tetapi seperti yang telah saya nyatakan dalam jawapan asal tadi, bahawa kita sekarang sedang meneliti dan mengkaji melalui agensi-

agensi yang sedia ada untuk mengenal pasti syarikat-syarikat yang telah mengeksport barangan mereka melalui Pelabuhan Singapura dan sedang cuba menasihati mereka untuk menggunakan pelabuhan-pelabuhan yang sedia ada di negara Malaysia ini.

**Tuan Haji Kasim bin Mh. Yusop:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Kita pernah menerima maklumat bahawa setengah daripada bahan-bahan yang kita eksport ini telah direpack oleh Kerajaan Singapura dan menggunakan jenama Singapura sendiri. Dan ada juga barangan kita yang diproses semula dan di eksport melalui Singapura menggunakan jenamanya sendiri. Saya ingin tahu adakah kementerian dapat menyenaraikan barangan-barangan itu.

**Dato' Hishamuddin bin Tun Hussein:** Tuan Yang di-Pertua, buat masa ini kementerian belum bersedia untuk menyenaraikan perkara-perkara yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat, tetapi masih lagi dalam kajian kementerian.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Tuan Michael Bong Thiam Joon.

**Datin Hajah Wan Intan binti Haji Wan Ahmad Tajuddin:** Tuan Yang di-Pertua, dengan izin, Soalan No. 16.

#### **KEGANASAN KELUARGA DAN PENDERAAN KANAK-KANAK**

16. **Datin Hajah Wan Intan binti Haji Wan Ahmad Tajuddin [Di bawah S.O. 23(2)]** minta Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat menyatakan:-

- (a) sebab-sebab berlakunya keganasan keluarga dan penderaan kanak-kanak; dan
- (b) berapakah jumlah keganasan keluarga dan penderaan kanak-kanak sejak tahun 1991 hingga 1995

**Setiausaha Parlimen Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat [Tuan G. Palanivel]:** Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Untuk maklumat Ahli Yang Berhormat, secara umum faktor yang mendorong kepada berlakunya keganasan keluarga dan penderaan kanak-kanak adalah tekanan dan masalah sosial dan ekonomi dalam hidup seharian dan kanak-kanak dijadikan objek melepaskan geram. Perceraian suami isteri menyebabkan kanak-kanak dipelihara oleh ibu, bapa tiri, saudara-mara dan kanak-kanak menjadi mangsa penderaan disebabkan penjaga tidak sabar dalam mengasuh dan mendidik kanak-kanak di bawah penjagaan. Ibu bapa yang kurang pengalaman dalam pengasuhan kanak-kanak serta tidak tahu tentang peranan dan tanggungjawab mereka di samping tidak mendapat sokongan keluarga.

Harapan ibu bapa terhadap anak-anak terlalu tinggi dan melebihi keupayaan mereka. Ibu bapa pendera tidak sabar berhadapan dengan kanak-kanak yang tidak dapat memenuhi kehendak mereka yang luar biasa serta tidak bersedia menerima kenyataan.

Manakala punca berlakunya pertelingkahan keluarga dalam rumahtangga adalah seperti berikut:-

- (i) masalah penjagaan anak;
  - (ii) masalah kewangan;
  - (iii) masalah berkaitan dengan seks;
  - (iv) suami atau isteri yang pemabuk, penjudi, penagih dadah;
  - (v) campur tangan mentua, ipar atau lain-lain saudara;
  - (vi) perselisihan faham di antara suami dan isteri disebabkan tingkah laku mereka.
- (b) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, untuk tempoh tahun 1991 hingga 1995 sejumlah 4,818 kes penderaan kanak-kanak dan sejumlah 1,333 kes kesejahteraan keluarga yang melibatkan keretakan rumahtangga dilaporkan kepada jabatan ini.

**Dr. Ng Yen Yen:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan, berapakah pusat kaunseling akan ditubuhkan di bawah Rancangan Malaysia Ketujuh. Berapakah hospital di seluruh Malaysia pada masa sekarang ada pusat kaunseling.

**Tuan G. Palanivel:** Tuan Yang di-Pertua, untuk menjawab soalan Ahli Yang Berhormat, pusat kunseling diurus di semua pejabat kebajikan daerah melalui pegawai kebajikan daerah dan bagi langkah pertama di Hospital Besar Kuala Lumpur ditubuhkan one stop centre for bettered women yang memberi rawatan dan perlindungan selama 24 jam. Pada setiap bulan pusat ini menerima lebih kurang 40 kes mangsa keganasan rumahtangga.

Baru-baru ini kementerian melalui Jabatan Kebajikan telah menubuhkan satu pusat untuk memberi telekaunseling.

**Puan Kamalia binti Ibrahim:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Daripada jumlah keganasan keluarga dan penderaan kakan-kanak seperti yang telah disebutkan tadi, iaitu dari tahun 1991 hingga 1995 berapa banyakkah daripada jumlah kes-kes yang tersebut telah dibawa ke mahkamah dan dihukum pihak yang bersalah?

**Tuan G. Palanivel:** Tuan Yang di-Pertua, walaupun saya tiada di sini butir-butir dari tahun 1991 hingga 1995, saya ada butir-butir untuk sepanjang tahun 1995 sahaja.



Sepanjang tahun 1995 sebanyak 1,117 kes penderaan kanak-kanak telah dirujuk kepada Jabatan Kebajikan Masyarakat Malaysia termasuk penderaan terhadap bayi. Menurut maklumat yang diperolehi daripada Jabatan Polis DiRaja Malaysia sebanyak 13 pendera telah dihadapkan ke mahkamah pada tahun 1995 daripada 13 kes tersebut, 7 kes telah pun dijatuhkan hukuman. Untuk lain-lain keterangan saya akan memberikan jawapan secara bertulis.

**Tuan Yang di-Pertua:** Secara notis!

Ahli-ahli Yang Berhormat, sekian pertanyaan-pertanyaan bagi Jawab Mulut.

*[Masa untuk Pertanyaan bagi Jawab Mulut telah cukup dan jawapan bagi soalan No. 17 hingga 24 akan dicetak dalam buku yang berasingan]*

## USUL

### **Rancangan Malaysia Ketujuh 1996-2000**

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula perbahasan atas Usul yang dibuat di atas nama Perdana Menteri dan masalah dicadangkan:

Bahawa Dewan ini,

**menyedari** pertumbuhan pesat ekonomi negara dan kemajuan ketara dalam pencapaian matlamat sosio-ekonomi negara dalam tempoh pelaksanaan Rancangan Malaysia Keenam;

**menyokong** kerajaan meneruskan pelaksanaan Dasar Pembangunan Nasional dan usaha-usaha untuk mencapai objektif yang terkandung dalam Rangka Rancangan Jangka Panjang Kedua melalui proses Rancangan Pembangunan Lima Tahun;

**melulus dan merestui** Rancangan Malaysia Ketujuh yang telah dirangka untuk melaksanakan strategi dan program serta menyediakan peruntukan untuk merealisasikan objektif dan komitmen Dasar Pembangunan Nasional seperti yang dibentangkan dalam Kertas Perintah Bil. CMD 8 Tahun 1996;

**Bahawa** dalam meluluskan Rancangan Malaysia Ketujuh, Dewan ini menyeru semua rakyat Malaysia mempergiatkan usaha dan komitmen mereka ke arah matlamat mewujudkan masyarakat yang bersatu padu, adil, progresif, berdaya saing dan berdaya tahan, selaras dengan aspirasi negara untuk mencapai status negara maju seperti yang dihasratkan di bawah Wawasan 2020. *[30hb. Mei, 1996]*

**Tuan Yang di-Pertua:** Dijemput Puan Hajah Mastika Junaidah menyambungkan perbahasan.

**3.37 ptg.**

**Puan Hajah Mastika Junaidah binti Husin:** Tuan Yang di-Pertua, saya akan menyambung perbahasan saya dalam membahaskan Rancangan Malaysia Ketujuh.

Tuan Yang di-Pertua, bidang pendidikan adalah bidang yang penting dalam pembentukan sumber manusia. Dalam bidang ini, guru adalah salah satu faktor utama menentukan bentuk generasi yang akan dilahirkan nanti. Guru yang dedikasi akan melahirkan murid yang cemerlang, berminda tinggi, bersifat penyayang, harmonis untuk memastikan tenaga kerja yang lahir berteknologi tinggi dan menjadi warganegara yang bersatu padu.

Dalam sistem pendidikan, saya berpendapat penerapan bangsa Malaysia sebagai bangsa yang bersatu padu perlu diterapkan di peringkat sekolah. Oleh itu, kita sebagai pemimpin kecil yang diamanahkan dalam negara harus meletakkan perpaduan sebagai priority, dengan izin, ataupun keutamaan kita bersama.

Oleh itu, saya menggesa kerajaan supaya dengan bijaksananya memberhentikan amalan mengasingkan anak-anak sekolah di sekolah jenis kebangsaan. Sebaliknya, mata pelajaran yang ada di sekolah jenis kebangsaan boleh dijadikan mata pelajaran pilihan di sekolah-sekolah biasa.

Begitu juga dengan sekolah-sekolah agama rakyat. Sekolah-sekolah ini hendaklah diawasi oleh pihak kerajaan. Prasarananya dan kurikulumnya perlu diselaraskan dengan dasar pelajaran kebangsaan.

Tuan Yang di-Pertua, kebakaran sering terjadi di sekolah agama rakyat di negara ini. Saya telah beberapa kali melawat sekolah-sekolah agama rakyat dan sekolah anjuran ABIM yang telah ditimpa bencana kebakaran. Setiap kali

berlaku kebakaran beratus ribu kerugian berlaku. Walaupun tragedi ini berlaku pada tahun ini belum lagi meragut nyawa, tetapi tragedi begini pernah meragut nyawa beberapa pelajar beberapa tahun yang lalu. Pada pandangan saya, sistem penempatan dan kelemahan pentadbiran sekolah adalah punca kebakaran tersebut.

Di sekolah-sekolah ini keadaan asaramanya adalah sangat daif, di setengah-setengah tempat, pondok-pondok yang didirikan terlalu rapat dan keadaannya amat uzur. Keadaan inilah yang menyebabkan kebakaran mudah terjadi, bila terbakar kerajaan akan turut dibebani masalah.

Mengenai kurikulumnya, saya bimbang takut sekolah-sekolah sebegini akan melahirkan kumpulan masyarakat yang akan terpinggir dan terpencil dari arus pembangunan negara.

Jika ini terjadi, usaha untuk melahirkan negara maju pada tahun 2020 akan sedikit sebanyak terhalang oleh sekumpulan manusia yang mempunyai arus pemikiran yang sempit yang menjadi penentang mandatory kepada pembangunan. Oleh itu saya menyarankan agar kerajaan mengambil daya usaha supaya sekolah-sekolah agama rakyat ini ditadbir di bawah Kementerian Pendidikan melalui sistem IPT yang diluluskan oleh Dewan baru-baru ini. Sekolah-sekolah ini boleh dibangunkan, boleh dimodenkan melalui sekolah berkembar dengan negara-negara Islam yang lain. Saya percaya ada pihak yang

memang tidak bersetuju ataupun menghalang cadangan saya ini kerana mereka mempunyai kepentingan peribadi ke atas sekolah-sekolah tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai Sistem Pendidikan Negara, saya dapati masih ada beberapa perkara yang menjadi rungutan kepada guru-guru. Saya kira rungutan guru-guru ini perlu diberi perhatian supaya profesion perguruan akan terus meningkat dan menarik. Kita semua perlu menghargai jasa guru-guru. Jika tidak kerana guru, siapalah kita. Kita juga harus sedar guru-guru hari ini di samping menghadapi tugas mendidik, juga dibebankan dengan masalah sosial murid-murid. Malah, dengan perkembangan penduduk yang pesat menyebabkan kapasiti pelajar meningkat dengan besarnya berbanding dengan kemudahan yang disediakan. Pendek kata, guru hari ini tidak semudah guru pada masa yang lampau.

Tuan Yang di-Pertua, saya dapati guru-guru pada masa ini amat sibuk mengajar, bermesyuarat dan menyediakan alatan mengajar. Pengetua-pengetua sering tiada di sekolah kerana menghadiri kursus dan mesyuarat. Bila pulang pengetua-pengetua ini dibekalkan dengan pelbagai kaedah dan program yang harus dilaksanakan. Segala arahan yang diterima oleh pengetua-pengetua dikerah guru-guru untuk melaksanakannya. Nampaknya sekolah hari ini telah menjadi bottle neck, dengan izin. Setiap bahagian di jabatan atau di kementerian ada perancangan yang mana pelaksanaannya terlonggok di sekolah-sekolah. Guru menerima beban dan ada di antara program yang

dicadangkan tidak relevan dengan keadaan sekolah seperti sekolah-sekolah di luar bandar.

Di dalam menanggung segala beban kerja ini, guru-guru tidak dibekalkan dengan tenaga perkeranian dan peruntukan, jadi masa mengajar guru hampir sama banyaknya dengan masa pengurusan dan juga kerja-kerja perkeranian bagi menyediakan alat-alat mengajar seperti nota, soalan peperiksaan serta kemudahan sukan. Seseengah sekolah tidak menyediakan peruntukan yang mencukupi. Guru menggunakan duit poket mereka, itulah sebabnya kertas-kertas nota dan peperiksaan kita dapati kualitinya amat teruk dan guru-guru juga ditimpa oleh tekanan perasaan. Saya minta Kementerian Pendidikan mengkaji perkara ini. Saya berpendapat kementerian tidak seharusnya terlalu mengongkong sekolah-sekolah, berilah mereka target, awasi perjalanan mereka dan beri sedikit kebebasan kepada mereka untuk menentukan cara bagaimana untuk mereka mencapai matlamat yang telah ditetapkan oleh pihak kementerian.

Tuan Yang di-Pertua, jawatan guru pakar, guru panitia, setiausaha sukan adalah jawatan yang penting di sekolah. Begitu juga jawatan penolong kanan hal ehwal murid bagi sekolah berasrama penuh, jawatan warden adalah jawatan penting untuk menentukan supaya disiplin sekolah dapat dikawal. Semua jawatan ini perlu diberi ganjaran yang sebaik-baiknya agar perkhidmatan yang diberikan berkesan.

Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan tahniah kepada Kementerian Pendidikan yang telah melahirkan sekolah berasrama penuh dan kebanyakannya mendapat keputusan yang cemerlang. Kebanyakan pemimpin negara, pegawai-pegawai tinggi kerajaan, usahawan-usahawan yang berjaya datangnya daripada sekolah berasrama penuh. Anak-anak yang pintar berada di sini. Mereka perlu dibentuk sebagai insan yang seimbang. Oleh itu selain daripada kemudahan asas biasa, sekolah asrama penuh perlu dibekalkan dengan surau yang cukup untuk pelajar beribadat, pengangkutan seperti bas supaya mereka boleh didedahkan kepada aktiviti-aktiviti luar. Untuk membentuk perkembangan psikologi anak-anak ini, perlulah ditempatkan di dalam asrama yang bersih dan peralatan yang baik. Ada asrama penuh yang tilamnya telah koyak-koyak, pintu lockernya telah runtuh dan sebagainya. Saya berharap bahagian asrama penuh akan mengadakan lawatan berkala untuk membantu sekolah-sekolah mengatasi masalah tersebut. Saya amat faham menjaga anak-anak pelajar bukanlah perkara mudah, tambahan ketika mereka sedang membesar. Pelajar-pelajar yang pintar biasanya adalah pelajar-pelajar yang aktif dan nakal.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin menyentuh mengenai ko-kurikulum iaitu badan beruniform. Saya tidak pasti sejauh mana badan-badan beruniform seperti Pandu Puteri, Pengakap, kadet dan lain-lain bergerak aktif pada masa ini. Di zaman persekolahan saya dahulu, peranan badan-badan ini

amat ketara, malah ia terus melekat di hati sehingga kita dewasa. Saya bertanya perkara ini kerana beberapa peristiwa sedih iaitu kemalangan jalan raya berlaku. Nampaknya masyarakat kita jadi kaku. Saya telah beberapa kali dimaklumkan, semasa berlaku kemalangan tiada siapa yang berani mengambil tindakan segera membantu orang yang malang. Di Perlis contohnya, dalam dua peristiwa kemalangan berlaku di mana seorang pelajar Universiti Utara Malaysia (UUM) telah pun dilanggar oleh sebuah van dan satu lagi peristiwa polis trafik kemalangan dan meninggal dunia dan jatuh ke dalam parit, cuma Yang Amat Berhormat Datuk Seri Shahidan yang sanggup turun ke dalam parit mengangkat mayat sedangkan orang lain masih dalam kebingungan.

**Tuan Haji Abu Bakar bin Haji Ismail:** *[Bangun]*

**Tuan Yang di-Pertua:** *[Ketawa]* Ya, ya. Bila sebut nama itu ada yang minta laluan. Adakah....

**Tuan Haji Abu Bakar bin Haji Ismail:** Minta laluan. Bila Yang Berhormat maksudkan kemalangan yang berlaku itu, Yang Berhormat sama terlibat dalam van itu?

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat mana ni?

**Puan Hajah Mastika Junaidah binti Husin:** Ya, Yang Berhormat. Saya sendiri ada semasa kemalangan pelajar UUM terlanggar oleh van kami.

**Tuan Yang di-Pertua:** Puan berada di dalam van itu?



**Puan Hajah Mastika Junaidah binti Husin:** Saya pun berada sama di dalam van tersebut.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya, Dato' Seri Shahidan di mana pula?

**Puan Hajah Mastika Junaidah binti Husin:** Dia, Dato' Seri Shahidan di belakang, dia datang agak lewat tetapi kebanyakan yang ada, sebagaimana yang saya sebut terpegun sedangkan orang yang dilanggar telah pun jatuh ke dalam parit dan nampaknya tindakan segera tidak dapat dilakukan. Sebenarnya Yang Berhormat Tuan Haji Abu Bakar, saya cuba turun, saya dulu Pandu Puteri tetapi kawan-kawan saya banyak menghalang dan dua kali saya ditarik naik ke atas van dan saya agak kecewa. Itulah, hari ini saya mengambil peluang untuk memperkatakan soal Pandu Puteri dan Pengakap ini.

**Tuan Yang di-Pertua:** Tuan Haji Abu Bakar, pada masa itu di mana?

**Puan Hajah Mastika Junaidah binti Husin:** Dia di rumah. *[Ketawa]*

**Tuan Yang di-Pertua:** Dia tidak sempat menerkam hendak pergi tolong ya.

**Puan Hajah Mastika Junaidah binti Husin:** Ya, saya ingat kalau sempat, Tuan Yang di-Pertua, dia dulu turun. *[Ketawa]*

Tuan Yang di-Pertua, Yang Amat Berhormat Dato' Seri Shahidan adalah seorang ahli pengakap yang aktif di zaman pelajarinya. Satu lagi yang ingin saya sebutkan di sini mengenai kemalangan juga. Pada cuti hujung minggu yang lepas, satu kemalangan telah berlaku di mana seorang anak muda telah

dilanggar oleh lori dan dia meninggal dunia di tempat kejadian. Mayat telah berada di atas jalan selama satu jam lebih, hampir dua jam. Keadaan ini amat menyedihkan dan saya dimaklumkan oleh mereka yang melihat kejadian itu kononnya kerana polis tidak datang. Tiada siapa yang sanggup mengangkat dan tidak ada siapa yang menguruskan supaya mayat jenazah yang berada di atas jalan selama hampir sejam setengah dalam keadaan panas terik tidak ada siapa yang mengambil tindakan untuk membawa ke hospital sehinggalah polis datang.

Saya pun hairan kenapa dalam cuti hujung minggu tindakan-tindakan sebegini lewat diambil oleh pihak yang berkuasa dan dalam masa yang sama kita sendiri sebagai rakyat yang penyayang agaknya sekarang ini begitu takut dengan undang-undang, kononnya ada di antara mereka yang mengambil peranan ini takut nanti banyak dipersoalkan oleh pihak mahkamah. Saya ingin mendapat penjelasan jugalah daripada Kementerian Dalam Negeri atau mana-mana kementerian apakah perkara-perkara begini yang saya mendapat rungutan memang sering berlaku di dalam masyarakat kita. Adakah kita sekarang ini mungkin perlu mewujudkan Rescue 911? Saya tahu Rescue 119 ada di Kuala Lumpur tetapi tidak begitu aktif. Mungkin dalam masyarakat kita, kita sudah perlu memikirkan ke arah itu kerana amat malanglah bagi kita masyarakat kita yang kita tahu, kita sebagai orang yang beragama Islam kita tidak boleh membiarkan mana-mana jenazah atau mayat berada dalam keadaan tersiksa sedemikian.

Tuan Yang di-Pertua, dalam apa yang saya sebutkan tadi mengenai Pandu Puteri dan Pengakap, saya kira sekolah-sekolah perlu menghidupkan semula Pandu Puteri dan Pengakap ini. Begitu juga dengan Puteri Islam perlu

diberi latihan dan semangat seperti Pandu Puteri kerana Puteri Islam adalah alternatif kepada Pandu Puteri.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga bersetuju dengan rakan-rakan saya Ahli Yang Berhormat agar guru diberi peluang latihan atau mengikut kursus untuk memperolehi kepakaran dalam satu-satu bidang. Guru perlu lebih berketrampilan dan sindrom katak di bawah tempurung perlu dihapuskan.

Kepada media massa dan masyarakat keseluruhannya, perlulah memberi sokongan dan dorongan kepada profesion perguruan kerana mereka adalah tangan kedua selepas ibu bapa untuk melahirkan guna tenaga negara. Janganlah satu keburukan dalam profesion perguruan dihebohkan sehingga menutup seribu kebaikan yang telah mereka lakukan. Ibu bapa harus juga memberi sokongan kepada guru-guru.

Berapa orang ibu bapa yang menghantar kad ataupun kek ‘Selamat Hari Guru’ kepada guru-guru yang mengajar anak mereka? Berapa orang ibu bapa yang menjemput guru-guru merayakan kejayaan anak-anak mereka? Saya kira budaya berguru secara budaya Melayu seperti dalam silat dan mengaji Quran secara zaman dahulu perlu dihidupkan semula di dalam budaya pendidikan negara supaya guru diberi sokongan moral supaya guru tetap ampuh statusnya dalam masyarakat Malaysia maju.

Tuan Yang di-Pertua, latihan adalah satu keperluan dalam memastikan sumber manusia yang produktif tinggi dan relevan dengan keperluan semasa. Semua pihak perlu dilatih, termasuk pihak penggubal dasar dan pelaksana. Ahli Dewan Negara juga perlu latihan dan perlu pendedahan agar

pandangan dan persoalan yang dibahaskan global dan dapat dibuat perbandingan dengan negara-negara lain.

Saya kira, lawatan menimba ilmu iaitu lawatan ke kementerian, agensi, kawasan-kawasan pembangunan dan juga ke luar negara dapat diadakan, kalau pun tidak dalam bentuk yang besar dalam bentuk yang kecil sekiranya kita tidak mampu mengadakan dalam bentuk yang besar. Bila bercakap soal latihan, ia tidak tertumpu kepada latihan untuk meningkatkan pengeluaran sahaja, tetapi latihan dalam agama, membina semangat kenegaraan juga perlu untuk melahirkan insan yang seimbang.

Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan terima kasih kepada Kementerian Sumber Manusia yang telah menubuhkan Tabung Sumber Manusia. Kita telah mendengar penjelasan daripada kementerian mengenai rancangan dalam meningkatkan sumber manusia. Semua cadangan tersebut adalah cadangan yang baik. Kita berharap pelaksanaannya dapat disegerakan. Saya menggesa agar kemeterian segera menubuhkan pusat-pusat latihan teknikal di semua negeri, termasuk Sabah dan Sarawak.

Saya juga mencadangkan kepada Kementerian Sumber Manusia supaya bekerjasama dengan Kementerian Pendidikan dan Kementerian Belia dan Sukan agar pelajar-pelajar tercicir selepas PMR dan SPM dapat diberi latihan di pusat-pusat latihan supaya mereka dapat menentukan arah hidup mereka kelak. Soal tempat latihan saya percaya tidak menjadi masalah. Demikian juga

dengan tenaga pengajar. Negara kita mempunyai berbagai pusat latihan yang kadangkala ada ketikanya menjadi gajah putih kerana tidak digunakan sepenuhnya.

Latihan yang saya cadangkan ini adalah latihan yang diikuti terus dengan penempatan bekerja. Saya memberi cadangan ini kerana belum mendengar mana-mana kementerian ada program yang khusus untuk drop-outs, dengan izin, sedangkan masalah mereka ini memang telah jelas dan telah dimaklumi oleh kementerian-kementerian yang berkenaan.

Tuan Yang di-Pertua, saya amat bersetuju supaya kita mengurangkan pengantungan kita kepada buruh asing. Oleh itu, meningkatkan sumber manusia, peluang-peluang untuk melanjutkan pelajaran kepada mereka yang telah bekerja perlu dibuka seluas-luasnya, lebih-lebih lagi mereka dalam bidang sains dan teknologi. Saya berterima kasih kepada kerajaan yang telah mengiktiraf keperluan sains dan teknologi.

Tuan Yang di-Pertua, saya adalah kumpulan pertama anak Malaysia mengambil jurusan sains tulen di tahun 1970-an. Kami belajar subject Kimia, Fizik, Biologi, Matematik, Matematik Tambahan di samping mata pelajaran seperti Geografi, Agama, Bahasa Inggeris dan Bahasa Malaysia. Kami adalah “guinea pig”, dengan izin.

Bagi pelajar-pelajar aliran Melayu amat perit kerana semua buku sains dalam bahasa Inggeris dan guru yang mengajar ialah guru Indonesia. Di

universiti, sekali lagi pelajar-pelajar sains bertungkus-lumus belajar hingga larut malam. Kami tidak pernah tidur lebih awal melainkan selepas 12.00 tengah malam. Ini menjadi kebiasaan hingga ke hari ini.

Tetapi bila bekerja, pelajar-pelajar jurusan sains tidak mendapat tempat dan tawaran gaji yang memuaskan. Malah, dalam setengah-setengah keadaan, kawan-kawan di bidang sastera mendapat kedudukan lebih baik sebagai Pegawai Tadbir Diplomatik dan sebagainya. Tambahan pula, amat malang bagi pelajar-pelajar yang tidak menjadi doktor atau jurutera, pelajaran yang dipelajari hilang ditelan zaman kerana kehidupan seharian dan bidang pekerjaan tiada alatan lengkap untuk meneruskan kajian bagi memupuk minat. Malah, masyarakat juta memandang sepi pengetahuan yang mereka ada kerana ia tidak difahami oleh mereka.

Itulah sebabnya bila ada orang yang memberi pandangan mengenai soal soil structure, soil texture, ekologi sistem alam, water table, residue keracunan dan makanan, ia menjadi bagai dongengan kepada mereka yang tidak mengetahuinya. Tetapi apabila Highland Towers runtuh, tanah gelungsur di Genting Highlands dan Bukit Tempurung runtuh, masyarakat menjadi gempar.

Negara kita agak ketinggalan dalam bidang sains dan teknologi. Dalam usaha kita untuk mempertingkatkan sains dan teknologi, adakah pengiktirafan kepada bidang ini sejajar dengan keupayaan dan pengorbanan yang diberikan? Saya mempunyai 2 orang anak lepasan sekolah sains, tetapi saya masih ragu

apakah nasib mereka juga akan sama dengan nasib pelajar-pelajar sains sebelum ini sedangkan orang-orang yang berada dalam bidang yang lain belajar dengan lebih mudah dapat menikmati pendapatan yang lebih baik.

Tuan Yang di-Pertua, wanita merupakan sebahagian daripada populasi negara. Rekod tahun 1993 menunjukkan populasi wanita adalah 9.5 million iaitu 49.3% berbanding dengan lelaki, iaitu populasi lelaki 9.7 million ataupun 50.7% daripada penduduk keseluruhan negara sebanyak 19.2 million.

Semasa Persidangan Wanita Islam di Islamabad dan Persidangan Wanita Sedunia di Beijing, wanita Malaysia adalah di antara wanita yang mendapat sanjungan di atas kemampuan dan keterampilan mereka. Kedudukan ini memberi gambaran kepada keadaan wanita Malaysia sebenarnya. Ini semua dapat dicapai kerana sikap keterbukaan pemimpin dan rakyat terhadap wanita.

Kita bangga kerana wanita Malaysia tidak mengorbankan kepentingan keluarga semata-mata untuk mengejar kemajuan. Saya percaya, dengan berpegang teguh kepada prinsip mempertahankan institusi kekeluargaan serta mempertahankan martabat wanita sebagai taraf ibu, wanita Malaysia akan terus maju. Kita harus melihat perspektif gender, dengan izin, dengan mata kita.

Kaum lelaki bukan musuh kepada wanita, tetapi ia adalah pelengkap di antara satu sama lain. Wanita dan lelaki perlu ada sikap percaya-mempercayai, bantu-membantu, sokong-menyokong di antara satu sama lain untuk melahirkan kesepaduan ummah yang harmoni. Oleh itu, untuk membina

masyarakat Malaysia yang berjaya, maka Wanita harus diberi peluang dengan saksama supaya sumbangannya sebagai pelengkap dalam masyarakat dapat dilaksanakan dengan jayanya. Cuma wanita yang berketerampilan dengan sifat keibuan akan dapat membantu memandu keluarganya, kaumnya dan bangsanya memacu kejayaan. Telah terbukti bahawa wanita adalah agen perubahan yang terbesar. Merekalah yang mendidik dan akan menentukan generasi pewaris akan datang. Wanita semarak bangsa, maju wanita, majulah negara.

Tuan Yang di-Pertua, jika dikaji sumbangan wanita di negara ini, Laporan 1993 menunjukkan perbandingan seperti berikut:-

Pentadbiran dan pengurusan - lelaki 4%, wanita 1%. Profesional dan teknikal lelaki - 7.3%, wanita 11.2%. Di sini wanita menang. *[Ketawa]*

**Tuan Yang di-Pertua:** Itu profesional?

**Puan Mastika Junaidah binti Husin:** Profesional dan teknikal.

**Tuan Yang di-Pertua:** Termasuk Puan Junaidah sendiri profesional?

**Puan Mastika Junaidah binti Husin:** Saya tidak profesional, Tuan Yang di-Pertua.

Perkeranian - 7.5% lelaki dan 10.7% wanita. Perkhidmatan - 10% lelaki dan 14.4% wanita. Penjualan - 10.3% lelaki dan 10.7% wanita. Pengeluaran operator dan buruh - 37.6% lelaki dan 27.1% wanita. Pertanian, penternakan dan nelayan - 22.6% lelaki dan 18.9% wanita.



Kedudukan wakil rakyat wanita pula bagi tahun 1993 ialah Dewan Rakyat 11 orang berbanding 169 lelaki. Dewan Negara pula, 10 wanita berbanding dengan 59 lelaki.

Dari segi pelajaran, didapati peluang wanita untuk mendapat pendidikan adalah sama dengan kaum lelaki semasa peringkat sekolah rendah dan menengah. Peluang belajar di peringkat yang lebih tinggi akan berkurangan kira-kira 10% iaitu di politeknik, kolej dan universiti bagi wanita, tetapi bilangan wanita yang masuk maktab perguruan adalah melebihi 20% daripada kaum lelaki.

Apa yang menarik perhatian, pelajar-pelajar wanita di sekolah dan universiti menunjukkan prestasi yang lebih cemerlang daripada pelajar lelaki.

Tuan Yang di-Pertua, gambaran di atas dapat memberikan senario keadaan wanita Malaysia. Mereka berpelajaran, mereka diberi peluang berkhidmat tetapi perkhidmatan mereka agak terhad bagi jawatan-jawatan penting dan amat kurang wanita dalam penggubal dan pembuat dasar.

Saya difahamkan pintu jawatan Ketua Setiausaha Kementerian bagai tertutup bagi wanita. Walaupun ada yang dilantik sebelum ini, bagai melepaskan batuk di tangga untuk dijadikan catatan dalam sejarah sahaja. Tuan Yang di-Pertua, wanita tidak meminta banyak. Cuma kalau ada yang layak, jangan diketepikan kerana ia wanita. Ini tidak adil dan meninggalkan kesan psikologi yang tidak baik kepada wanita itu sendiri.

Saya pernah mengalaminya semasa saya mula bekerja dulu. Saya telah ditawarkan sebagai pegawai sementara selama tiga tahun dengan gaji satu tangga di bawah skim gaji sementara semata-mata kerana saya sanggup menerima jawatan pengurus yang masa itu dimonopoli oleh kaum lelaki. Nasib baik Ketua Bahagian saya pada masa itu yang ada pun di sini, Yang Berhormat Dato' Dr. Affifuddin bin Haji Omar yang memang bersimpati dengan saya dan beliau tidak ada sikap gender discrimination. *[Ketawa]*

**Tuan Yang di-Pertua:** Saya boleh nampak senyuman lebar daripadanya. *[Ketawa]*

**Puan Mastika Junaidah binti Husin:** Wanita patut memberi sokongan kepada pemimpin seperti ini. Dalam soal pengisian jawatan penting dalam kerajaan, perlantikan ahli lembaga pengarah dan badan-badan kerajaan dan korporat, wanita perlu diberi peluang yang saksama agar penglibatan mereka nanti akan dapat menyumbang kepada perkembangan dan kemajuan wanita. Dengan adanya wanita, segala dasar yang dibuat akan dapat perseimbangan dan memenuhi citarasa semua golongan masyarakat.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Puan Mastika Junaidah binti Hussin, minta berhenti sekejap.

Ahli-ahli Yang Berhormat, menurut Peraturan 6(3), saya dengan hormatnya menjemput Yang Berhormat Tuan Ding Seling untuk mempengerusikan Majlis.

[Tuan Ding Seling *mempengerusikan Mesyuarat*]

**Tuan Ding Seling:** Yang Berhormat, sila teruskan.

**Puan Mastika Junaidah binti Husin:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Janganlah menjadi seperti negara Vietnam, selepas menghadapi kehancuran barulah mereka sedar harapan untuk memulihkan negara mereka dikongsi dengan wanita. Hari ini di Vietnam mempunyai seorang Vice-President wanita, enam Menteri wanita, 21 Vice-Minister atau setaraf dengannya wanita, 80 ketua jabatan wanita, 150 eksekutif ataupun director wanita dan banyak lagi wanita ditempatkan di tempat-tempat yang penting.

Oleh itu Tuan Yang di-Pertua, kita juga perlu memberi pengiktirafan kepada wanita Malaysia di negara kita kerana mereka telah membuktikan kemampuan mereka.

**Tuan Haji Abu Bakar bin Ismail:** [*Bangun*]

**Tuan Ding Seling:** Yang Berhormat, Tuan Haji Abu Bakar bin Ismail minta laluan.

**Tuan Haji Abu Bakar bin Ismail:** Adakah Yang Berhormat maksudkan bahawa Kerajaan Barisan Nasional sekarang ini tidak memberi keutamaan kepada sumbangan wanita?

**Puan Mastika Junaidah binti Husin:** Terima kasih Yang Berhormat. Kalau dilihat dari segi pengagihan jawatan, saya rasa Kerajaan Barisan

Nasional belum lagi memberikan pertimbangan yang sepatutnya kepada wanita. Lebih-lebih lagi ada kaum lelaki yang agak prejudis dengan wanita.

Tuan Yang di-Pertua, saya minta izin untuk menyambung.

**Tuan Ding Seling:** Sila.

**Puan Mastika Junaidah binti Husin:** Saya baru sedar bahawa kelemahan di dalam memperjuangkan nasib wanita adalah berpunca dari ketiadaan jabatan khas untuk mengatasi masalah wanita. HAWA yang ada di Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat hanyalah merupakan satu bahagian di bawah kementerian sahaja. Oleh itu, saya menggesa Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat supaya mewujudkan jabatan khas untuk wanita. HAWA perlu ditingkatkan ataupun dengan izin, di"upgrade" dijadikan sebuah jabatan yang mempunyai cawangan di negeri-negeri.

Tuan Yang di-Pertua, baru-baru ini kita melihat seorang wanita di Malaysia yang begitu gigih memperjuangkan nasib bangsa, membersihkan bangsa daripada penyakit AIDS iaitu Yang Berbahagia Puan Marina Mahathir. Saya mengucapkan tahniah kepada beliau dan beliau telah membuktikan dan telah menunjukkan kesungguhan seorang wanita dalam memperjuangkan nasib negaranya dan juga bangsanya. Sebenarnya melalui Yayasan AIDS saya difahamkan bahawa Yang Berbahagia Puan Marina telah mendapat sumbangan

yang banyak dan juga sumbangan daripada Kerajaan Malaysia sebanyak RM1.8 juta kalau saya tidak silap.

Di Malaysia sebenarnya ramai lagi wanita-wanita yang telah berjuang dalam persatuan-persatuan dan pertubuhan-pertubuhan yang hari ini telah pun disatukan mereka di bawah HAWA, Jawatankuasa Perunding Hal Ehwal Wanita di peringkat negeri. Saya berharap kepada pihak kementerian yang mengendalikan HAWA supaya diwujudkan juga Yayasan Wanita Negara supaya persatuan-persatuan dan juga pertubuhan-pertubuhan wanita ini dapat bergerak, dapat menjalankan kegiatan-kegiatan mereka dengan aktif dan mereka dibantu dengan bantuan-bantuan kewangan untuk membolehkan mereka dapat memberikan perkhidmatan dalam masyarakat kerana masalah sosial hari ini nampaknya merupakan satu fenomena yang tidak boleh diambil ringan lagi.

Tuan Yang di-Pertua, begitu juga saya menyokong kerajaan untuk melaksanakan undang-undang untuk melindungi wanita. Begitu juga dengan masa kerja anjal yang telah dicadangkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri di dalam membentangkan Rancangan Malaysia Ketujuh. Saya menyokong supaya diadakan masa kerja anjal supaya wanita-wanita di dalam negara kita dapat memberi sumbangan tenaga mereka untuk pembangunan negara di samping mereka dapat memberi perkhidmatan dan juga pendapatan kepada keluarga mereka. Begitu juga, saranan kerajaan untuk menyediakan

kemudahan nurseri di kawasan-kawasan atau di tempat-tempat bekerja, kita harap cadangan ini dapat dilaksanakan dengan segera.

Tuan Yang di-Pertua, satu perkara lagi berkenaan dengan wanita, baru-baru ini dua persoalan telah pun dibangkitkan di dalam hal ehwal kesihatan melalui Kementerian Kesihatan. Pertamanya, saya telah pun bertanya kepada pihak kementerian adakah pihak kementerian bercadang untuk mengadakan jururawat daripada kaum lelaki. Pihak kementerian menjawab bahawa kita tidak bercadang untuk mengadakan jururawat di kalangan kaum lelaki. Tetapi saya berpendapat bahawa pihak kementerian harus melihat di negara-negara lain di mana profesion ataupun kerja sebagai jururawat ini tidak dikhaskan kepada wanita sahaja. Tetapi ada juga lelaki yang telah pun dilantik ataupun tenaga lelaki juga diperlukan di dalam bidang ini kerana maklum sahajalah untuk merawat pesakit-pesakit terutamanya pesakit-pesakit lelaki, kadangkala kadang penyakit itu ada di serata badan, di tempat-tempat sulit dan sebagainya, tentulah mudah kalau sekiranya ada jururawat lelaki yang dapat membantu jururawat-jururawat kita.

Di negara Thai misalnya, perkara ini tidak menjadi satu perkara yang pelik, begitu juga di Jordan, di Mekah dan di United States sendiri. Kalau kita melihat filem-filem seperti Emergency Room ataupun Chicago Hope, kita dapat lihat daripada filem-filem tersebut bahawa ada jururawat lelaki di negara-negara maju.

Oleh yang demikian, saya berharap Kementerian Kesihatan akan dapat memikirkan semula hal ini dan mengkaji sedalam-dalamnya. Saya tahu, saya juga telah bertanya kepada jururawat-jururawat wanita tentang apa pandangan mereka kalau kita membuka peluang kepada kaum lelaki untuk menjadi jururawat, ada yang telah pun memberitahu kepada saya semasa mereka berlatih, sebagaimana yang disebut oleh Yang Berhormat Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan; kita pernah melatih jururawat lelaki, dulu bukan sekarang. Dalam latihan ini, apabila mereka membuat dressing, kita dapati bahawa pesakit-pesakit yang dirawat oleh jururawat lelaki ini, bila kita pergi tengok, bukan main cantik. Mereka sudah tutup dengan selimut, dengan bedak, putih gebu - semua elok. Tetapi bau, bila kita menghampiri pesakit ini, doktor-doktor yang menjaga mendapati ada bau yang tidak menyenangkan. Bila diangkat selimut, rupanya tidak dibuat dressing. Mungkin inilah yang menyebabkan kita beranggapan bahawa kaum lelaki tidak patut diberikan kepercayaan untuk menjadi jururawat. Tetapi saya percaya kaum lelaki di negara kita hari ini pun telah mempunyai pemikiran yang agak luas, global dan terbuka. Saya rasa perkara ini pun mungkin dapat difikirkan semula.

Satu perkara lagi Tuan Yang di-Pertua, mengenai doktor pakar wanita. Kita dapati jawapan daripada kementerian bahawa kita mempunyai doktor pakar yang hampir 90% terdiri daripada doktor pakar sakit puan terdiri daripada kaum lelaki. Bila ditanyakan, jawapan kementerian bahawa wanita lebih suka

doktor lelaki yang memeriksa mereka. *[Ketawa]* Saya rasa jawapan ini bukanlah jawapan yang datangnya daripada wanita. Kita dapat rungutan dan sungutan daripada wanita, kalau diberi pilihan mereka akan memilih untuk berjumpa dengan doktor pakar sakit puan wanita. Saya tahu di Kuala Lumpur ini ada seorang doktor bernama Dr. Siti Hawa, doktor pakar sakit puan yang begitu sibuk. Tidak ada masa pun untuk rihat, saya dimaklumkan dan dia sendiri pun tidak ada anak kerana perkhidmatannya diperlukan dan wanita-wanita menuntut supaya dia memberi perkhidmatan sedangkan Dr. Siti Hawa cuma mewakili 10% sahaja doktor-doktor pakar wanita. Jadi, dalam hal ini saya berpendapat kementerian perlulah memikirkannya dan mungkin perlu diberi galakan supaya anak-anak pelajar kita yang mengambil jurusan kedoktoran, mereka sanggup mengambil jurusan dan belajar sehingga menjadi doktor pakar sakit puan.

Tuan Yang di-Pertua, apa yang saya huraikan dalam perbahasan RMK-7 ini adalah bersekitar untuk melahirkan tenaga manusia yang berproduktif dan berteknologi tinggi. Tenaga kerja yang sebegini adalah untuk meningkatkan pengeluaran negara sambil melepas negara daripada masalah penggunaan sumber buruh asing yang tinggi. Program yang dibuat akan menjadi pemangkin kepada kejayaan syarikat-syarikat perniagaan yang telah dan akan beroperasi di negara ini. Dengan erti kata lain, badan-badan korporat akan menikmati hasil daripada dasar yang kita tentukan hari ini. Maka adalah salah jika peniaga-



peniaga ataupun pengusah-pengusaha merasakan bahawa kejayaan mereka adalah hasil daripada usaha mereka sahaja. Tetapi kesepaduan pendekatan, suasana politik yang stabil serta dasar-dasar yang pragmatik turut menyumbang kepada keuntungan yang mereka kaut.

Tuan Yang di-Pertua, semasa mendengar daripada jawapan daripada kementerian-kementerian yang mana ada kaitannya dengan pengkorporatan seperti Kementerian Tenaga, Telekom dan Pos, Kementerian Kerja Raya dan lain-lain, saya terfikir satu perkara mengenai kepentingan umum. Badan-badan korporat biasanya mementingkan keuntungan. Apabila didapati perkhidmatan tidak memuaskan, dimaklumkan kekurangan pegawai. Untuk menambah pegawai, sudah tentu perlu menambah kos. Apakah badan-badan yang telah dikorporatkan sanggup mengurangkan keuntungan ini untuk memberi perkhidmatan yang wajar atau mereka akan menekan pengguna yang ingin perkhidmatan yang lebih baik dengan mengenakan kos ke atas pengguna. Jika kos dikenakan kepada pengguna, maka dasar pengkorporatan tidak mencapai matlamat. Saya bimbang keadaan ini dan ingin bertanya kepada Kementerian di Jabatan Perdana Menteri, apakah mekanisme kementerian bagi mengawal keadaan ini?

Jika diperhatikan dalam media massa, badan-badan korporat berlumba-lumba mencatat keuntungan yang tinggi. Sistem akaun adalah satu sistem yang balance, dengan izin. Jika untung bertambah, tentulah pendapatan meningkat

atau kos berkurangan atau produktiviti meningkat. Oleh itu, peningkatan pendapatan dengan mengenakan kos kepada pengguna adalah kerja yang tidak bertanggungjawab. Sepatutnya produktivitalah yang dipertingkatkan.

Tuan Yang di-Pertua, pekerja adalah sebagai aset kepada mana-mana perusahaan. Hubungan yang baik antara pemilik dan pekerja amat penting untuk masa depan perusahaan tersebut. Ada di antara pengusaha yang menikmati semua kemudahan tanpa memikirkan nasib pekerja dan orang bawahannya. Sepatutnya hasil kejayaan bersama harus diagih dengan adil dan bertimbang rasa. Pekerja-pekerja perlu dipertimbangkan untuk memiliki saham dalam perusahaan agar rasa 'sama punya' ada di hati masing-masing. Baru-baru ini MAS mengumumkan keuntungan meningkat. Saya menjangkakan layanan yang baik daripada kakitangan MAS. Tetapi saya dapati pada hari pengumuman tersebut dibuat, muka pekerja-pekerja MAS lebih masam daripada hari-hari biasa.

Tuan Yang di-Pertua, paradigma pembangunan negara telah melahirkan ahli-ahli korporat bumiputera. Kumpulan ini sedang berkembang dan menjadi satu susun lapis masyarakat. Mereka juga tergolong dalam golongan pemimpin yang menjadi perhatian rakyat kerana mereka lahir daripada perjuangan rakyat. Kita bertanggungjawab untuk memastikan agar golongan ini tidak menjadi sebagai sampah dalam mata. Mereka jangan bebas melakukan apa sahaja sehingga mengguris hati rakyat. Kita amat menyanjung dan menyokong

kejayaan mereka. Dalam masa yang sama mereka harus menghayati nilai-nilai Islam dan mendalami falsafah pengagihan rezeki yang ditentukan dalam Islam. Melahirkan golongan korporat yang bertanggungjawab adalah sebagai benteng untuk menentukan pencapaian bumiputera dalam bidang ekonomi di masa depan. Oleh itu, jati diri mereka harus dijadikan sebagai kriteria atau kayu ukur untuk membolehkan mereka diberi peluang sebagai usahawan bumiputera yang akan membela masa depan bangsa dan negara.

Usahawan yang berjaya perlu membimbing usahawan lain agar akan turut berjaya. Mereka juga mempunyai tanggungjawab sosial kepada umum. Saya ingin mencadangkan kepada Kementerian Kewangan agar syarikat-syarikat yang membayar zakat dikecualikan daripada pembayaran cukai. Yang saya difahamkan hari ini, cukai perseorangan ataupun individu, setelah dibayar zakat dikecuali daripada membayar cukai. Tetapi belum lagi dilaksanakan untuk syarikat-syarikat. Jadi, saya berharap kerajaan dapat mengkaji supaya bukan sahaja kita menyeru syarikat-syarikat ini untuk menunaikan tanggungjawab sosial mereka, tetapi harus membayar zakat, dan mereka dikecualikan daripada cukai. Sekali gus saya mencadangkan agar diperkembangkan pentadbiran Baitul Mal agar masalah kritikal bumiputera dalam bidang ekonomi dapat dijadikan utama Baitul Mal selain daripada memberi bantuan kepada asnaf yang lapan. Cadangan ini juga sudah tentu ada kaitannya dengan menyelaraskan hal ehwal agama Islam di peringkat Persekutuan.

Tuan Yang di-Pertua, sekianlah perbahasan saya dalam Rancangan Malaysia Ketujuh. Kita berdoa semoga apa yang telah dirancang akan dapat dicapai dan rakyat Malaysia akan terus dapat hidup dalam suasana yang aman, bersatu padu dan makmur. Saya mengucapkan tahniah kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan seluruh kepimpinan negara yang mana baru-baru ini sekali lagi negara telah mencipta rekod dengan berjaya menduduki tempat ke-10 dalam pencapaian ekonomi dunia. Dengan ini, saya turut menyokong Usul Rancangan Malaysia Ketujuh. Sekian, terima kasih.

**Tuan Ding Seling:** Yang Berhormat Datin Hajah Wan Intan binti Haji Wan Ahmad Tajuddin.

**4.16 ptg.**

**Datin Hajah Wan Intan binti Haji Wan Ahmad Tajuddin:** Tuan Yang di-Pertua, saya berterima kasih kerana diberi peluang untuk membahas Rancangan Malaysia Ketujuh. Tahniah dan syabas di atas pembentangan Rancangan Malaysia Ketujuh atas ucapan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita Dato' Seri Dr. Mahathir Mohamad pada 6hb. Mei, 1996. Saya bersyukur kepada Allah S.W.T. Rancangan Malaysia Pertama hingga Keenam berjaya dijalan oleh kerajaan dengan begitu baik sekali. Mudah-mudahan kita semua berharap Rancangan Malaysia Ketujuh ini dapat memberi kesan yang

.lebih baik lagi. Saya percaya dalam menjalan Rancangan Malaysia Pertama hingga Keenam itu tentunya kita ada menghadapi masalah sebelum berjaya. Oleh yang demikian, dengan pengalaman yang lalu, saya percaya Rancangan Malaysia Ketujuh ini dapat disusun dengan baik, tidak rugi, tidak menghadapi masalah dengan pengalaman yang sedia ada.

Saya amat bersetuju dengan ucapan Yang Berhormat Tuan Rahim Baba pada 28hb. Mei, 1996 hari Selasa berkenaan dengan pembangunan negara, iaitu biarlah pembangunan negara perlahan sedikit, sekurang-kurang 4% atau 5% setahun asalkan rakyat kita dapat hidup aman dan damai. Tumpukan pembangunan pembinaan rumah-rumah kos rendah untuk rakyat yang selesa yang dijanjikan kerajaan kepada rakyat. Terlampau banyak bangunan pun di sesuatu tempat atau kawasan kadang-kadang kita terasa sesak dan rimas. Ada baiknya pembangunan ini didirikan di kawasan-kawasan yang belum maju supaya tempat itu boleh jadi lebih maju lagi.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengesyorkan kepada Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan mengenai rumah kos rendah. Baru-baru ini Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri kita telah mengesyorkan agar Kumpulan Wang Simpanan Pekerja menyegerakan urusan pembinaan rumah kos rendah ini dan nampaknya pemimpin kita begitu prihatin terhadap rakyat yang berpendapatan rendah. Bagaimanapun, isu rumah kos rendah menjadi isu penting sejak akhir-akhir ini kerana ketidakadilan penjual rumah

tersebut. Pemaju memberi alasan mereka akan rugi jika peratus rumah kos rendah tinggi di sesuatu tapak projek perumahan mereka. Jika alasan mereka ini benar, saya ingin syorkan supaya pemaju pembinaan flat kos rendah di kawasan projek perumahan mereka kerana kita dapat jimatkan tapak bangunan.

Saya harap syor saya ini mendapat perhatian daripada Yang Berhormat Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan supaya satu akta mengenainya dapat diwujudkan dan pihak pemaju perumahan mesti melaksanakannya.

Jika tidak, tidak ada gunanya kerajaan negeri meluluskan tanah untuk projek rumah berkenaan. Harus diambil kira oleh Jabatan Air dan Tenaga Elektrik, apabila projek raksasa membangun, kawasan-kawasan asal selalunya menghadapi masalah kekurangan elektrik, tekanan air yang rendah dan kesesakan jalan raya makin bertambah. Misalnya, di tempat saya di Kampung Raja Uda, Pelabuhan Kelang, pagi, tengah hari dan petang, kesesakan jalan raya bertambah, kekurangan kuasa elektrik berlaku 4 atau 5 kali, mungkin lebih, kadangkala tiap-tiap satu bulan. Tekanan kuasa air pula amat rendah sekali tiap-tiap hari. Ada juga di tempat-tempat yang mana bekalan airnya membekalkan air ke sesetengah tempat di mana airnya memanglah cantik, putih, bersih dan mencurah-curah tetapi ada pula di sesetengah tempat airnya masih lagi keruh dan kuning, lebih-lebih lagi yang saya musykil ialah di bahagian Kapar, bandarnya besar dan penduduknya yang begitu ramai, tekanan air yang begitu rendah sehingga pasar yang baru dibina oleh pihak Majlis

Perbandaran Kelang yang begitu cantik sudah menjadi kotor dan busuk dan penduduk-penduduk di bandar Kapar merungut setiap masa. Saya difahamkan akan dibaiki semula, ditukar semua saluran paip di kawasan-kawasan tersebut, malangnya sampai kini belum ada apa-apa perubahan.

Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya memberi sedikit pandangan dan pertanyaan kepada yang Menteri Pendidikan kita. Pertama, seperti yang kita semua maklum, peruntukan kepada Kementerian Pendidikan dalam Rancangan Malaysia Ketujuh adalah terbesar dan terbanyak daripada kementerian yang lain. Begitu juga situasinya dalam Rancangan Malaysia Keenam dahulu, tetapi sayangnya setiap awal persekolahan, akhbar sering memaparkan kekurangan fizikal di sekolah, seperti kekurangan bilik darjah, kekurangan kerusi dan meja murid-murid dan sebagainya. Saya mendapat tahun bekalan kerusi dan meja murid diberi kepada syarikat gergasi - Guthrie. Tetapi sayangnya syarikat gergasi ini pula mendapat bekalan daripada syarikat-syarikat kecil bumiputera yang bertugas menghantar terus perabot berkenaan ke sekolah-sekolah.

Biasanya, Jabatan Pendidikan Negeri diamanahkan membuat pesanan bekalan perabot terus kepada Guthrie dan syarikat gergasi ini akan mengarahkan syarikat bumiputera tertentu menyediakan perabot-perabot dan seterusnya menghantar ke sekolah-sekolah seperti yang diminta oleh Jabatan Pendidikan Negeri. Pada pandangan saya pengurusan seperti ini mengambil masa yang lama, mengkayakan lagi syarikat yang sudah kaya. Mengapa?

Kementerian Pendidikan tidak memberi tender bekalan perabot ke sekolah-sekolah, tetapi terus kepada pengusaha atau syarikat perabot bumiputera, jika kementerian benar-benar berhajat ingin menolong bumiputera.

Saya takut dan kkuatir jika bekalan penting ini di subkan, syarikat atau pembekal yang baru akan mengalami kerugian, khususnya syarikat kecil bumiputera. Perkara ini pernah terjadi pada akhir tahun 1994 dan awal 1995 apabila Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri memberi peruntukan khas kepada JKR untuk memperbaiki sekolah, wang berjuta-juta ringgit dihabiskan. Perubahan yang amat ketara terhadap fizikal sekolah tidak nampak dengan jelas. Ini adalah kerana pihak JKR melantik syarikat-syarikat gergasi tertentu bagi sesebuah negeri atau daerah, kemudian syarikat tersebut memberikan tender kepada syarikat lain dan syarikat ini pula memberi tender kepada syarikat yang baru belajar hendak menjadi kontraktor - apa terjadi? Akhirnya adalah longkang yang tidak patut diperbaiki telah dipecahkan dan diganti dengan yang baru. Kipas dan lampu di kelas yang boleh digunakan lagi telah dibuang dan diganti pula dengan yang baru. Saya kira kerja seperti ini amat membazirkan semata-mata wang negara dan wang rakyat.

Tuan Yang di-Pertua, jika Kementerian Pendidikan ingin melihat kecemerlangan pendidikan di Malaysia, kemudahan fizikal sekolah haruslah diutamakan, tidak ada gunanya kita menghantar para pegawai dan guru kita membuat lawatan ke negara maju, baik di barat atau di timor tanpa kemudahan



fizikal di sekolah kita seperti kemudahan yang diberi oleh badan-badan tertentu kepada sekolah-sekolah dinegara maju. Jika tidak, kita tidak akan cemerlang seperti mereka. Segala karenah birokrasi dalam proses bekalan dan penyediaan fizikal sekolah mestilah diatasi oleh Kementerian Pendidikan sendiri. Sebagai contoh, saya ingin syorkan supaya Kementerian Pendidikan mempunyai jurutera, arkitek, juru perunding dan juru nilainya sendiri yang diletakkan di Jabatan Pembangunannya sendiri.

Kementerian ini tidak boleh bergantung lagi kepada JKR 100% kerana setahu kita tugas JKR sangat banyak. Jalan ke kampung dan desa belum dibereskan lagi, masih banyak jambatan yang perlu dibina maka sudah tentulah banyak kerja pembangunan sekolah terabai. Misalnya di daerah Kelang, dua buah sekolah menengah yang sepatutnya siap pada akhir tahun lepas, tetapi hingga kini belum siap-siap lagi, maka terjadilah kelas terapung, bergerak ke sana bergerak ke sini. Bagaimana pelajar boleh belajar dengan selesa, walaupun ada antara pelajar-pelajar yang bijak pandai pun terganggu fikirannya, apatah lagi pelajar yang sederhana sebab kelas terapung ini bukan sebulan, sampai setahun dan sampai habis periksa masih lagi terapung-apung.

Tuan Yang di-Pertua, demi menjadikan masyarakat kita masyarakat penyayang pula, ada baiknya kita cuba membanteraskan kegiatan maksiat yang menjadi-jadi, demi menyelamatkan anak-anak kita daripada terjerumus ke lembah hina. Kadangkala bagi sesebuah negeri yang menghadapi masalah

sosial, kalau kita dapat mengatasinya pun, kita tidak dapat mengatasi semua, hanya separuh sahaja, itupun tidak lama. Kita tidak dapat membendung gejala ini daripada terus merebak pada jangka waktu yang lama. Mengapa?

Adakah ini merupakan satu kelemahan daripada masyarakat kita sendiri kerana tidak prihatin? Memahami keadaan masyarakat kita yang mana buruk dan yang mana baik? Kita difahamkan Kementerian Belia dan Sukan telah menyediakan bermacam-macam program untuk melahirkan Program Rakan Muda, untuk Wawasan 2020, saya berharap Kementerian Dalam Negeri harus mengambil berat dengan membenarkan konsert-konsert yang datang dari luar negara untuk tontonan para remaja kita.

Saya ingin bertanya apakah keuntungannya konsert ini kepada remaja kita? Apa yang dapat dipelajarinya, banyak baik atau buruknya. Kurangkan penghibur-penghibur remaja dari dalam negara ini yang boleh membawa identiti Malaysia kita? Lagi sekali kita harus ingat baik-baik, kerajaan menghabiskan banyak wang untuk melahirkan Rakan Muda yang sihat, maka itu pandai-pandailah kita sekali ini, jangan terkena lagi semacam penyakit yang kita lihat iaitu penyakit dadah, bukan bertambah kurang tetapi bertambah-tambah banyak lagi, kesannya berjuta-juta juga.

Tuan Yang di-Pertua, di sini saya ingin menyentuh tentang Kementerian Kesihatan iaitu hospital-hospital besar di bandar-bandar. Kalau tak silap saya pada tahun 1992 manakala saya membentangkan masalah-masalah pesakit,

lebih-lebih lagi orang-orang tua yang biasanya dijaga oleh seorang isteri atau seorang ibu yang tidak selesa untuk berehat di waktu siang hari. Apa yang saya cadangkan dahulu khasnya di Klang dengan penduduk yang begitu ramai, tetapi sayang bagi pihak kerajaan janji tinggal janji sahaja. Untuk membina bangunan yang sederhana untuk berehat sama ada bagi lelaki atau perempuan di waktu siang sebentar kerana menjaga pesakit di waktu malam dengan tidak tidur berminggu-minggu dan berbulan-bulan akhirnya ia akan jatuh sakit pula.

Rumah-rumah atau bilik-bilik sahaja bukannya banyak menelan belanja, lebih-lebih lagi sekarang ini lifnya banyak yang rosak, hampir bertahun belum siap-siap lagi, kalau ada pun orang-orang tua yang datang akan balik semula kerana tidak sanggup untuk menaiki tangga setinggi lapan tingkat, ini pernah saya temui. Saya hairan mengapa untuk membaiki lif yang rosak ini mengambil jangka masa yang begitu panjang dan bertahun-tahun pula, seolah-olah hospital ini tidak penting langsung kepada masyarakat, walhal saya difahamkan negeri terpencil daripada Selangor pun sudah ada rumah rehat untuk menjaga pesakit-pesakit, sedangkan pesakitnya boleh dikira tidak seperti di Klang, beratus keluar masuk setiap hari.

Saya harap atas jasa baik kementerian yang berkaitan dapatlah berusaha dengan seberapa segera, maklumlah selama empat tahun sudah terlewat. Kelewatan ini banyak berlaku kepada pesakit-pesakit yang serius yang akan tinggal di hospital dengan lebih lama terpaksa dibawa balik kerana tidak ada

bilik menunggu untuk penjaga-penjaga pesakit. Takkanlah penjaga pesakit akan menumpang di rumah rakan-rakan atau saudara-mara dan ini akan menyusahkan keluarga yang lain pula.

Di sini juga, saya berharap kepada semua kementerian yang berkaitan, ambillah tindakan di atas perkara yang telah dibentangkan oleh saya dan sahabat saya dengan prihatin supaya perkara ini tidak terjadi lagi, seumpamanya kalau berlaku tanah runtuh, banjir, kebakaran seperti yang disebutkan oleh sahabat saya tadi dan lain-lain lagi, janganlah berlaku sekali ini lebih dahsyat daripada yang telah-telah sudah. Sekianlah sahaja, Tuan Yang di-Pertua, saya akhiri ucapan saya ini dengan menyokong Rancangan Malaysia Ketujuh. Terima kasih.

**Tuan Ding Seling:** Yang Berhormat Tuan Haji Abu Bakar bin Haji Ismail.

**4.35 ptg.**

**Tuan Haji Abu Bakar bin Haji Ismail:** Tuan Yang di-Pertua, saya ucapkan terima kasih kerana diberi izin untuk mengambil bahagian dalam perbahasan Usul Rancangan Malaysia Ketujuh yang telah dibentangkan oleh Perdana Menteri pada 6hb. Mei, 1996 yang lepas.

Tuan Yang di-Pertua, sebelum saya meneruskan perbahasan saya, saya mohon izin untuk terlebih dahulu merakamkan ucapan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada Kerajaan Negeri Perlis di bawah

pimpinan Dato' Seri Shahidan bin Kassim dan juga Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kerana telah memilih saya sebagai Senator menjelang pada 11hb. Januari dan mengangkat sumpah pada 15hb. Januari dan insya-Allah saya berikrar akan menjalankan tanggungjawab saya dengan penuh dedikasi untuk kepentingan agama, bangsa dan negara.

Tuan Yang di-Pertua, dalam membahaskan Rancangan Malaysia Ketujuh ini, rasanya tidaklah tepat kalau sekiranya kita tidak mengambil kira latar belakang sejarah pembangunan negara kita. Oleh itu, izinkan saya membaca sedikit urutan sejarah perjuangan negara kita sehingga hari ini.

Menjelang tahun 1946 hingga 1950 iaitu kesedaran orang-orang Melayu untuk bersatu padu dan berlakulah suatu peristiwa penubuhan UMNO dan objektifnya ialah untuk menyatu padukan dan memperbaiki keadaan orang-orang Melayu.

Tahun 1951 hingga 1955 inilah detik memperjuangkan kemerdekaan dan menghadapi darurat.

Tahun 1956 hingga 1960 negara kita terus dengan arus memperjuangkan kemerdekaan di mana pada 31hb. Ogos, 1957 kita mencapai kemerdekaan dan dalam masa ini kita juga meneruskan menghadapi darurat.

Tahun 1961 hingga 1965 penubuhan Malaysia dan kita menghadapi konfrontasi dengan Indonesia.

Tahun 1966 hingga 1970 UMNO menghadapi dugaan yang paling besar.

Tahun 1971 hingga 1975 Dasar Ekonomi Baru dilancarkan dalam RMK-2 yang bermatlamat serampang dua mata.

Tahun 1976 hingga 1980 Dasar Ekonomi Baru diteruskan, pilihanraya umum ke-5 dengan pertukaran jawatan Perdana Menteri daripada Allahyarham Tun Haji Abdul Razak kepada Tun Hussein Onn di mana Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sekarang menjadi Timbalan Perdana Menteri iaitu pada tahun 1976.

Tahun 1981 hingga 1985 RMK-4. Tahun 1982 pilihanraya umum ke-6 di mana Barisan Nasional mendapat 132 kerusi daripada 154 kerusi. Dan tanggal 16hb. Julai, 1981 Allahyarham Tun Hussein melepaskan jawatan kepada Perdana Menteri iaitu Yang Amat Berhormat Dato' Seri Dr. Mahathir bin Mohamad.

Selepas itu beberapa dasar-dasar kerajaan telah dicipta dan kepimpinan seperti Kepimpinan Melalui Tauladan 1983, Dasar Pandang Ke Timur.

Tahun 1986 hingga 1990 Rancangan Malaysia Kelima telah dilancarkan. Pelan induk perindustrian juga telah dilancarkan pada 3hb. Ogos, 1986. Pilihanraya umum ke-7 dan 1987 UMNO diharamkan dan UMNO (Baru) didaftarkan semula. Bulan Oktober 1990 pilihanraya umum ke-8.

Tahun 1991 hingga 1995, pada 28hb. Februari, 1991 Wawasan 2020 dilancarkan. RMK-6 dilancarkan dengan RRJP ke-2 iaitu perubahan daripada Dasar Ekonomi Baru kepada Dasar Pembangunan Nasional. April, 1995

pilihanraya umum ke-9 di mana Barisan Nasional mendapat 161 kerusi daripada 191 yang dipertandingkan dan 1996 sepertimana yang kita telah dengar daripada Ahli-ahli Yang Berhormat UMNO telah merayakan 50 tahun.

Dan kita bersyukur kerana kebanyakan pemimpin-pemimpin daripada parti komponen Barisan Nasional yang terdiri daripada rakyat Malaysia bukan Melayu telah banyak menerima konsep perjuangan yang dibuat oleh UMNO.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga memohon izin Tuan Yang di-Pertua untuk memaklum kepada Dewan yang mulia ini iaitu suatu berita yang pada pendapat saya amatlah mengecewakan Dewan yang mulia ini iaitu di dalam *Utusan Malaysia* bertarikh Sabtu, 1hb. Jun 1996 yang bertajuk “Senator tidak guna kesempatan membahaskan Rancangan Malaysia Ketujuh”. Berita ini tersebar ke seluruh negara dan saya percaya kalau sekiranya kita teliti dengan betul, maka ini adalah suatu perkara yang perlu diberi perhatian yang serius. Saya berpendapat ini bukan bermakna senator tidak mahu mengambil bahagian tetapi sepatutnya media massa yang terlibat dengan liputan ini akan membuat liputan ataupun menyiarkan berita yang sewajarnya dan tidaklah menjejaskan kedudukan senator-senator.

Tuan Yang di-Pertua, seterusnya dalam membahaskan Rancangan Malaysia Ketujuh ini, saya ingin memberi beberapa penekanan yang perlu kita beri perhatian. Setelah kita mendengar urutan sejarah yang ringkas tadi dan kita tahu negara kita telah mengasaskan satu perlembagaan semasa kita hendak

mencapai kemerdekaan di mana semua bangsa yang turut juga menikmati kemerdekaan pada hari ini telah bersetuju pada asasnya dan semangat perlembagaan ini hendaklah tidak dikebelakangkan, jangan dilupai semasa membahaskan Rancangan Malaysia Ketujuh di mana di dalam perlembagaan itu telah ditetapkan agama Islam sebagai agama rasmi negara, bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan, bahasa rasmi negara dan kedudukan ketuanan orang-orang Melayu.

Tuan Yang di-Pertua, saya menimbulkan perkara ini sebab kalau apa juga perbahasan atau perbincangan yang kita buat yang tidak langsung berasaskan kepada konsep dan semangat perlembagaan yang telah dipersetujui itu, maka kita bimbang kita akan hilang matlamat menyatupadukan rakyat Malaysia yang menuju Wawasan 2020.

Satu lagi perkara yang perlu kita beri perhatian ialah tentang konsep Barisan Nasional yang bermula daripada Perikatan semasa zaman Allahyarham Tunku Abdul Rahman dahulu. Barisan Nasional adalah suatu kerajaan yang menggabungkan parti-parti politik yang sehingga ini telah membuktikan, walaupun UMNO menjadi tunjangnya tetapi kita tidak pernah menyalahgunakan kuasa, kita bukan tamak kuasa, kita sanggup kongsi kuasa. Pemimpin-pemimpin UMNO tidak berjuang untuk kepentingan orang Melayu tetapi pemimpin UMNO untuk rakyat Malaysia. Ini asas yang penting sekali. Selama ini, kita telah buktikan walaupun beberapa peruntukan di dalam



Perlembagaan Negara mempunyai keutamaan untuk kepentingan orang-orang Melayu tetapi sejarah telah membuktikan kita tidak pernah menyalahgunakan semangat perlembagaan itu untuk mengabaikan rakyat kaum-kaum lain di negara kita ini.

Tuan Yang di-Pertua, menyentuh berkenaan dengan Rancangan Malaysia Ketujuh ini iaitu yang bermula dari tahun 1996 hingga tahun 2000 sebagaimana yang telah dilancarkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri pada 6hb. Mei lalu, kita telah melihat betapa Rancangan Malaysia Ketujuh ini disusun begitu rapi dan kita percaya program Rancangan Malaysia Ketujuh ini sudah tentu akan menjadi suatu rancangan yang pragmatik dan seimbang memandangkan ianya ialah hasil daripada enam rancangan yang telah dilaksanakan sebelum ini. Rancangan ini akan mengekalkan dan meneruskan penekanan kepada konsep pembangunan seimbang. Dengan asas ekonomi yang kukuh setakat ini telah menjadi landasan kepada perkembangan pesat ekonomi dan disertai keadaan sosial dan politik yang teguh. Malaysia bersedia memasuki fasa kedua dalam Rangka Rancangan Jangka Panjang Kedua (RRJP2) dari tahun 1991 hingga tahun 2000 dengan kemampuan yang lebih tinggi, negara bersedia untuk menghadapi cabaran semasa.

Teras dasar pembangunan di dalam tempoh Rancangan Malaysia Ketujuh akan terus berlandaskan konsep pembangunan seimbang. Strategi-strategi bagi mencapainya akan mengandungi beberapa ciri baru, antaranya

peralihan daripada strategi pertumbuhan ekonomi yang didorong oleh pelaburan atau input yang diutamakan dalam rancangan terdahulu kepada strategi pertumbuhan yang didorong oleh produktiviti. Satu lagi strategi baru adalah peralihan kepada pengeluaran yang berkala besar bagi eksport. Ini merupakan langkah susulan yang logik dalam pertumbuhan ekonomi dan industri Malaysia sekiranya negara ingin meningkatkan bahagiannya dalam pasaran dunia. Peralihan ini membolehkan industri yang sedang berkembang mendapat manfaat daripada ekonomibidangan sementara pertambahan jualan kepada pasaran dunia akan membantu mengukuhkan kedudukanimbangan pembayaran Malaysia.

Rancangan Malaysia Ketujuh mengiktiraf kepentingan sumber manusia bagi mencapai pertumbuhan ekonomi yang didorong oleh produktiviti. Oleh yang demikian, beberapa langkah akan dipergiatkan untuk memperkukuhkan asas tenaga manusia melalui penambahan pelaburan dalam bidang latihan dan pendidikan. Bagi mengatasi kekurangan tenaga buruh, Rancangan Malaysia Ketujuh menggalakkan firma-firma beralih daripada sistem pengeluaran berintensifkan buruh kepada sistem berintensifkan modal. Penggunaan sumber tenaga buruh bukan tradisional pula, akan membantu mengurangkan ketegangan pasaran buruh dan pergantungan negara kepada buruh asing. Rancangan Malaysia Ketujuh akan menekankan penerusan strategi pertumbuhan yang diterajui oleh sektor swasta. Sektor swasta telah

memperlihatkan prestasi yang baik sejak kebelakangan ini. Kini swasta perlu melipatgandakan usaha bagi menghadapi cabaran baru yang lebih kompleks selaras dengan usaha negara menambah bahagian di dalam pasaran dunia. Apatah lagi dalam keadaan saingan yang lebih hebat daripada ekonomi pasaran yang baru muncul dan yang telah lama kukuh. Ini bermakna program penswastaan yang berjaya menyumbang kepada pertumbuhan ekonomi akan terus dipergiatkan.

Seiring dengan fokus pertumbuhan dalam Rancangan Malaysia Ketujuh penekanan juga diberi dalam usaha menjayakan sepenuhnya strategi pengagihan walaupun program pembasmian kemiskinan dan penyusunan semula masyarakat adalah merupakan program Rancangan Malaysia Keenam, tetapi pelaksanaannya akan dipergiatkan dan diperbaiki bagi memastikan ia lebih berkesan. Dalam hal ini, elemen yang penting adalah penglibatan yang lebih besar oleh kerajaan-kerajaan negeri, sektor swasta dan pertubuhan bukan kerajaan (NGO). Sektor swasta khususnya dijangka memainkan peranan yang aktif dalam membantu mewujudkan masyarakat perdagangan dan perindustrian bumiputera di samping menyumbang ke arah kejayaan program mengurangkan kemiskinan.

Rancangan Malaysia Ketujuh dirangka untuk membawa Malaysia memasuki ambang abad ke-21 bukan sahaja dengan lebih kukuh dari segi ekonominya tetapi juga lebih bersatu sebagai sebuah negara. Pada waktu ini, negara kita dirasa sudah bersedia sepenuhnya dari segi ekonomi, sosial dan

mental bagi menghadapi cabaran abad baru yang tinggal empat tahun lagi dengan gigih dan penuh yakin. Rancangan Malaysia Ketujuh yang dirangka sebahagian besarnya telah mengambil kira harapan dan aspirasi rakyat pada keseluruhannya terhadap ekonomi ke arah tahun 2000, malah ia merupakan kesinambungan penyediaan landasan bagi kerajaan untuk mempercepatkan pencapaian objektif pertumbuhan seimbang sebagaimana termaktub dalam Dasar Pembangunan Nasional (DPN) yang matlamat utamanya adalah untuk mewujudkan sebuah masyarakat yang lebih adil dan bersatu padu.

Di samping memberi perhatian kepada tumbuhan yang saksama, rancangan ini juga mengambil kira keperluan mengimbangi pertumbuhan ekonomi dengan perlindungan alam sekitar dan sumber semulajadi negara. Ia juga memberi perhatian kepada kemunculan pelbagai masalah sosial akibat daripada pembangunan ekonomi yang pesat.

Rancangan Malaysia Keenam iaitu pada tahun 1991 hingga 1995 yang baru kita tinggalkan juga mempunyai kecemerlangannya. Sepanjang tempoh Dasar Ekonomi Baru 1971 sehingga 1990 Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) berkembang pada kadar purata 6.7% peratus tetapi meningkat pada 8.7% dalam tempoh Rancangan Malaysia Keenam.

Dalam tempoh 1996 hingga tahun 2000, sasaran RMK-7 ke atas KDNK ialah 8%. Dalam tempoh 8 tahun sejak 1988, prestasi ekonomi negara sangat memberangsangkan dengan mengekalkan pertumbuhan yang tinggi sebanyak 8.9% setahun. Pencapaian mengawal kadar inflasi semasa pada purata 4% pada tahun 1995, 3.4% secara relatifnya rendah adalah satu kejayaan yang membanggakan jika dibandingkan dengan jangkaan RME iaitu 5%. Manakala

RMK-7 mengunjurkan penurunan kadar inflasi hingga ke tahap inflasi sebagaimana yang diharap-harapkan.

Seiring dengan itu, kemajuan yang pesat dalam usaha mengurangkan kemiskinan dan penyusunan semula masyarakat serta peningkatan taraf hidup rakyat telah dapat dicapai. Pendapatan per kapita pada nilai nominal meningkat daripada RM1,106 pada tahun 1970 kepada RM9,786 pada tahun 1995.

Sementara RMK-7 pula membuat sasaran agar pendapatan per kapita meningkat pada RM14,788. Dalam RMK-6, keistimewaan dapat dilihat apabila ia membawa kepada keadaan guna tenaga penuh dan kadar pengangguran pula turun kepada 2.8% pada tahun 1995. Kadar yang sama diharap dapat diteruskan dalam RMK-7. Dalam tempoh itu, perkembangan pesat sektor pembuatan, pembinaan dan perkhidmatan merupakan penyumbang terbesar dalam ekonomi negara.

Peranan sektor swasta yang semakin meningkat sebagai penggerak pertumbuhan menjadi ketara sejak pertengahan 1980-an. Selain itu, program penswastan menyumbang kepada pertumbuhan, kecekapan dan produktiviti, terutama pembangunan infrastruktur.

Keistimewaan RMK-6 yang lain untuk mengukuhkan kewangan sektor awam telah menghasilkan kedudukan belanjawan negara yang lebih baik dan berimbang sejak 1993. Namun, aliran modal antarabangsa yang besar menyebabkan pengurusan kewangan negara semakin rumit.

Akaun semasa imbangan pembayaran yang biasanya mempunyai lebihan, tetapi mengalami defisit berterusan dalam akaun perkhidmatan. Sebahagian besar daripada peningkatan defisit disebabkan oleh pertumbuhan pesat pelaburan yang seterusnya menyebabkan kenaikan import barangan modal dan perantaraan yang merupakan 82.3% daripada jumlah import barangan.

Bagaimanapun, dari segi imbangan sumber, kadar tabungan negara yang tinggi pada kadar 32.5% daripada KDNK adalah lebih mencukupi untuk membiayai pelaburan dalam negara. Dengan itu, negara kurang perlu membuat pinjaman yang besar dari luar negara bagi membiayai pelaburan dalam negara. Tabungan negara yang tinggi adalah setanding dengan negara perindustrian baru, malah lebih tinggi daripada kebanyakan negara maju. Kemajuan sosial juga berterusan dengan taburan pendapatan yang lebih seimbang.

Perkembangan ekonomi yang pesat dan mampan sejak 1988 telah menyediakan asas yang kukuh bagi melaksanakan RMK-7. Cabaran baru yang timbul, terutamanya berkaitan dengan pengurusan kejayaan ekonomi dan pembangunan sosial memerlukan penyesuaian ke atas dasar dan program yang sedia ada serta pelaksanaan pendekatan baru.

Bagi menyokong dan mengekalkan proses pembangunan dalam fasa kedua RRJP2 ini, negara perlu menangani cabaran terbesar. Sebenarnya banyak lagi rancangan kerajaan dalam tempoh RMK-7 (1996 - 2000) demi manfaat rakyat pelbagai kaum dan peringkat tanpa menyisihkan mana-mana

golongan. Tumpuan besar RMK-7 bolehlah diringkaskan kepada tumpuan bagi pengurangan kemiskinan, penyusunan semula masyarakat dan pengagihan pendapatan kependudukan, guna tenaga dan pembangunan manusia, pembangunan wilayah, program sektor awam dan pembiayaannya. Program penswastaaan, pembangunan pertanian, pembangunan perindustrian, pendidikan dan latihan, infrastruktur dan kemudahan awam, tenaga sains dan teknologi, teknologi maklumat, kewangan, pelancongan, perdagangan dan pengedaran, perumahan dan perkhidmatan sosial dan lain-lain, alam sekitar dan pengurusan mampan sumber asli, wanita dan pembangunan, belia dan pembangunan, pembangunan menerusi kerjasama antarabangsa dan pembaharuan pentadbiran.

Sebagaimana yang kita sedia maklum, saya ingin menyentuh di sini pencapaian yang telah didapati mengikut kaum iaitu pada Rancangan Malaysia Kelima dan juga Rancangan Malaysia Keenam. Bagi tahun 1990, bumiputera, matlamat pencapaiannya ialah 30%, pencapaian sebenar ialah 19.3%. Pencapaian bagi tahun 1995 ialah 20.6%. Ini bermakna pencapaian matlamat Dasar Ekonomi Baru bagi bumiputera dalam Rancangan Malaysia Kelima dahulu daripada matlamat 30% hanya 19.3% sahaja dan bagi tahun 1995 pula, matlamat 30%, pencapaiannya adalah 20.6%. Bermakna, peningkatan dari tahun 1990 hingga tahun 1995 hanyalah dalam kadar tidak sampai 1% pun.

Bagi rakyat Malaysia lain iaitu kaum Cina, India dan lain-lain, matlamatnya ialah 40%. Pencapaian yang diperolehi ialah 46% bagi tahun

1990 dan pada tahun 1995, pencapaian bagi rakyat Malaysia bukan bumiputera ialah 43.4%. Ini menunjukkan peningkatan dari segi ekonomi bagi rakyat Malaysia yang berketurunan Cina, India dan lain-lain adalah mengatasi pencapaian bumiputera itu sendiri.

Oleh sebab itu, jelas menunjukkan Rancangan Malaysia yang telah dilaksanakan oleh kerajaan sebenarnya bukanlah satu rancangan untuk kepentingan orang-orang Melayu dan bumiputera sahaja, tetapi untuk kepentingan kesemua kaum sekali.

Untuk orang Cina misalnya, matlamat 40% pada tahun 1990, orang Cina mencapai 45.5% dan pada tahun 1995, pencapaian orang Cina ialah 40.9%. Penurunan kepada 40.9% bagi tahun 1995 ini masih lagi mengatasi matlamat asal pada tahun 1990.

Bagi orang India pula, pencapaian bagi tahun 1990 ialah 1% dan pada tahun 1995 ialah 1.5%. Ini menunjukkan peningkatan bagi kaum India sebanyak 0.5%.

Bagi kaum-kaum lain pula ialah 0.3%, sementara bagi tahun 1995 ialah 1%. Ini menunjukkan peningkatan bagi kaum-kaum lain juga.

Bagi rakyat asing, matlamat pada tahun 1990 ialah 30%, pencapaian sebenar bagi tahun 1990 ialah 25.4% dan tahun 1995 pula, sebanyak 27.7%.

Tuan Yang di-Pertua, ini jelas menunjukkan, seperti yang saya katakan tadi, Rancangan Malaysia Ketujuh yang telah dirancang begitu teliti hasil



daripada pelaksanaan beberapa rancangan sebelumnya adalah suatu rancangan yang amat praktikal dan paling sesuai serta perlu mendapat sokongan oleh semua pihak.

Saya ingin menekankan beberapa keutamaan dan cabaran utama yang telah disebutkan di dalam Rancangan Malaysia Ketujuh ini iaitu Dasar Pembangunan Nasional yang menjadi asas untuk mencapai perpaduan negara akan terus menyediakan rangka yang luas bagi pembangunan ke arah tahun 2000.

Cabaran-cabaran utama yang akan dihadapi oleh negara pada masa depan dalam melaksanakan RMK-7 ini antara lain termasuklah:

- (i) memesatkan pertumbuhan yang didorong oleh produktiviti dan kualiti melalui peningkatan kecekapan faktor buruh dan modal. Dalam pasaran buruh yang ketat, negara perlu meningkatkan kemahiran, mendalamkan modal di samping memajukan pengurusan dan keusahawanan;
- (ii) mengekalkan kestabilan harga dan imbalan akaun luar negara;
- (iii) mempercepatkan peralihan kepada aktiviti yang mempunyai nilai ditambah yang lebih tinggi dengan

menjimatkan penggunaan buruh serta menggunakan proses pengeluaran berinsentifkan modal dan teknologi;

- (iv) menggalakkan pendekatan global kepada perindustrian untuk membolehkan firma menceburi operasi berskala besar supaya manfaat daripada ekonomi bidangan dapat diperolehi melalui peningkatan kapasiti pengeluaran untuk dieksport ke pasaran dunia;
- (v) menggalakkan proses pengeluaran yang lebih bersepadu melalui pengukuhan rantaian antara industri;
- (vi) meningkatkan daya saing dalam menghadapi globalisasi yang lebih luas, kemajuan teknologi serta perubahan pilihan pasaran yang memerlukan negara memperkuat asas daya saing, memperkukuh infrastruktur dan memperluaskan jalinan global. Di samping itu, negara perlu membangunkan sektor perkhidmatan yang dinamik, moden dan berorientasi terbuka;
- (vii) memperkukuhkan sains dan teknologi dan meningkatkan penyelidikan dan pembangunan, research and development (R&D) untuk menggunakan sepenuhnya keupayaan teknologi negara serta memajukan teknologi maklumat (information technology) bagi membolehkan negara beralih daripada hanya

sebagai pengguna produk multimedia kepada pembekal dan pemaju IT;

- (viii) memastikan pembangunan mampan bukan sahaja melalui kesedaran terhadap pemuliharaan alam sekitar tetapi menekankan pertimbangan yang bersepadu menjaga alam sekitar; dan
- (ix) menekankan usaha ke arah pengagihan pertambahan pendapatan dan kekayaan negara dengan saksama dengan tujuan mengekalkan kestabilan sosio-ekonomi yang berterusan untuk mempercepatkan penyusunan semula masyarakat.

Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya menyentuh sedikit berkenaan dengan perkara-perkara yang berkait dengan perkara-perkara berikut iaitu pendidikan. Seperti yang disentuh oleh Ahli-ahli Yang Berhormat sahabat sebentar tadi, ada banyak perkara yang kerajaan perlu beri perhatian bersangkutan dengan pendidikan. Pendidikan ini hendak diasaskan yang lebih mementingkan kepada perpaduan kaum dan juga ilmu pengetahuan yang akan sesuai dengan matlamat Wawasan 2020. Oleh itu, Tuan Yang di-Pertua, saya berpendapat sudah sampai masanya kita mengadakan suatu sistem pendidikan yang lebih pragmatik, lebih ke arah menyatupadukan kaum. Sekarang ini, kita tidak boleh menafikan bahawa sistem pendidikan kita masih menjuruskan mengikut identiti kaum.

Oleh sebab itu, saya mencadangkan supaya kerajaan mempertimbangkan secara serius bagaimana cara hendak kita adakan sistem pendidikan yang lebih mementingkan ke arah perpaduan. Saya juga ingin mengingatkan kerajaan iaitu dengan dasar penswastaaan institut pendidikan tinggi (IPT) iaitu dengan terlaksananya dasar penswastaaan ini, ada kemungkinan sekiranya kerajaan tidak mempunyai satu badan bagi mengawasi perkembangan pendidikan secara swasta ini, iaitu kemasukan perkara-perkara atau gejala-gejala yang boleh merosakkan perpaduan, perkara-perkara yang lebih mengutamakan kepentingan komersil dari segi keuntungan perniagaan dan ini sudah tentulah akan mengabaikan kehendak negara menjelang tahun 2020 lebih-lebih lagi kepentingan rakyat-rakyat yang miskin di luar bandar.

Saya bimbang untuk pelajar-pelajar atau anak-anak orang luar bandar hendak masuk ke pusat pengajian tinggi akan terbiar begitu sahaja dan ini akan lebih memperluaskan lagi jurang di antara orang-orang luar bandar dengan orang-orang di dalam bandar yang mana kita tahu sekarang ini semua pusat pengajian tinggi sama ada dibuat secara twinning program ataupun secara bersendirian, tertumpu di kawasan-kawasan bandar sahaja dan ini pula sudah tentu akan menarik guru-guru yang berkaliber, yang bijak daripada sekolah-sekolah kerajaan keluar pergi bekerja di sekolah-sekolah swasta dan di mana sekolah-sekolah kerajaan ini, banyak anak-anak atau pelajar-pelajar yang tidak mampu belajar di situ dan sudah pasti kita boleh bayangkan apa yang akan

berlaku di sekolah yang tidak diswastakan dengan sekolah swasta di mana kemudahannya diberi perhatian lebih kepada guru-guru yang berkemampuan, guru yang berpengalaman dan di sekolah-sekolah luar bandar dengan peralatan yang serba kekurangan dengan guru yang kurang berpengalaman dan sebagainya.

Oleh sebab itu, Tuan Yang di-Pertua, saya mencadangkan supaya kerajaan mempunyai satu majlis sepertimana yang disebut oleh Tan Sri Awang Had Salleh iaitu Majlis Pendidikan Negara yang bertanggungjawab penuh memastikan pelaksanaan IPT ini termasuklah sekolah-sekolah yang ada ini supaya peluang-peluang boleh diberi kepada pelajar-pelajar yang betul-betul mampu. Kita kena sedar bahawa pelaburan dalam bidang pendidikan ini suatu pelaburan yang sangat penting.

Oleh sebab itu, seperti yang saya mencadangkan dahulu, kerajaan hendaklah memberi pendidikan percuma kepada semua pelajar sekurang-kurangnya sehingga pendidikan menengah rendah dan selepas itu kerajaan perlu menyediakan satu tabung pendidikan tinggi di mana pelajar-pelajar yang mampu dan berkecukupan diberi biasiswa sama ada secara pinjaman ataupun percuma kepada semua pelajar dan saya memang bersetuju dengan dasar menswastakan pendidikan ini dengan tujuan hendak memberi lebih banyak tempat kepada semua pelajar mendapat pendidikan tinggi di dalam negeri. Tetapi apa yang kita harapkan, janganlah pula dengan adanya sistem

penswastaan ini, peluang-peluang yang seimbang, yang sama rata ini hanya diberi kepada orang-orang yang mampu sahaja.

Begitu juga bersangkutan dengan bidang pendidikan Tuan Yang di-Pertua, sepertimana yang kita pernah baca di dalam akhbar baru-baru ini, kerajaan telah cuba mengetengahkan beberapa isu iaitu isu hendak menghukum ibu bapa, isu hendak membenarkan guru memukul murid dan sebagainya. Tetapi saya tidak tahu sama ada kerajaan sedar atau tidak ada seorang guru yang telah dipukul oleh ibu bapa kerana katanya guru itu mendakwa murid ataupun anak ibu bapa tersebut telah mencuri wang dan setakat ini kita tidak tahu apa perkembangan yang berlaku dan kalau sekiranya perkara-perkara yang seperti ini boleh berlaku, ini berlaku di negeri Selangor, kalau tidak silap saya di Puchong seperti yang saya telah baca di dalam akhbar dan guru itu memang teruk dipukul, ditunjuk gambar di dalam surat khabar, mata sebelah sudah tertutup. Tetapi saya tidak tahu apa yang berlaku, saya dapat tahu telah dibuat laporan kepada polis. Kalau perkara macam ini....

**Tuan Yim Yee Cheong:** *[Bangun]*

**Tuan Ding Seling:** Tuan Haji Abu Bakar, Yang Berhormat Tuan Yim Yee Cheong minta laluan.

**Tuan Yim Chee Cheong:** Minta laluan. Tadi saya difahamkan 'guru dipukul oleh ibu bapa.' Ibukah atau bapa ataupun dipukul oleh ibu bapa?

**Tuan Haji Abu Bakar bin Ismail:** Tuan Yang di-Pertua, saya ucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat kerana sekurang-kurangnya telah memberi peluang kepada saya untuk boleh relaks sedikit. Sebenarnya kalau mengikut dalam akhbar itu ibu tidak terlibat tetapi keluarga pelajar itu. Bapanya ataupun bapa saudaranya ataupun abangnya. Jadi, ramai adik beradik. Mereka boleh panggil guru ini selepas itu tanya budak itu sama ada betul atau tidak betul, budak itu jawab terus dibelasah guru itu. Saya harap supaya perkara ini pihak kerajaan tidak harus memandang ringan. Jadi, ini mencemarkan lagi.

Tuan Yang di-Pertua, untuk meneruskan seperti yang saya sebutkan tadi, kerajaan perlu mengkaji semula sistem gaji guru-guru yang ada sekarang ini. Setakat ini kita hanya dengar kerajaan membuat kajian mengenai dengan pensyarah, profesor, kemudian pensyarah-pensyarah di ITM dan di institut pengajian tinggi sahaja. Sebab kita tahu kalau kerajaan tidak buat kajian di peringkat ini, apabila kita benarkan penswastan mungkin orang-orang ini akan lari pergi ke swasta. Selepas itu kerajaan tidak ada tenaga pengajar dan kerajaan tidak harus memandang ringan untuk membuat kajian semula supaya guru-guru yang mengajar di sekolah rendah terutama sekali begitu juga sekolah menengah diberi taraf gaji yang sesuai dengan tugas mereka. Kerajaan tidak harus memberi alasan bahawa perkhidmatan perguruan ini jumlah bilangan guru itu terlalu banyak, soal ramai tidak timbul, soal kepentingan negara itu

lebih penting. Berapa ramai bilangan guru pun, itu tidak menjadi soal. Kalau kerajaan sanggup habis wang di dalam PERWAJA berbilion-bilion ringgit, apa salahnya kerajaan menaikkan taraf guru dengan memberi gaji yang cukup setimpal?

Tuan Yang di-Pertua, bersangkutan dengan pendidikan juga, saya ingin menarik perhatian berkenaan dengan baru-baru ini pihak kerajaan telah meluluskan RM400 juta kepada MARA. Kita memang mengalu-alukan setelah berlaku beberapa perkara yang kita sendiri nampak tidak puashati berkenaan dengan pengurusan di MARA bersangkutan dengan pendidikan ini, tetapi akhirnya kerajaan telah meluluskan RM400 juta kepada MARA dengan tujuan hendak membiayai pelajar-pelajar bumiputera yang melanjutkan pelajaran ke luar negeri dan mungkin termasuklah yang membuat pra-u untuk melanjutkan pelajaran ke luar negeri. Tetapi apa yang kita meragui sama ada RM400 juta ini untuk membiayai pelajar-pelajar yang sedang menuntut di luar negeri atau yang sedang menuntut di dalam negeri ataupun termasuk peruntukan untuk pelajar-pelajar baru yang akan diambil. Ini masih lagi samar-samar dan kita dapati usaha-usaha untuk memulihkan peranan MARA ini masih lagi tidak meyakinkan kita sebab kita tahu selagi kedudukan pegawai-pegawai di dalam MARA itu tidak dibedah siasat, tidak diubah, tidak dicari sebab-sebab puncanya berlaku, dengan menambah duit sahaja, macamlah pergi buang garam ke dalam laut, akhirnya benda itu tidak jadi satu manfaat.

Untuk makluman Tuan Yang di-Pertua dan Dewan yang mulia ini, saya beri contoh, anak saya sendiri pergi belajar di Amerika. Hampir tiga suku perjalanan pelajaran sudah habis. Tetapi oleh kerana dia bersikap berterus terang, betul, dia beritahu dia hendak kahwin dengan izin, Tuan Yang di-



Pertua. Apabila dia beritahu dia hendak kahwin, keadaan di sana bukan kita boleh kawal. Jadi, dengan niat yang baik, saya pun kata teruskan. Bila dia beritahu perkara itu kepada MARA, apa yang berlaku ialah pihak MARA mengambil tindakan memberhentikan. Dia beri alasan kata anak saya tak hadir ke kelas, tak ambil pelajaran, tak beritahu dan sebagainya. Akhirnya, saya sendiri.....

**Tuan Hanipah bin Ahmad:** Tuan Yang di-Pertua, saya tertarik fasal sebut hendak kahwin tadi. Jadi, persoalannya, hendak kahwin dengan siapa? Adakah perkahwinan itu telah disempurnakan?

**Tuan Haji Abu Bakar bin Haji Ismail:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Sebenarnya anak saya berkahwin dengan pelajar Malaysia juga, dan dia telah beritahu, dan upacara perkahwinan itu dibuat mengikut adat istiadat agama Islam melalui Kedutaan Malaysia di Amerika. Sekarang ini dia sudah berkahwin dan dia sudah balik, bekerja dengan MEASAT, ada di Subang Jaya keduanya sekali. Apa yang saya hendak sebut di sini sikap MARA. MARA tak bertanggungjawab hendak hantar laporan pelajar anak-anak kita di luar negeri. Bila kita beritahu budak itu hendak kahwin, oleh kerana dia baca dalam clause cara-cara hendak kahwin, dia berhenti tak beri biasiswa. Biasiswa ini bukan “biasiswa-biasiswa” ia merupakan pinjaman, yang pelajar-pelajar ini apabila kerja terpaksa bayar balik. Tetapi apabila dia berhenti, saya terpaksa

mengeluarkan wang untuk meneruskan pelajaran anak saya sehingga tamat, iaitu hampir RM30,000 saya kena bayar. Saya terpaksa carikan juga.

Sikap yang semacam ini - saya sudah buat rayuan kepada menteri yang bertanggungjawab atas perkara ini. Tetapi akhirnya pegawai MARA itu sendiri beri alasan, beri jawapan anak saya sekian-sekian dengan tak kena-mengena langsung dengan itu. Saya percaya, kalau sikap pegawai yang ada di dalam MARA macam ini, duit yang kita beri RM400 juta tidak bermakna, habis sahaja.

Oleh sebab itu, kita berharap menteri yang bertanggungjawab - sekejap tadi ada, dia kena mendidik habis-habisan. Dia kena rombak mana pengkhianat yang ada di dalam MARA, dia kena buang dan bubuh orang lain.

**Tuan Yim Chee Chong:** Minta laluan. Saya hendak minta penjelasan tentang pinjaman MARA. Kalau hendak pinjam wang dari MARA untuk melanjutkan pelajaran, adakah syarat atau tidak tak boleh kahwin? Ini dari pandangan undang-undang.

**Tuan Haji Abu Bakar bin Haji Ismail:** Tuan Yang di-Pertua, sepatutnya menteri yang bersangkutan dengan MARA ataupun Menteri Undang-undang yang jawab. Tetapi oleh kerana saya sudah baca sedikit perjanjian dan sebagainya, apa yang saya difahamkan mengikut di dalam perjanjian itu, pelajar-pelajar ini dia kata kalau hendak kahwin kena beritahu, kena maklum kepada MARA, itu sahaja. Sebab untuk syarat makluman Tuan Yang di-

Pertua, dan Ahli-ahli Yang Berhormat dalam Dewan yang mulia ini, lebih ramai lagi pelajar-pelajar yang berkahwin tanpa pengetahuan MARA. Ada pun sampai sekarang mereka duduk di Amerika tak balik terus. Yang itu pula selamat. Anak saya secara kebetulan hendak beritahu secara betul, diberhentikan. Inilah yang saya kata tadi, macam mana sikap pegawai yang macam ini hendak jalankan Rancangan Malaysia Ketujuh hendak tolong bumiputera melalui MARA. Inilah isunya. Bukan saya bawa ini kerana anak saya, tetapi isunya.

Kita berani buat survey, kalau MARA betul-betul bertanggungjawab MARA boleh buat survey berapa ramai pelajar-pelajar yang dihantar pergi ke UK, pergi ke US, pergi ke Australia dan sebagainya yang keadaannya jadi macam anak saya atau yang tak kahwin. Saya dengar di Perlis beberapa ramai yang ada pelajar-pelajar yang dihantar oleh MARA kahwin senyap-senyap. Lepas itu, akhirnya selamat begitu sahaja. Tetapi anak saya apabila sudah ditamatkan sekarang pun sudah bayar tiap-tiap bulan. Kena bayar, tolong bayar dahulu, anak saya baru sahaja dapat kerja. Ini isunya.

Tuan Yang di-Pertua, saya harap sangat-sangatlah supaya kerajaan dalam merancang sesuatu program itu kita tidak membazir wang, dan kita tidak membuat tindakan untuk menyenangkan kerja, pada hal isunya kita tidak tahu hujung pangkal.

Tuan Yang di-Pertua, bersangkutan dengan agama. Tetapi yang saya sebut tadi, agama Islam adalah agama rasmi negara kita. Oleh yang demikian, saya rasa sudah sampai masanya - saya tidaklah mengatakan setakat ini polisi kita terhadap meletakkan agama sebagai agama suci agama rasmi negara itu belum lagi mencapai matlamatnya - tetapi apa yang kita harapkan ialah misalnya, kita tahu sekarang ini kita terdiri daripada berbagai kaum dengan pelbagai agama di dalam negara kita. Oleh sebab itu, ada hal-hal yang boleh menjadi sensitif perlu kita cari jalan supaya perkara ini tidak timbul satu isu pergaduhan di akhirnya semata-mata kerana agama.

Misalannya, soal-soal yang berkait dengan membela khinzir di dalam kawasan yang mana ada terdapat orang Islam. Kita percaya sekarang ini pun kerajaan sudah mengambil langkah-langkah tindakan supaya membela khinzir yang kita sebut babi itu, dihadkan di kawasan tertentu. Begitu juga menjual daging khinzir. Pada satu masa dahulu kita dapati orang-orang bukan Islam - kita bukan bermaksud tak beri orang bukan Islam bela. Tetapi biarlah dibuat di dalam keadaan yang tidak mengganggu orang-orang yang beragama Islam. Itu satu contoh.

Satu lagi, yang saya hendak sebutkan ialah bersangkutan dengan perayaan-perayaan yang berkait dengan agama. Pada masa sekarang ini, kita dapati semuanya nampak berjalan dengan cukup elok. Tetapi kadang-kadang ada juga upacara-upacara yang sengaja kita tonjolkan seolah-olah perkara itu mendapat

status begitu penting dalam negara kita. Misalnya perayaan yang bersangkutan dengan keamtian. Saya minta maaf - kematian orang-orang Cina ataupun India dan sebagainya. Jadi, bila berlaku kematian kadang-kadang dia gunakan jalan raya. Dia bawa mayat, sementara hendak sampai mengganggu jalan raya. Jadi, saya bukan hendak halang daripada kaum-kaum ini, tetapi berarak membawa mayat itu. Jadi, kalau sekiranya dia mengganggu ketenteraman awam, bagaimana kerajaan harus mencari jalan supaya perkara ini, perarakan mayat pergi ke tempat kubur boleh berlaku, dalam masa yang sama tidak mengganggu ketenteraman awam dan tidak timbul seolah-olah negara kita bagi terlalu bebas hingga tidak mementing kepentingan awam. Itu satu contoh.

Kemudian, begitu juga dalam soal doktor. Macam Yang Berhormat kawan saya tadi sebut. Bila orang Islam accident ataupun berlaku kematian yang sah, keluarga dia sudah tahu mengatakan dia mati kerana accident. Dia hendak pergi ambil mayat di hospital, doktor kata hendak kena buat pembedahan. Pada hal kita tahu penyiksaan mayat itu satu perkara dari segi agama adalah tidak baik. Kalau keluarga, waris dia sendiri sudah sah, sudah akui kematian itu disebabkan itu, apa perlunya lagi, undang-undang kita sahaja yang buat, kata tak perlu buat pembedahan, post-mortem. Sedangkan dari segi agama sudah kita sah, kalau waris kata tak perlu, sign satu surat, lepaskan sahaja. Mengapa kita terikat dengan undang-undang dunia yang kita buat, sedangkan benda itu bercanggah dengan agama.

Tuan Yang di-Pertua, selain daripada itu saya ingin menyebut berkenaan dengan usaha-usaha membasmi kemiskinan. Di dalam RMK-7 tadi disebut satu

perkara yang akan dititikberatkan ialah hendak membasmi kemiskinan. Kita tahu, masyarakat yang miskin ini dia ada dua tempat, satu miskin di luar bandar dan satu lagi miskin di dalam bandar. Kita akui miskin ini dia tidak kira kaum, tetapi secara kebetulan peratus kemiskinan di luar bandar ini adalah lebih teruk lagi berbanding dengan peratus kemiskinan di dalam bandar dan kita tahu orang-orang di luar bandar adalah terdiri daripada orang-orang Melayu dan kaum bumiputera dan di dalam bandar kalau jenis yang miskin, orang-orang itu juga kerana orang Melayu di luar bandar dia datang duduk di dalam bandar, maka dia juga yang jadi golongan, adalah golongan-golongan yang lain, orang China dan orang India, tetapi tidak ramai.

Oleh sebab itu, saya nampak kalau kerajaan memberi peruntukan yang banyak dia tidak akan selesai masalah dengan tambah peruntukan, kalau sekiranya tidak ada satu mekanisme, tidak ada satu jentera untuk hendak melaksanakan satu program itu. Oleh itu saya nampak negeri Selangor patut menjadi contoh. Sekarang ini di negeri Selangor, program membasmi kemiskinan ini telah diswastakan. Kita hendaklah menjadikan model negeri Selangor ini dengan Yayasan Membasmi Kemiskinan Negeri Selangor, ia tubuh satu syarikat sebab kalau duit ada, dan duit ini kita boleh labur, dalam masa yang sama, kita adakan program untuk membasmi kemiskinan ini, orang miskin kita boleh bantu dan boleh terus mendapat pendapatan dan dalam masa yang sama token grant yang kerajaan beri kita boleh labur untuk tambah duit itu,

supaya apabila datang tahun depan tidak payahlah kerajaan beri, duit itu kita jadikan modal untuk mendapatkan duit, untuk menolong orang-orang miskin. Inilah program yang menuju ke arah Wawasan 2020, bukan ambil duit, perhabis duit, lepas itu orang miskin dia miskin lagi. Selepas itu kena tambah sekali lagi. Ini adalah satu rancangan yang membazir.

Oleh sebab itu kerajaan mesti melaksanakan program membasmi kemiskinan ini - buat program, swastakan, ikut cara negeri Selangor buat dan insya-Allah, perkara ini kita boleh atasi, sama ada di dalam bandar mahupun di luar bandar.

Bersangkut dengan Dasar Pertanian Negara, dalam masa soal jawab, kita telah dengar banyak perkara. Saya amat-amat kecewa sekali. Nampaknya bidang pertanian ini penting, ia melibatkan soal makanan dan permakanan dan semua perkara yang bersangkut dengan pertanian ini biasanya melibatkan orang-orang yang termasuk dalam golongan yang miskin termasuk petani, peladang, penternak, nelayan dan sebagainya. Tetapi nampaknya, kerajaan setelah membuat Dasar Pertanian Negara, sekarang hendak kaji balik Dasar Pertanian. Apa salahnya, di mana silapnya. Saya nampak kerajaan perlu serius, perlu membuat sesuatu.

Sebab itulah tadi saya sebutkan Dasar Pertanian Negara ini ada bidang-bidang yang kerajaan boleh percepatkan penswastaannya, misalnya, kerajaan gunakan agensi yang sedia ada seperti FAMA, MADA, LPP dan sebagainya,

tetapi setakat ini kita nampak seolah-oleh program yang kerajaan buat itu tidak begitu berkesan, kerana, walaupun digunakan agensi-agensi yang ada ini, tetapi pegawai-pegawai yang terlibat di dalam agensi ini masih lagi bersikap sebagai pegawai kerajaan yang terima sekian banyak, buat kerja setakat itu sahaja. Dia tidak ada inisiatif langsung. Misalannya masalah membajak sawah. Kita ada LPP, kita ada Pertubuhan Peladang, sama ada di kawasan MADA atau pun di luar kawasan MADA, tetapi fasal apa kita masih lagi membiarkan orang tengah membajak sawah, mengambil padi, menuai padi dan sebagainya dan menetapkan sendiri harga. NAFAS tidak bolehkah beli alat-alat jentera ini?

Inilah yang saya katakan tadi, ada kadang-kadang kerajaan boleh beri token grant, misalannya, maaf saya sebutkan di sini - Perwaja. Saya ada buat catatan di sini bersangkutan dengan Perwaja.

Tuan Yang di-Pertua, cuba kita lihat pembabitan kerajaan di dalam Perwaja. Kita tahu bahawa Yang Amat Berhormat Dato' Seri Dr. Mahathir memanglah memainkan peranan untuk membangunkan penswastan dan mengadakan kilang yang besar-besar ini. Kalau pemimpin tidak memberi sokongan ini memang benda ini tidak boleh menjadi. Kita jangan ambil alasan itu untuk hendak menyalahkan pemimpin, sebab pemimpin hanya buat dasar beri benda itu berjalan, selepas itu orang yang bertanggungjawab ialah menteri-menteri yang dok jaganyalah. Bila-bila menjadi macam itu kita hendak salahkan orang - kata "oi, orang ini jaga". Itu bukan alasan yang logik sebagai



sebuah kerajaan berkolektif yang mempunyai tanggungjawab bersama. Cuba kita lihat pembabitan kerajaan di dalam Perwaja ini iaitu melebihi RM5 bilion yang merupakan suntikan ekuiti sebanyak RM853 juta dan pendahuluan yang kerajaan beri RM1.219 bilion dan jaminan pinjaman - kerajaan tolong jamin kepada Perwaja untuk mendapatkan pinjaman di tempat lain - RM3.189 bilion - jumlah itu semua maknanya kerajaan terbabit RM5 bilion dalam syarikat Perwaja. Cuba bayangkan, kita dok kata tadi hendak kurangkan subsidi kepada petani yang memperolehi pendapatan sedikit-sedikit, lepas itu tidak mahu hendak swasta, hendak suruh syarikat swasta sendiri - logikkah macam ini? Hak tempat-tempat orang dok terima gaji, pakai kereta besar, kerja dalam itu, selepas itu dapat untung pula banyak, kita terlibat banyak dalam perkara ini, mai, mai, hak yang rakyat hendak boleh tumpang mendapat manfaat, kita kata duit banyak hendak membazir sahaja - hendak jadikan depa masyarakat subsidi lagi. Saya rasa ini adalah tidak munasabah, sebab berhubung dengan soal-soal yang berkait dengan hendak tolong rakyat miskin ini, bukan boleh diukur dalam bentuk pelaburan yang boleh habis duit seperti ini.

Kemudian, beban hutang dan kerugian yang sebenar yang ditanggung ialah RM10 bilion. Tanggungan semasa RM926 juta dan tanggungan jangka panjang ialah RM6.013 bilion dan kerugian terkumpul ialah RM2.985 bilion di dalam PERWAJA. Cuba bayangkan. Memang kita nampak, semua kilang dok ada bangunan, dok ada benda itu, dok ada beroperasi, tetapi bila rugi, rugi

banyak, orang yang terlibat - apa tanggungan yang kita beri kepada mereka? Dan salah satu sebab yang telah disebut oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri kerugian yang berlaku di dalam Perwaja adalah disebabkan kelemahan pengurusan kewangan dan pentadbiran. Ini menunjukkan seolah-olah apabila kerajaan beri duit, memberikan pinjaman semua, beri orang buat kerja, tidak ada satu badan pun yang hendak ambil tahu - biarkan sahaja. Kot mungkin depa ingat kata yang ini sudah Perdana Menteri beri kepercayaan, biarlah dia buat, dia percaya kot. Tidak boleh macam itu. Sepatutnya kerajaan mesti memerhatikan, dari masa ke semasa. Tengok akaun dia, kena hantar laporan balik, jangan dok tunggu - senyap-senyap macam itu sahaja, tahu-tahu, tiba-tiba rugi.

Sepatutnya dalam perbelanjaan itu siapa yang kita hendak beri tanggungjawab penting sebagai Pengarah Urusan misalnya, dia mesti ada jaminan, kita mesti tahu harta dia di mana, apa semua di mana, duit dia simpan di mana, supaya besok bila berlaku tanggungjawab itu, dia mesti ada, sekurang-kurangnya kita boleh bekukan harga dia. Dia kena bayar balik, dia ambil di mana? Dia bawa ke mana, inilah yang saya kata tadi perkara-perkara yang kita perlu beri perhatian kalau kita ingin hendak melihat kejayaan di dalam RMK-7 ini.

Tuan Yang di-Pertua, bersangkutan dengan pembangunan luar bandar. Kita telah mendengar rungutan di Sabah, Sarawak dan sebagainya. Di luar

bandar, hendak keluar peruntukan RM5,000, RM10,000 hendak korek parit, hendak buat jalan, hendak buat titi, dalam bandar RM1 juta, ratus-ratus ribu ke atas, tidak dengar langsung RM5,000, RM10,000, tetapi bila pergi ke luar bandar hendak keluarkan RM5,000, RM10,000 itu bukan boleh keluar cepat-cepat. Banyak karenah birokrasi yang kena dilalui, hantar pi, mai, mai, akhirnya hak yang keluar RM10,000 yang belanja sebenar RM3,000 sahaja lagi RM6,000 atau RM7,000 itu tidak tahu pergi ke mana. Saya tidak tahulah bagaimana perkara ini boleh berlaku.

Tuan Yang di-Pertua, oleh sebab itu saya rasa kebanyakan peruntukan yang kita belanja untuk pembangunan luar bandar ini kerajaan perlu mempunyai satu badan pengawasan semacam juga dalam Perwaja tadi, kalau tidak ada badan pengawasan, kadang-kadang hendak beri BPR - BPR dia tidak mampu, lawyer kata kerja BPR lagu lain, saya tidak tahulah lagu mana? Hendak tengok pelaksanaan bagi licin, betul atau tidak betul, itu bukan kerja BPR. Sama ada diperlukan badan lain pula, badan apa pun kalau yang bersangkutan dengan manusia ini, kadang-kadang depa berpakat, bila berpakat itu dia jadi tidak betullah, dia perlingkup habis.

Jadi, oleh sebab itu, kita berharap supaya kerajaan dalam menyelesaikan masalah luar bandar ini kena ada peruntukan maintenance macam dalam bandar juga. Sebab itu kita lihat sampai bila pun keadaan perbezaan di luar bandar dengan dalam bandar, dia tak akan sama. Dalam bandar berterusan, katanya

konon ambil cukai-mukai, jalan rosak bukan ada siapa kompelin, orang perbaiki. Parit tersumbat bandaran dok jaga. Selepas itu kesihatan ada klinik, hak swasta itu rata-rata, siapa yang ada duit pilah. Kedai hendak beli barang pun banyak, pengangkutan pun banyak, tetapi perbezaan masalah yang berlaku dalam bandar ini berbeza dengan luar bandar. Tetapi, adakah adil dalam keadaan pembangunan yang kita nikmati sekarang ini, kita biarkan suasana di luar bandar, biar dalam keadaan yang amat menyedihkan itu. Sebab kita kena ingat, Barisan Nasional menang ini bukan kerana sokongan dalam bandar. Saya berani cabar supaya kita buat analisa.

Kemenangan Kerajaan Barisan Nasional ini berteraskan di luar bandar. Dalam bandar, saya minta maaf, kawan-kawan saya dalam MCA dan Gerakan, dalam bandar kalau kawasan itu tak ada orang luar bandar tolong semua boleh kat pembangkang, menang kat DAP. Itu menunjukkan di dalam bandar ini orang boleh buat macam main saham, sangkut dengan undi ini. Dia tengok belah untung dia sahaja, dia beri, dia kata, dia peduli apa, dia bukan ada kepentingan.

Orang luar bandar ini dapat kata dapat pembangunan, sama ada mereka susah atau senang, mereka tahu walau macam mana pun aku mesti sokong Barisan Nasional sebab Barisan Nasional hanyalah sebagai kerajaan yang boleh membela.

Tuan Yang di-Pertua, oleh sebab itu, kerajaan perlu mengadakan peruntukan berterusan bagi membangunkan kawasan luar bandar sama ada dari segi infrastruktur, jalan, kemudahan pengangkutan, kawasan-kawasan di pedalaman itu buat macam Sabah dan Sarawak, kita benarkan orang-orang perseorangan gunakan van untuk mengangkut orang, hendak beri bas, company - kalau tak untung, company tak mahu. Dia tak masuk bas, dia kata rugi, kalau hendak naik dua, tiga orang hendak naik bas -rugi sungguhlah. Benarkan orang perseorangan beli van second hand, beri pengangkutan mereka macam Sabah buat itu. Kalau buat macam itu, senang, berlaku kesusahan jika hendak pergi ke hospital, anak-anak hendak pergi sekolah apa semua boleh bawa - bantuan itu dalam masa yang sama. Ini tidak hendak kena keluar lesen teksi, sudah beku, lepas itu hendak minta company bas, bas kata, kalau hendak masuk jalan ini, jalan teruk, rosak bas, orang yang hendak diangkut bukan ramai - rugi. Dia fikir untung sahajalah, tak untung dia tak mahu bawa, biar orang susah tak apa.

Oleh sebab itu, kerajaan kena benarkan orang-orang persendirian, perseorangan ini membeli van selepas itu menggunakan van itu sebagai pengangkutan awam. Dan begitu juga macam yang saya sebutkan tadi, saya berpendapat kerajaan perlu, jangan tarik balik subsidi, kerajaan kena tambah lagi bukan hendak tarik, kena tambah dua kali ganda. Kalau dia tak mahu sebut subsidi, dia bolehlah namakan bonus atau saham, dia beri supaya atas nama kalau jadi ahli persatuan pertubuhan peladang bubuh di buku itu masuk dalam

buku tadi, dia tak boleh keluar, dia hanya boleh dapat dividen sahaja. Tak mahu nama subsidi pun tak apa. Tetapi bantuan kena beri, sebab petani-petani, nelayan dan sebagainya orang-orang ini mencari makan secara tradisional, mereka bukan masuk pasar saham lagu Bursa Saham Kuala Lumpur, mereka bukan buat pelaburan yang boleh berhubung dengan antarabangsa, lepas itu buat untung dengan telefon semata - dak, mereka ini buat satu perusahaan yang tradisional, yang perlu kepada negara dan tanpa mereka ini saya percaya akan menimbulkan banyak masalah kepada rakyat.

Tuan Yang di-Pertua, bersangkutan dengan perkhidmatan kesihatan. Saya nampak perkhidmatan kesihatan setakat ini kita boleh berbangga dan kita boleh bersyukur, tetapi apa yang saya masih bimbang, apabila kerajaan hendak menswastakan hospital ini. Sekarang pun kita dapat, kita jangan mengatakan orang-orang luar bandar sekarang pun bukan banyak pergi ke hospital, depa pergi kepada klinik swasta, kita kena tanya mengapa orang-orang luar bandar, orang-orang kampung pergi mendapat rawatan kepada klinik swasta, sebab mereka tahu kepentingan keutamaan kesihatan. Kesihatan itu mustahak dan mereka tahu kalau mereka pergi ke hospital, mereka tak dapat rawatan doktor, hanya ditanya begitu sahaja, selepas itu diberi panadol. Jadi, tak guna. Oleh sebab itu, maknanya perkhidmatan selain daripada hendak kena pi tunggu daripada pagi sampai petang baru boleh dapat ubat, buang masa begitu sahaja, orang-orang kampung ini sedar klinik swasta lebih baik.

Tuan Yang di-Pertua, oleh sebab itu, saya berpendapat Kementerian Kesihatan perlu mengkaji semula perkhidmatan kesihatan di hospital-hospital dan juga klinik-klinik di luar bandar ini, sama ada mereka ini telah memberi perkhidmatan yang cukup baik, tambah-tambah lagi besok bila swasta dengan sekarang pula kerajaan benarkan doktor-doktor boleh bekerja part-time, lepas habis di hospital, lepas itu mai di klinik. Begitu juga jururawat.

Mereka akan mencari jalan pi duduk di hospital, habis waktu itu, pi. Di swasta daripada depa dapat duit banyak. Hak sana gaji tetap dah. Jadi, akhirnya doktor itu untung, kerajaan rugi duit, rakyat tak dapat mendapat apa pun. Yang mendapat manfaat orang yang ada duit, yang ini sahaja.

Oleh itu, kerajaan dalam melaksanakan sistem hendak menswastakan kesihatan ini hendaklah mencari jalan supaya, kita hendak kawal 100% memang tak boleh, tetapi sekurang-kurangnya manfaat itu dapat kepada rakyat biasa yang tak pandai hendak berhujah macam lawyer kita ini, hendak pergi ke mahkamah pun tak tahu, hendak pi refer kat orang pun tak tahu, pi mengadu kat orang, akhirnya balik di rumah dok merungut sendiri, duit habis keluar, perkhidmatan yang dapat tak tara mana.

Dan kalau pi kat klinik swasta pun sekarang ini, setengah-setengah doktor itu baguslah, dia tak kira sangat, tetapi kalau doktor itu tahu orang ini orang susah dia tak boleh mampu hendak bayar, dia pun pilih juga, tengok orang pakai tie hebat sedikit, ha, silap-silap dia beri masuk dahulu, lepas itu

periksa pun lama, beri ubat yang ini, kena hak kawan yang kurang mampu sedikit, walaupun bawa duit hendak beri juga, tetapi dia cari jalan. Ini manusia, human being, dengan izin, kita tak boleh elak.

Tuan Yang di-Pertua, oleh sebab itu, perkhidmatan kesihatan yang boleh memberi manfaat kepada rakyat semua harus dicari jalan, kerajaan harus mencari jalan supaya rakyat mendapat manfaat daripada peruntukan yang cukup banyak dalam bidang perkhidmatan kesihatan ini.

Satu lagi yang saya ingin menyentuh ialah bersangkutan dengan perumahan.

Tuan Yang di-Pertua, dalam masalah perumahan ini, seperti yang saya pernah cadangkan semasa soalan tambahan saya, kerajaan sudah sampai masanya hendak kena cari satu jalan di mana kerajaan boleh membenarkan pemilik-pemilik tanah persendirian ini sama ada secara kumpulan ataupun secara individu, mereka ini boleh menggunakan tabungan kerajaan dalam bidang perumahan ini untuk membina rumah mereka sendiri. Kalau hendak benar swasta suruh kerajaan buat rumah, hendak ambil tanah, dia tak akan menyelesaikan masalah.

Masalah yang dok berlaku dah, orang yang telah mampu, yang ada rumah dapat rumah, tambah kalau swasta buat, swasta kata dia tak boleh benar dalam tempoh masa yang lama sebelum pemilik-pemilik beli, kalau tidak dia



akan rugi, mahu tak mahu kerajaan kata, okay, hendak jual kepada siapa pun boleh.

Tetapi kalau kerajaan bnearkan orang-orang yang ada tanah sekurang-kurangnya rakyat kita, dia ada tanah khaba' hendak buat tapak rumah dan ada setengah-setengah orang dia tak suka duduk dalam bentuk kondominium, rumah-rumah flat bertingkat-tingkat, dia masih ada tanah.

Oleh sebab itu, kerajaan perlu mencari jalan, kalau perlu orang kata, buat aktakah, untuk membolehkan pemilik-pemilik tanah ini membina rumah, gubal satu akta bawa mai Parlimen kita lulus, apa salahnya? Cagar balik tanah itu kepada kerajaan, lepas itu dia akan bayar balik kepada kerajaan, dia akan carilah, tukang mana buat. Kita boleh buat, kalau kita hendak buat pelan, beri siap-siap pun tak apa dengan harga modal itu dan rancangan ini boleh dijalankan. Kalau buat macam ini sekurang-kurangnya dia akan mengurangkan orang-orang yang tak ada rumah daripada boleh kurang kos, tanah mereka sudah ada, cuma depa minta peruntukan untuk hendak buat rumah sahaja. Selepas itu kemudahan asas yang lain kerajaan boleh buat. Tetapi setakat ini, kita rasa kerajaan masih tak mahu, tak tahulah sama ada dari segi hendak beri susunan ini struktur itu teratur susunnya, kerajaan masih boleh buat.

Kita tahu, kenal pasti tanah-tanah dan kita boleh beri depa buat pilihan, sekiranya ada tanah seseorang itu ada memiliki tanah yang luas, orang lain mempunyai tanah yang bertaburan, dia jualkan tanah itu, dia bayar untuk ambil

tanah ini, dia beri kepada orang lain - boleh buat, tetapi asalkan kerajaan mahu buat dan kerajaan ada badan yang hendak menguruskannya.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin mencadangkan bersangkutan dengan perumahan ini, supaya kerajaan tidak mengabaikan kemudahan-kemudahan asas, kemudahan-kemudahan yang perlu ada di taman-taman perumahan. Misalnya kita dengar sebut, bila ada rumah, kadang-kadang kemudahan-kemudahan tempat riadah tak ada, kemudahan untuk orang ramai berkumpul tak ada, terutama sekali rumah-rumah hak perumahan yang dibuat oleh kerajaan dan juga swasta, kecualilah kalau hak projek yang makan duit banyak yang untuk orang-orang kaya ini, yang buat apartment dan sebagainya, ada dengan kolam renang dan sebagainya untuk hendak menarik orang membelinya.

Kita tahu orang yang hendak beli di situ orang yang sudah ada rumah. Mereka sudah ada rumah, beli di situ untuk tambah seorang lagi isteri ke, mungkin kerana itu sahaja. Jadi, orang-orang yang betul perlu rumah ini, beli rumah dengan tempat hendak berjumpa tidak ada, tempat riadah hendak main tidak ada, tempat hendak simpan kereta, kalau ada kereta lagi susah. Kita tidak boleh halang orang-orang yang berpendapatan rendah ini hendak beli kenderaan. Kadang-kadang kalau kita tengok orang itu beli kenderaan, kita tidak tahu dia guna kenderaannya untuk pergi pasar malam berniaga. Dia pun hendak tambah pendapatan dia. Kita tidak boleh anggap orang itu bila telah layak ambil rumah murah, maknanya dia tidak boleh beli kereta, silaplah itu. Kita hendak meningkatkan orang-orang susah ini supaya dia boleh naik taraf, dia juga senang. Itu orang yang senang ada tiga, empat buah rumah beli rumah lagi, ha! Dasar ekonomi terbuka yang macam ini dalam kemudahan perumahan ini kita perlu memberi pertimbangan yang sewajarnya.

Tuan Yang di-Pertua, bersangkutan dengan strategi sosial ini sangat-sangat penting terutama sekali saya hendak sebut bersangkutan dengan masalah dadah. Saya terlibat sebagai ahli seumur hidup PEMADAM dan terlibat dalam PEMADAM ini sudah banyak tahun. Sampai sekarang masih menjadi

bendahari dan terlibat sebagai jawatankuasa lawatan di pusat serenti Bukit Chabang. Saya nampak sekarang ini masalah dadah ini sudah menjadi semakin teruk dan serius dan kerajaan tidak harus memandang ringan, kerajaan perlu mencari jalan supaya orang yang terlibat di dalam dadah ini sama ada sebagai pengedar ataupun sebagai penagih mesti dihukum. Sekarang ini sudah ada kecenderungan, penagih-penagih dadah ini nampak kalau mereka terlibat dengan dadah selepas itu serah diri, lepas itu diberi tempat di pusat-pusat serenti. Kemudian bila tidak puas hati di pusat serenti pula tunjuk perasaan, bakar bangunan buat benda merugikan kerajaan. Saya nampak orang ini orang yang tidak perlu diberi bimbingan, latihan dan sebagainya. Sampai di peringkat itu kita kena ambil tindakan sebab sekarang telah terbukti, hukuman berat tidak berkesan kepada orang-orang yang jenis macam ini.

Oleh sebab itu, kerajaan saya rasa perlu kaji semula hendak sediakan peruntukan yang begitu banyak, hendak buat pusat serenti dan sebagainya hendak bubuh penagih-penagih dadah ini. Sejauh manakah kita boleh mengatasi masalah mereka? Oleh sebab itu, kita kena cari jalan, yang pertama sekali orang yang terlibat dengan kesalahan mengedar ataupun sebagai penagih dadah ini mesti dihukum, dia mesti dihukum dulu, hukum berat, beri masuk penjara lama lepas itu agak kalau ada perubahan baru kita masukkan mereka di pusat serenti. Ini timbul masalah pusat serenti tidak cukup tempat. Cuba tengok tiap-tiap hari kalau polis ronda dalam lorong-lorong mana, berapa ramai yang ditangkap, yang ditangkap itu pula, minta maaf, yang tangkap itu pula, orang-orang siapa? Sedih sekali! Hari-hari! Saya percaya penuh kalau polis pergi ronda di seluruh negara, Dr. Mahathir akan sama-sama tengok, hari-hari mereka boleh tangkap. Kalau kita nampak macam ini, saya sudah nampak kerajaan tidak boleh elak, dalam masalah ini bukan lagi masalah hendak latih, hendak bimbing mereka, hendak bela mereka sebab mereka tahu orang yang penagih dadah ini, mereka sudah tahu kalau masuk pusat serenti orang boleh beri makan, tempat tidur, buat kerja pun bukan terok, hendak denda pun sedikit-sedikit sahaja, tidak apalah. Jadi, seolah-olah kita hendak menggalakkan mereka. Lepas itu boleh pula pergi kerja dengan syarikat swasta, dapat duit sedikit-sedikit, himpun-himpun masuk akaun besok bila lepas dapat duit, lepas itu terlibat dengan dadah semula masuk balik ke pusat serenti.

Oleh sebab itu, saya mencadangkan supaya kerajaan mesti menghukumkan orang-orang terlibat dengan pengedaran dadah dan penagih-penagih dadah ini, kalau boleh beri perah sedikit. Sebab itu saya sebut dahulu buat macam Singapura. Kadang-kadang ada benda yang kita boleh ikut orang.

Dulu pun Singapura ikut kita juga, kita hukum gantung sebab terlibat dengan dadah, mula-mula dia tidak ikut, lepas itu dia ikut. Sekarang ini mereka pula kenakan hukuman berat kepada penagih, kita kena ikut, kena hukuman berat juga mengikut undang-undang.

Tuan Yang di-Pertua, dadah ini adalah satu penyakit yang cukup serius, cukup merbahaya, saya tidak nampak lagi kalau keluarga itu ada orang yang kena dadah katakan boleh hidup selesa, boleh cari makan, boleh mengembangkan dari segi ekonomi dan lain-lain, tidak ada. Dia fikir berserabut bersangkut dengan keluarganya yang terlibat dengan dadah. Contohnya macam Boon Siew sendiri sampai mati, dia beri makan anak dia, dengan dia dia sekali pergi. Jadi, makna kata orang bila banyak terlibat dengan dadah ini, ia akan melibatkan keseluruhan ekonomi negara itu bukan kata keluarga itu sahaja. Jadi, itu bersangkut dengan masalah dadah.

Kemudian bersangkut dengan masalah pelajar-pelajar yang drop-out. Saya sangat-sangat memberi perhatian yang berat. Sebagai bekas pendidik yang telah mengajar selama 26 tahun dan saya menjadi guru besar selama lebih kurang 8 tahun. Jadi, sebab itu saya nampak sekarang ini Kementerian Belia dan Sukan mengadakan Program Rakan Muda dan sebagainya, saya nampak, minta maaf, saya nampak tidak lebih daripada himpun budak-budak ini pergi buat program berkhemah, seronok-seronok begitu sahaja. Akhirnya tidak ke mana! Saya tidak nampak, kita menghadapi masalah sumber tenaga manusia, kita tahu belia-belia ini terdiri daripada umur 18 tahun sampai 20 tahun lebih. Budak-budak yang kadang-kadang ini sampai SRP, PMR, sudah berhenti sekolah, tidak mengaji dan jadilah Rakan Muda belia-belia ini.

Jadi, kalau mereka ini tidak dicari jalan, Kementerian Belia dan Sukan dan Kementerian Buruh dan Tenaga Manusia kena cari jalan, daftarkan orang-orang ini, ambil nama kena buat follow-up, bukan setakat panggil secara sukarela. Budak-budak belia ini yang drop-out ini kalau hendak tunggu dia datang secara sukarela untuk hendak dapat bimbingan, hendak pergi masuk berlatih dan sebagainya dia tidak mahu, dia seronok setakat boleh pendapatan RM10, RM20 pergi makan, pergi tengok bola, lepas itu masuk pertandingan sedikit-sedikit, puas hati dah. Adakah ini menjamin masa depan mereka?

Oleh sebab itu, Kementerian Belia dan Sukan dengan kerjasama Kementerian Tenaga dan Sumber Manusia hendaklah mencari jalan, daftar belia-belia yang drop-out yang ibu bapa tidak mampu hendak beri bimbingan ini, masukkan di tempat-tempat latihan yang ada seperti IKM dan Kementerian

Tenaga dan Sumber Manusia tadi beritahu hendak wujudkan banyak. Saya bimbang besok apabila kita lulus undang-undang buat latihan semula dan sebagainya, orang-orang ini hanya akan pilih, jangan-jangan dia ambil tenaga pekerja-pekerja di luar yang diimport masuk dia beri kepada orang itu, yang orang tempatan ini biarkan sahaja. Belia-belia inilah yang esok akan terlibat dengan dadah, kalau kita tidak bendung daripada sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, oleh sebab itu, masalah belia ini hendaklah dipandang serius dan dicari jalan supaya kita adakan suatu badan yang boleh mendaftarkan mereka dan menetapkan latihan dalam bidang-bidang mengikut keperluan jangkaan 2020. Lepas itu kita boleh ambil tenaga ini dan salurkan pergi ke bidang-bidang industri kilang-kilang yang perlu perkhidmatan. Setakat ini kita tidak ada satu program yang konkrit, memberi latihan yang khusus, yang ada pun kita buat larian, kita buat pertandingan, kita buat kayak, rekreasi kita buat panjat bukit, gunung. Takkan yang itu kilang-kilang perlu, kayak dan panjat bukit semua itu, memanglah motivasi kita hendak beri semangat, dorongan itu ada tetapi latihan khusus yang boleh menyediakan orang-orang ini menjadi tenaga sumber manusia yang boleh tolong membangun negara.

Tuan Yang di-Pertua, oleh sebab itu Kementerian Belia dan Sukan dan Kementerian Tenaga dan Pembangunan Manusia patut mengkaji semula program mereka dan mengadakan satu program yang lebih pragmatik, lebih sesuai dengan kehendak keperluan tenaga manusia untuk menjelang Wawasan 2020.

Tuan Yang di-Pertua, bersangkutan dengan program keluarga bahagia. Saya memanglah bersetuju dengan apa yang dibuat oleh kerajaan setakat ini iaitu Yang Amat Berhormat Dato' Seri Dr. Mahathir, dia mengutamakan program keluarga bahagia masyarakat penyayang dan sebagainya. Kita lihat akhir-akhir ini masyarakat kita sudah tidak mempunyai nilai-nilai etika yang baik. Yang kita tahu semua agama, baik agama Islam, agama Hindu, agama Budha atau agama Kristian, semua etika-etika yang baik ini direstui oleh agama. Tetapi sekarang kita tengok, kalau naik motosikal, lampu merah pun dia lalu ikut tepi, dia pergi juga. Lepas itu dia naik motosikal pula, kadang-kadang tidak pakai topi keledar pun dia naik juga. Dia park tempat park kereta dia bubuh motor, dia tidak kira hak orang. Jadi, oleh sebab itu, ini semua berpunca daripada mana? Mungkin sedikit sebanyaknya sistem pendidikan sebab kita terlalu berorientasikan kepada pencapaian. Bila lulus ada sijil memberikan dia satu

kelulusan, kelayakan untuk hendak meningkat. Kita tidak mementingkan pembangunan manusia. Kita tidak pentingkan itu, kita kira....

**Tuan Ding Seling:** Yang Berhormat, Dato' Ibrahim minta laluan.

**Tuan Haji Abu Bakar bin Haji Ismail:** Ya.

**Tuan Ding Seling:** Bukan?

**Dato' Haji Ibrahim bin Ali:** Tidak ada Tuan Yang di-Pertua, saya hendak keluar. *[Ketawa]*

**Tuan Haji Abu Bakar bin Haji Ismail:** Tuan Yang di-Pertua, Dato' Ibrahim sengaja mahu keluar. *[Ketawa]* Pembangunan Manusia, Tuan Yang di-Pertua.

Seperti yang disebut oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri, kita hendaklah seimbangkan pembangunan material dengan pembangunan manusia. Kalau kita adakan banyak kilang dan kita adakan banyak kemudahan, saya bimbang sekarang ini dengan kemelut mementingkan sains dan teknologi dan kita wujudkan dasar itu dan dasar ini, lalu kita lupa soal pembangunan manusia. Kita sudah di dalam dilema sekarang ini bila kita ghairah macam mana cara hendak mengatasi apabila kita dengar itu dan ini berlaku.

Tentang pembangunan manusia, kita tak sempat. Kalau kita hendak cari pendapatan, kita cari jalan macam mana hendak cari duit lebih, macam mana hendak beri peluang anak kita masuk universiti, macam mana hendak cari peluang anak kita mendapat kerja baik. Itu yang kita fikirkan. Tetapi dari segi keluarga kita sendiri, di dalam rumah kita sendiri, sudah wujud ketidakseimbangan perhubungan di antara kita dengan anak isteri kita sudah sampai ke tahap yang kita sendiri tidak boleh kawal. Ini bermakna, kita

bimbang sampai satu masa nanti, kita ada segala kemudahan, tetapi kemudahan itu sendiri yang akan merosakkan dan merobohkan kita. Saya bimbang, Tuan Yang di-Pertua.

Oleh sebab itu pembangunan keluarga ini kita kena beri perhatian serius dan kerajaan patut menambahkan peruntukan dengan mengadakan program-program penghayatan ke arah hendak membangunkan manusia dan hendak beri kefahaman tentang kepentingan civic-minded misalannya macam setengahnya di UK, di Amerika dan sebagainya, kita tahulah, di Amerika pun ada keadaan macam ini, tetapi orang tahu yang mana yang kita kena ikut seperti Jepun.

Saya cukup akur. Sebab itulah apabila Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, Dato' Seri Dr. Mahathir menjelaskan Dasar Pandang Ke Timur dan tempat yang dia suruh pandang ialah di Jepun. Di Jepun, kalau kita tengok, rakyatnya cukup berdisiplin dan cukup taat. Mereka cukup dedikasi dan mereka tahu yang mana yang boleh walaupun kadang-kadang kita tengok mereka buat tunjuk perasaan, tetapi tunjuk perasaan yang tidak merosakkan keseluruhan pentadbiran negara mereka. Mereka tidak boleh ubah sampai bergaduh. Lainlah macam negara Islam yang berlaku di Pakistan. Saya tak tahu, kita hendak buat macam mana. Sebab itulah kerana kita abaikan tentang pembangunan manusia, disiplin, hormat-menghormati. Tetapi Jepun, Korea, rakyat dan bangsanya adalah bangsa yang menjaga hubungan keluarga dan mereka cukup hormat.

Kita sekarang, orang tua-tua, kalau boleh, kita hendak hantar pergi ke rumah orang-orang tua supaya kita tak payah jaga. Hubungan kita, kalau susah sedikit, kita sudah tidak mahu. Kalau orang itu lekeh sedikit, kita pandang dia hina, kita tidak langsung hormat. Jadi, oleh sebab itu, masalah pembangunan manusia dan hubungan keluarga ini perlu diberi perhatian.

Satu lagi, bersangkutan dengan pandangan badan-badan NGO dunia terhadap negara kita. Kita patut menyokong penuh pendirian Yang Amat Berhormat Dato' Seri Dr. Mahathir Mohamad bersangkutan dengan teguran Amerika dan badan-badan lain seolah-olah kita ini membelakangkan hak asasi manusia.

Misalannya dakwaan mereka mengatakan kita membeza-bezakan rakyat kita dan kita beri keutamaan kepada orang Melayu dan pada rakyat lain kita bezakan. Saya tidak tahu bagaimana, kalau-kalau mereka ini ada hubungan dengan parti-parti pembangkang dalam negara. Kita perlu ingat orang-orang yang kadang-kadang mengakui sebagai rakyat dan mereka ini juga yang beri benda-benda ini kepada pihak luar untuk mendakwa mengatakan kerajaan kita zalim. Bolehkah orang ini kita terima sebagai taraf rakyat?

Bagaimana mereka menikmati kemudahan yang ada hasil pembangunan kita dan hasil perpaduan yang telah kita wujudkan, selepas itu mereka beri benda-benda macam ini pada orang-orang luar dan pihak luar mendakwa



mengatakan kerajaan kita zalim, kerajaan kita tidak adil dan kerajaan kita tidak mementingkan hak-hak asasi manusia.

Misalannya dalam projek Bakun, mereka mencari jalan mendakwa mengatakan kita ini hendak menghapuskan hak orang-orang Penan di Sarawak sedangkan pembangunan ini hak kita. Sebab itu, kalau kerajaan dapati.....

**Tuan Itam Wali bin Nawam:** *[Bangun]*

**Tuan Ding Seling:** Ya, Yang Berhormat, Tuan Itam Wali minta laluan.

**Tuan Itam Wali bin Nawam:** Tuan Yang, saya minta penjelasan fasal Yang Berhormat kawan saya dia bercakap, nanti dia terlari point, kita press dia balik. Penjelasan sedikit.

Mengenai dengan hak asasi manusia, sistem pembangunan, pengagihan development, saya berpendapat ada sekurang-kurangnya dua atau tiga aliran pemikiran yang terdapat di kalangan semua masyarakat di dunia. Pertamanya aliran pemikir yang kita panggil romantis - mereka yang suka melihat manusia kekal dalam keadaan yang begitu rupa daripada awal hingga akhir.

Keduanya, yang development orientated yang mengejar cita-cita wawasan hadapan dan yang ketiganya boleh jadi, saya hendak tanya penjelasan daripada Yang Berhormat di atas satu perkara iaitu percaya atau tidak kepada satu kata-kata, 'tidak ada angin, pokok tidak bergoncang'. Jadi, kalau kita bercerita tentang kaedah tuduhan orang luar ini tadi, kalau tidak ada angin, mungkinkah bergoncang pokok ataupun daunnya?

**Tuan Haji Abu Bakar bin Haji Ismail:** Tuan Yang di-Pertua, saya ucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat tentang penjelasan tadi. Tetapi kita harus akur kepada realiti atau kepada hakikat. Kita tidak boleh rhetoric dalam menghujahkan perkara-perkara yang begitu universal.

Sebab itu saya katakan tadi, saya bersetuju dengan prinsip Yang Amat Berhormat Dato' Seri Dr. Mahathir Mohamad. Kalau apa yang Dato' Seri Dr. Mahathir Mohamad buat tidak percaya, kita tidak akan mencapai tahap seperti yang kita capai sekarang ini. Kita kena lihat.

Oleh sebab itu saya bacakan liputan sejarah daripada awal. Kalau kita tidak tahu sejarah, kita bincang di tahap ini, maka kita sudah hilang pedoman. Oleh sebab itu, dalam membincangkan soal pandangan orang bijak pandai di kalangan antarabangsa, mereka di dalam suasana masyarakat yang berbeza dengan kita. Kita berada di dalam masyarakat yang berbeza dengan mereka, baik dari segi budaya, pembangunan dan sebagainya.

Oleh sebab itu, apa yang saya tekankan tadi, kadang-kadang kita terbawa-bawa bila orang luar sebutkan begitu, dengan kita tidak kaitkan dengan sejarah, kita katakan pandangan orang luar itu betul. Sebab itu saya sebutkan tadi, bila kita hendak capai kemerdekaan dahulu, semua orang sudah bersetuju prinsip yang terkandung dalam Perlembagaan. Selepas itu apabila kemudian pula ada orang timbulkan, sanggupkah kita pecahkan prinsip Perlembagaan yang telah kita persetujui itu? Ini yang penting soal pokoknya.

Tetapi, orang tidak pernah menerima hakikat bahawa sekarang ini kita sudah capai satu tahap pembangunan kalau kita banding dengan negara-negara lain yang dikatakan maju pun, kita boleh katakan kita ini lebih maju daripada mereka. Yang mereka dakwa mengatakan ada masyarakat yang tertindas di sini, tetapi masyarakat yang tertindas ini lebih baik daripada masyarakat yang tidak tertindas di negara lain. Misalannya, ada golongan yang dahulu kita benarkan dia balik ke negara asal mereka, sampai sekian masa, mereka ditipu dan diperdaya, dipaksa balik ke tempat sendiri.

Jadi, oleh sebab itu, apa yang saya sebut tadi, kita janganlah terikut-ikut dengan pandangan negara luar, baik di Amerika, mahupun di mana-mana negara sekalipun, kita mesti akur dengan style atau cara kita, asalkan kita tahu apa yang kita buat ini untuk kebaikan semua rakyat.

Tuan Yang di-Pertua, saya hendak sebut satu lagi bersangkutan dengan peluang-peluang kepada rakyat dalam mencapai matlamat Wawasan 2020 sebab di dalam perkara yang akhir yang disebut semasa membentangkan RMK-7, yang Amat Berhormat Dato' Seri Dr. Mahathir menyebut di sini:-

*“Bahawa dalam meluluskan Rancangan Malaysia Ketujuh, Dewan menyeru semua rakyat Malaysia supaya mempergiatkan usaha dan komitmen mereka ke arah matlamat mewujudkan masyarakat yang bersatu padu, adil, progresif, berdaya saing dan berdaya tahan selaras dengan*

*aspirasi negara untuk mencapai taraf negara maju menjelang tahun 2020.”*

Jadi, kalau Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sendiri menyeru semua rakyat Malaysia, dia tidak seru orang Melayu, dia tidak seru orang Cina, dia tidak seru kaum-kaum lain, semua rakyat Malaysia. Ini yang saya hendak sebutkan. Setakat ini, saya boleh melahirkan secara ikhlas, kita berbangga dengan perubahan yang berlaku di kalangan masyarakat kita iaitu ramai Ahli-ahli Yang Berhormat di dalam Dewan ini ada kesungguhan hendak bercakap ataupun mengambil bahagian dalam Dewan ini dengan menggunakan Bahasa Kebangsaan, sudah ada kesungguhan. Tetapi cuba Tuan Yang di-Pertua bayangkan, dalam 38 tahun kita merdeka, kalau masih ada orang yang mengakui sebagai rakyat Malaysia dan mereka menuntut hak sebagai rakyat dan di dalam masa yang sama, mereka masih tidak boleh bertutur dalam Bahasa Kebangsaan.

Saya bukan mengatakan kaum-kaum tertentu, kalau ini masih ada, apakah pandangan kita? Realiti macam Yang Berhormat kata tadi, pandangan? Ini perkara-perkara yang harus kita lihat. Kita akur dengan masyarakat yang sudah sedar ke arah itu. Tetapi, tidakkah kita sedar bahawa masih ada masyarakat yang sehingga sekarang masih belum boleh menguasai bahasa yang dikatakan Bahasa Kebangsaan sebagai bahasa rasmi negara?

Saya tidak mahu kata itu kerana saya orang Melayu, bahasa itu bahasa Melayu. Bahasa itu bukan lagi bahasa saya, Bahasa Malaysia, untuk rakyat Malaysia. Oleh sebab itu, apabila kita sebut tahap penyertaan rakyat tadi, tahap ke arah itu pun harus difikirkan bersama.

Satu lagi Tuan Yang di-Pertua, bersangkutan dengan peluang ekonomi. Saya ingin menyentuh di sini iaitu peluang ini kita harus lihat dari segi kalau bagi orang luar bandar yang tidak mempunyai kelulusan, tidak mempunyai hubungan, tidak mempunyai kaitan, peluangnya berbeza dengan peluang orang yang ada di dalam bandar. Orang yang di dalam bandar yang ada kelulusan, pendidikan tinggi, ada kemudahan tahu jumpa dengan bank, boleh buat kertas kerja dan boleh ada partner, peluangnya berbeza. Peluang orang di luar bandar berbeza.

Oleh sebab itu, bila kita bincangkan soal peluang, soal seimbang dari segi agihan peluang-peluang ekonomi, kerajaan perlu mencari satu jalan seperti yang kerajaan telah buat iaitu dengan mengadakan Amanah Saham Bumiputera, Amanah Saham Nasional yang kita bahagikan kemudahan kepada orang-orang yang tidak mampu untuk mendapatkan nikmat ekonomi melalui penswastan yang kerajaan jalankan sekarang.

Sekarang ini kita tidak boleh nafikan golongan-golongan yang mendapat manfaat lebih adalah terdiri daripada golongan-golongan yang tertentu. Kadang-kadang kita tengok seseorang itu menjadi lembaga pengarah atau

pengerusi di dalam berpuluh-puluh syarikat, dia seorang sahaja. Ini kerajaan harus lihat sebab kita bimbang. Waktu syarikat itu untung tidak apalah. Kita kena ingat, semua syarikat yang diswastakan adalah menggunakan pendahuluan duit kerajaan. Kerajaan melabur dan kepentingan rakyat seluruh negara ada. Apabila kita beri ramai sangat, waktu untung banyak, dia mewah. Yang mendapat kemewahan itu tidak ramai, tetapi kalau dia rugi, dia ranap, dia terlepas, habuan dia dapat tetapi negara akan tanggung. Rakyat biasa pun tumpang dapat sama keburukannya itu.

Oleh sebab itu, dalam soal ini kerajaan perlu beri perhatian supaya agihan, supaya setiap seseorang yang walaupun ada kebolehan, ada kemampuan dari segi itu, kita hadkan berapa syarikat sahaja yang dia boleh duduk di situ, yang lain-lain itu agihkan, beri kepada orang lain sama.

Dan begitu juga dari segi pembahagian projek-projek yang besar di dalam syarikat-syarikat yang diswastakan. Kalau boleh biarlah dibahagi kepada badan-badan amanah yang boleh memberi manfaat kepada orang-orang luar bandar. Tidak dibuka seluas-luasnya, selepas itu orang-orang yang ada duit boleh buat arrangement dengan bank, boleh menguasai atau ambil alih syarikat itu. Selepas itu dialah senang, yang tidak berapa ramai orang dan dari segi pengambilan pekerja atau pegawai pun sama juga. Jadi apabila dia menguasai syarikat itu, walaupun diiklan di dalam akbar untuk ambil kakitangan tetapi orang yang minta itu banyak yang cukup syarat tetapi sudah

tahu siapa yang dia hendak ambil. Tentulah keluarga-keluarga dan orang-orang yang berhampiran dengannya. Ini faktor-faktor sosial yang tidak harus dipandang ringan, sebab benda ini akhir-akhirnya akan menimbulkan rasa tidak puashati di kalangan masyarakat yang akhirnya boleh merobohkan negara kita.

Oleh sebab itu, Tuan Yang di-Pertua, sebelum saya mengakhiri, saya memohon berbanyak-banyak maaf di dalam Dewan yang mulia ini dan saya berharap apa yang saya sebutkan tadi adalah sebagai menunaikan tanggungjawab saya sebagai Ahli Dewan Negara dan saya percaya penuh...

[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan mesyuarat*]

**Tuan Yang di-Pertua:** Teruskan.

**Tuan Haji Abu Bakar bin Ismail:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya percaya penuh kalau sekiranya kita niat baik di dalam sesuatu hal, dari segi Islamnya insya-Allah, Tuhan akan melindungi dan akan menyertai usaha kita dan dengan harapan supaya Rancangan Malaysia Ketujuh yang telah pun bermula yang akan dilaksanakan ini dan saya harap kerajaan akan memberi perhatian, saya terlupa hendak sebut tadi dalam bidang perkhidmatan awam.

Jadi, pegawai-pegawai kerajaan, sebelum Tuan Yang di-Pertua masuk saya hendak sebutkan itu, saya terlupa tadi. Kita akui bahawa perkhidmatan awam kita sekarang ini sudah mencapai satu tahap yang cukup baik tetapi dalam masa yang sama, bila kita swastakan banyak agensi atau badan, kita kurang bekerja tetapi sejauh mana tahap pencapaian perkhidmatan pegawai-

pegawai awam ini kepada rakyat? Sedangkan sekarang kita lihat kadang-kadang bila orang pergi ke pejabat tanah, orang pergi ke Kementerian Perdagangan atau orang pergi hendak buat kad pengenalan dan sebagainya, rakyat masih merungut bahawa mereka mengalami masalah, susah hendak berurusan dengan pejabat-pejabat ini. Kadang-kadang bila pergi ke pejabat tanah, dia jawab pegawai ini tidak ada. Suruh datang pula esok atau lusa. Padahal takkanlah dia tidak ada sistem yang orang lain boleh ganti apabila pegawai itu tidak ada untuk mengurus kerja-kerja ini.

Saya bimbang sekarang ini, bila kita jalankan dasar SSB, peningkatan kualiti dan sebagainya, orang tenggelam punca dengan konsep itu, akhirnya masalah sebenar orang terlupa. Rakyat cari jalan macam mana hendak selesai dan sebab itulah saya nampak sekarang ini masih banyak ruang-ruang yang perlu dibaiki. Pegawai-pegawai kerajaan buat kerja kadang-kadang mereka tidak memikirkan bahawa khidmat yang mereka beri itu, mereka dibayar gaji.

Oleh sebab itu, kerajaan perlu dalam melaksanakan Rancangan Malaysia Ketujuh perlu memperkemaskan dan mengkaji semula perkhidmatan sektor awam ini supaya benar-benar berkesan kepada rakyat dan dapat melaksanakan program dalam Rancangan Malaysia Ketujuh. Dan dengan kata-kata itu, seperti yang saya sebut tadi, sekali lagi saya memohon maaf, saya menyokong penuh Rancangan Malaysia Ketujuh seperti yang dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri.

Sekian, terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Tuan Abdul Rashid bin Ismail.



**6.06 ptg.**

**Tuan Abdul Rashid bin Ismail:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, saya juga ingin mengambil bahagian dalam perbahasan iaitu Rancangan Malaysia Ketujuh yang telah dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri pada 28hb. Mei yang lalu.

Tuan Yang di-Pertua, di dalam Rancangan Malaysia Ketujuh, dalam Kementerian Pendidikan kita mengharapkan Kementerian Pendidikan akan memberi perhatian yang serius terhadap keperluan pendidikan di kawasan luar bandar sebagaimana yang telah disarankan oleh beberapa Ahli Yang Berhormat. Ini sesuai dengan fungsi Kementerian Pendidikan yang antara lain ialah untuk memperbaiki kemudahan pendidikan luar bandar. Jika dapat kita membuat perbandingan tentang kemudahan pendidikan antara bandar dan di luar bandar, kita dapati kemudahan pendidikan di kawasan bandar jauh lebih baik dan sempurna jika dibandingkan dengan kemudahan pendidikan di luar bandar.

Dalam zaman kita sudah mencapai kemerdekaan selama 39 tahun tetapi masih terdapat jurang perbezaan antara kemudahan pendidikan bandar dan luar bandar, ini mencerminkan satu realiti bahawa pembangunan yang kita bina sekarang ini sungguh tidak seimbang antara bandar dan luar bandar dan saya berharap di dalam Rancangan Malaysia Ketujuh nanti, kementerian akan dapat

menseimbangkan antara pembangunan bandar dan luar bandar. Dan sepanjang Rancangan Malaysia Ketujuh nanti, kita tidak mahu lagi melihat dan mendengar tentang rintihan mengenai kemudahan-kemudahan yang tidak terdapat di kawasan luar bandar sedangkan di kawasan bandar kemudahan yang terdapat melebihi daripada yang mencukupi.

Dalam Rancangan Malaysia Ketujuh ini juga, saya ingin menggesa Kementerian Pendidikan mengawal institusi pendidikan swasta dengan lebih tegas dan berani di samping kementerian menggalakkan penyertaan sektor swasta. Sebagaimana yang kita tahu, kewujudan pendidikan swasta di negara kita ini bukannya suatu yang baru tetapi ia telah mula semenjak tahun 60-an. Tetapi pada ketika itu, kemunculan pendidikan swasta tidaklah sehebat sepertimana yang terdapat pada hari ini dan kebanyakan sekolah-sekolah yang ada ketika itu banyak memberi tumpuan terhadap para pelajar yang tercicir dalam mata pelajaran sahaja.

Namun persepsi tersebut telah berubah dalam era 90-an dan kita dapati kewujudan pusat-pusat pendidikan swasta memberi nafas baru kepada sistem pendidikan negara ini dan kita dapati juga antara program yang ditawarkan di institusi pendidikan swasta tempatan masa kini ialah program prauniversiti luar negeri, program pemindahan kredit, program berkembar, program ijazah luaran dan program pendidikan jarak jauh.

Saya ingin mempersoalkan sejauh manakah program-program yang ingin diadakan itu mampu membantu para pelajar di dalam bidang pelajaran?

Jika satu ketika dahulu perkhidmatan pendidikan pernah dianggap sebagai bidang yang tidak lagi boleh dieksploitasi untuk tujuan perniagaan, tetapi kebanyakan pendidikan swasta yang ditawarkan lebih berdasarkan bagi mengaut keuntungan semata-mata. Mengikut statistik Disember 1994, daripada Kementerian Pendidikan di bawah pendidikan swasta menunjukkan bahawa terdapat 227 institusi pendidikan tinggi swasta, 74 buah sekolah rendah dan menengah swasta sepenuh masa, dan 38 buah

sekolah bagi anak-anak wakil luar negara yang bekerja di Malaysia yang telah berdaftar. Walaupun bilangan institusi pendidikan yang didaftarkan tidak menunjukkan angka yang begitu besar, tetapi kewujudan institusi pendidikan swasta yang beroperasi secara luaran atau tidak berdaftar telah merunsingkan kita.

Jika dikaji sejarahnya, institusi pendidikan swasta diwujudkan bagi menampung pelajar yang tercicir serta gagal dalam peperiksaan. Malah kini semakin banyak institusi pendidikan tinggi swasta ditubuhkan atas alasan institusi pengajian tinggi tempatan tidak dapat menampung bilangan pelajar yang terus bertambah dan layak untuk mengikuti kursus yang mereka minati. Selain itu, tindakan institusi pendidikan swasta menggunakan yuran yang terlalu tinggi untuk bidang-bidang yang tertentu di pusat pendidikan swasta, menyaksikan eksploitasi pendidikan berlaku di mana hanya golongan elit sahaja yang mampu untuk melanjutkan pelajaran di institusi tersebut.

Contohnya, Tuan Yang di-Pertua, untuk melanjutkan pelajaran di Kolej Damansara umpamanya, seseorang itu perlu menyediakan perbelanjaan yuran sebanyak RM3,500 hingga RM6,300 bagi kursus Sains Komputer. Bagi institusi pendidikan swasta yang sudah sedia terkenal, mereka pastinya akan menjaga kredibiliti institusinya dengan menyediakan perbelanjaan peralatan yang canggih dan cukupi serta menampilkan tenaga pengajar yang benar-benar berkelayakan sahaja. Meskipun banyak kemudahan yang telah disediakan, tetapi kebanyakan daripada pentadbir-pentadbir institusi berkenaan lebih menifatkan pendidikan sebagai alat perniagaan bagi mengaut keuntungan daripadanya. Hakikatnya walaupun pelbagai kemudahan disediakan oleh institusi swasta, tetapi perjalanan sistem berkenaan amat membimbangkan kerana kita lebih mementingkan kualiti berbanding kuantiti para pelajar yang berjaya menamatkan pelajaran.

Atas rasa kebimbangan itulah terbuktinya Jabatan Pendidikan Swasta di bawah Kementerian Pendidikan Malaysia pada 2hb. Oktober yang lalu, saya ingin menyarankan kepada Kementerian Pendidikan supaya Jabatan Pendidikan Swasta di bawah Kementerian Pendidikan Malaysia mestilah benar-benar berfungsi sepertimana tujuan asal agar dapat ia mengawal institusi pendidikan swasta daripada melakukan sebarang penyelewengan.

Tuan Yang di-Pertua, dalam Rancangan Malaysia Ketujuh, menerusi Kementerian Kesihatan, kerajaan akan memastikan pula golongan berpendapatan rendah akan dapat menikmati perkhidmatan

rawatan kesihatan melalui bantuan kerajaan. Bagi memastikan tujuan ini dapat dicapai dengan baik dan berkesan, Kementerian Kesihatan hendaklah menyediakan peruntukan yang secukupnya untuk menyediakan mesin-mesin dialysis di semua hospital di seluruh negara.

Pada masa ini penyediaan mesin dialysis di semua hospital kerajaan amatlah terhad dan terlalu sedikit bilangannya. Ini bermakna, peruntukan perbelanjaan membeli mesin-mesin ini amat kecil jumlahnya berbanding dengan peruntukan lain dalam kementerian itu, sedangkan keperluannya amat mendesak. Pada masa ini, hospital kerajaan hanya membenarkan pesakit kakitangan kerajaan sahaja menggunakan rawatan mesin dialysis ini, sedangkan pesakit yang bukan daripada kakitangan kerajaan terpaksa menggunakan perkhidmatan hospital swasta yang bayarannya terlalu tinggi.

Kajian mendapati bahawa terlalu ramai pesakit buah pinggang yang miskin tidak berpeluang langsung menggunakan mesin di hospital kerajaan, dan mereka dinasihatkan oleh pihak hospital menggunakan mesin di hospital swasta. Pesakit miskin ini terpaksa meminta belas ihsan masyarakat untuk menderma bagi menampung pembiayaan pengguna mesin ini. Setakat ini kita lihat hanya Yayasan Kebajikan Negara memberi sebanyak RM5,000 untuk setiap pesakit bagi menampung perbelanjaan menggunakan mesin dialysis di hospital swasta.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin membangkitkan di sini jika setiap orang pesakit buah pinggang yang miskin dikenakan bayaran sebanyak RM80.00 hingga RM150.00 pada setiap kali menggunakan mesin di hospital swasta, bayangkanlah kalau dalam satu bulan pesakit ini menjalani penggunaan mesin sebanyak lima atau enam kali, dan kita boleh dapat rasakan sendiri apa akan terjadi jika pesakit yang berkeluarga bergaji RM600 terpaksa membayar antara lingkungan RM400 hingga RM600 lebih sebulan bagi mendapatkan rawatan mesin dialysis. Bagi pesakit miskin yang sedemikian, jika kerajaan membina beribu hospital sekalipun, bagi mereka tidak memberi apa-apa erti. Apa makna keadilan jika waktu pilihan raya kita meminta undi kepada semua rakyat, bukan hanya kepada kakitangan kerajaan sahaja? Tetapi bila rakyat memerlukan perkhidmatan kerajaan menerusi hospital, tiba-tiba golongan miskin ini dipinggirkan. Pelaksanaan ini sebenarnya, kita telah menafikan sumbangan golongan bukan kakitangan kerajaan terhadap pembangunan ekonomi negara.

Tuan Yang di-Pertua, dan Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, pertumbuhan ekonomi dan pembangunan pesat yang sedang kita bina sekarang ini akan cacat dan tercela jika masalah kesihatan rakyat miskin terabai dan tidak diberi pembelaan. Sebagaimana yang disebut di dalam Al-Quran, surah

Al-Ma'un, menyifatkan manusia yang tidak memberikan pembelaan kepada orang-orang miskin sebagai pendusta agama. Oleh yang demikian, sudah sampailah masanya Kementerian Kesihatan harus menyelesaikan masalah ini yang pada hemat saya ianya boleh diselesaikan. Dalam kehairahan kita untuk menswastakan dan memperbadankan agensi-agensi kerajaan serta meminta tanggungjawab besar dari pihak swasta dalam menangani masalah sosial, perlu diingat, kementerian juga tidak terlepas dari tanggungjawab besar dalam menyediakan kemudahan perkhidmatan kepada rakyat. Dalam konteks ini, kita juga jangan terlalu berharap kepada badan-badan bukan kerajaan (NGO) untuk mewujudkan pusat rawat amal dialysis dalam menangani masalah pesakit-pesakit buah pinggang golongan miskin. Tetapi sebaliknya, Kementerian Kesihatan haruslah melipatgandakan dan memperhebatkan usaha ke arah penyediaan perkhidmatan yang lebih kepada rakyat.

Walau bagaimanapun, Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan terima kasih dan syabas dan tahniah kepada kementerian kerana baru-baru ini kementerian telah mengambil 80 jururawat dialysis dan 100 penolong jururawat untuk berkhidmat di 23 hospital yang mempunyai pusat perkhidmatan haemodialysis. Ini adalah satu usaha terbaru kementerian ke arah penyediaan perkhidmatan terbaik kepada rakyat. Dalam hubungan ini, kementerian juga harus melipatgandakan usaha mendidik masyarakat agar tumbuh satu kesedaran baru betapa mulianya jika mereka dapat menderma organ kepada pesakit yang benar-benar memerlukan.

Tuan Yang di-Pertua, dari segi realitinya setakat ini kita dapati masyarakat Malaysia berbagai agama hari ini tidak rela untuk menderma organ tertentu kepada pesakit yang memerlukannya. Sebagaimana yang kita tahu semua agama di negara ini walaupun membenarkan penganutnya menderma organ tertentu kepada pesakit yang memerlukan organ baru untuk terus hidup, tetapi masyarakat negara ini tidak mempraktikkannya.

Baru-baru ini Majlis Fatwa Kebangsaan membenarkan umat Islam mendermakan organnya kepada orang lain yang memerlukannya tetapi pada keseluruhannya ia masih sukar diterima oleh masyarakat di negara ini. Mengikut rekod pada tahun 1994 tiada seorang pun yang menderma buah pinggang kepada pesakit buah pinggang berbanding dengan negara Singapura yang merekodkan sebanyak 13 penderma.

Tuan Yang di-Pertua, sesungguhnya sikap ini tidak selaras dengan konsep masyarakat penyayang yang dilaungkan oleh kerajaan dan kita amat berharap agar usaha menderma organ tertentu yang masih berfungsi seperti

mata, hati, jantung dan buah pinggang akan mendapat sokongan serta kerjasama khasnya dari waris-waris mangsa kemalangan jalan raya kerana bilangan mereka yang terlibat dalam kemalangan jalan raya ialah kira-kira 6,000 orang setahun dan ada di antara organ mereka yang boleh digunakan oleh orang lain. Bagi mencapai maksud sebenarnya, masyarakat penyayang dan selaras dengan fatwa yang dikeluarkan oleh Majlis Fatwa Kebangsaan yang membenarkan umat Islam menderma organ kepada orang lain, saya suka menyarankan supaya para alim ulama atau golongan agamawan dan ahli Majlis Fatwa Kebangsaan terlebih dahulu dan seluruh badan ulama lain mendahului orang lain tampil ke depan untuk menderma organ-organ mereka dan seterusnya diikuti oleh golongan-golongan politik yang lain.

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, di Singapura, warganegara yang berumur 20 tahun boleh mengisi borang yang disediakan oleh pihak kerajaan untuk menderma organ mereka. Ini adalah satu contoh yang baik dan kita di Malaysia boleh mengikuti contoh ini. Untuk pengetahuan Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian pada 27.12.93 yang lalu, di dapati sebanyak 65 orang banduan berbangsa Cina dari Penjara Kajang telah menulis surat kepada sebuah yayasan yang bernama Yayasan Bidang Ilmu, Pulau Pinang untuk mendermakan organ mereka kepada orang yang memerlukan, tetapi malangnya hasrat murni 65 orang banduan Cina yang sedang menunggu hukuman mati ini tidak dimanfaatkan langsung oleh kerajaan. Yayasan Bidang

Ilmu telah menulis surat kepada pihak Penjara Kajang dan Kementerian Dalam Negeri untuk mengadakan pertemuan bagi menguruskan niat baik banduan yang ingin berbakti pada saat-saat akhir hidup mereka, tetapi malangnya pihak Penjara Kajang dan Kementerian Dalam Negeri tidak langsung menunjukkan minat untuk memanfaatkan keadaan ini.

Setelah sekian banyak surat dan masa yang lama ditujukan kepada Kementerian Dalam Negeri maka Kementerian Dalam Negeri telah menjawab niat baik banduan-banduan itu di akhbar tempatan dan menyatakan urusan derma organ banduan ini perlu dilihat dari segi undang-undang dan ianya akan diuruskan oleh Kementerian Kesihatan. Akhirnya daripada tarikh tersebut sehingga ke masa ini, kes ini diam begitu sahaja dan saya ingin mencadangkan Kementerian Kesihatan supaya mengambil inisiatif dan berusaha mendapatkan maklum balas dari pihak banduan-banduan tersebut menerusi Kementerian Dalam Negeri.

Saya juga ingin menggesa supaya Kementerian Kesihatan mempercepatkan pindaan Akta Hospital Swasta bagi mengetatkan lagi proses pengeluaran lesen penubuhan hospital swasta di negara ini agar penubuhan hospital swasta ini dapat dikawal dengan baik dan berkesan. Pindaan akta ini perlu supaya pengusaha hospital dapat menyediakan kertas kerja cadangan terlebih dahulu sebelum memohon lesen berkenaan dan hal ini perlu kerana pada masa ini terdapat pengusaha hospital swasta yang memohon lesen kepada

kementerian setelah hospital dan segala kemudahan fizikal disediakan, malah terdapat yang tidak memenuhi garis panduan yang ditetapkan oleh kementerian.

Tuan Yang di-Pertua, saya minta agar Kementerian Kesihatan harus bertindak tegas dengan tidak meluluskan permohonan lesen berkenaan jika terdapat hospital swasta tertentu, tidak mematuhi garis panduan yang ditetapkan oleh kementerian dan Kementerian Kesihatan juga harus menggubalkan satu rang undang-undang bagi membolehkan kerajaan mengawal selia perjalanan hospital swasta di negara ini. Ini adalah kerana pada masa ini kementerian tidak mempunyai bidang kuasa yang cukup untuk menyelia perjalanan hospital swasta tersebut.

Tuan Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, dalam Rancangan Malaysia Ketujuh juga, kerajaan telah pun bercadang untuk mengkaji semula Dasar Pertanian Negara iaitu pada 1992 sehingga 2010 dan mengkaji semula syarat-syarat penggunaan tanah. Dalam kajian semula Dasar Pertanian Negara ini kementerian haruslah memberi perhatian segera terhadap berlakunya sejak kebelakangan ini satu trend penukaran penggunaan tanah di kawasan jelapang padi yang memerlukan Kementerian Pertanian mengambil langkah-langkah yang perlu.

Dari satu kajian yang telah dijalankan di kawasan seluas 7,727 hektar tanah yang merupakan 3.6% daripada keluasan jelapang padi telah ditukar syarat kepada penggunaan lain termasuklah pembinaan projek-projek



perumahan. Kehilangan kawasan tanah ini bermakna negara telah kehilangan sebanyak 2.7% atau 56,242 tan metrik pengeluaran padi negara dan keadaan ini jika tidak dikawal dengan rapi dan berkesan bukan sahaja boleh mengakibatkan kekurangan bekalan padi negara, bahkan juga akan menyebabkan penambahan bilangan import barangan makanan negara.

Kita mempunyai asas yang kukuh untuk merasa bimbang terhadap keperluan makanan bijiran seperti beras pada masa depan. Dalam kita menuju kepada sebuah negara perindustrian, janganlah kita alpa terhadap sektor pertanian yang merupakan satu sektor penting dalam menyambung bekalan makanan kepada rakyat. Kebimbangan kita diperkuatkan lagi dengan laporan Institut Penyelidikan Beras Antarabangsa iaitu IRRI di Manila yang sekali lagi membangkitkan isu pengeluaran makanan rugi penduduk Asia. Pengeluaran beras melalui 75 juta hektar tanah di Asia belum boleh menjamin keupayaan menampung permintaan yang sentiasa meningkat berikutan dengan pertumbuhan penduduk. Malaysia pastinya tidak akan terkecuali dalam kemungkinan menerima kesan daripada krisis makanan pada masa depan berasaskan pergantungan kita kepada import bekalan mentah seperti beras, buah-buahan, ikan dan daging secara purata lebih kurang 2 bilion setahun.

Pada masa ini pengeluaran beras negara sudah berkurangan daripada 80% pada tahun 60-an kepada hanya 65% sekarang dan hal ini menyebabkan pergantungan kepada import telah meningkat kepada sekitar 350,000 tan

metrik setahun dan keperluan makanan juga di ramalkan terus meningkat di antara 3% hingga 4% setahun dengan penggunaan perkapita berkembang 2% setahun bagi sayuran, buah-buahan, susu dan telur, daging lembu, kambing dan ayam.

Tuan Yang di-Pertua, pengeluaran makanan adalah agenda yang tidak boleh diketepikan di samping kepesatan pembangunan negara dalam pelbagai bidang dan aktiviti import yang tinggi bukan sahaja akan menyebabkan pengaliran wang keluar, malah membantut pengeluaran makanan dalam negara. Kementerian Pertanian harus menangani permasalahan bekalan makanan secara bersungguh-sungguh bagi mengelakkan krisis makanan di masa depan dan kementerian juga harus melihat persoalan risiko tinggi kepincangan dalam rangkaian pemasaran, tanggapan kerja pertanian adalah susah dan tarikan sektor lain telah melunturkan minat pelaburan di dalam sektor pertanian.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Tuan Abdul Rashid, saya cadangkan supaya disambungkan pada hari esok.

**Tuan Abdul Rashid bin Haji Ismail:** Ya. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, mesyuarat ditangguhkan sehingga jam 2.30 petang esok.

***Dewan ditangguhkan pada pukul 6.30 petang.***

